

PERANAN PERBANKAN ISLAM DALAM  
PENGEMBANGAN INDUSTRI KECIL DAN  
SEDERHANA DI KOTA PEKANBARU, RIAU:  
ANALISIS TERHADAP INSTRUMEN  
MURABAHAH

MASRIADI

JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2010

PERANAN PERBANKAN ISLAM DALAM  
PENGEMBANGAN INDUSTRI KECIL DAN  
SEDERHANA DI KOTA PEKANBARU, RIAU:  
ANALISIS TERHADAP INSTRUMEN  
MURABAHAH

MASRIADI

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH  
BAHAGIAN II  
(SECARA KURSUS DAN DISERTASI)

JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI  
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2010

## Abstrak

Perbankan Islam secara umumnya didefinisikan sebagai urusan operasi perbankan yang selari dengan prinsip Muamalah. Kemunculan institusi kewangan tanpa bunga khasnya dinegara-negara Islam telah menambah dimensi baru kepada modal-modal ekonomi. Bank-bank Islam ini telah wujud sebagai perantara kewangan termasuk *al-murabahah* yang beroperasi bersesuaian dengan prinsip-prinsip transaksi Islam. Disertasi ini menjelaskan peranan dari amalan perbankan Islam dalam pembiayaan industri kecil dan sederhana di Kota Pekanbaru, Riau, Indonesia dengan menggunakan instrumen *murabahah*. Kajian ini mendapati bahwa bank-bank Islam di Kota Pekanbaru, Riau memainkan peranan penting dalam pembangunan industri kecil dan sederhana di kota ini.

## Abstract

Islamic banking in general defined as the conduct of banking operation in consonance with Islamic principles of mu'amalat. The emergence of interest – free financial institutions especially in predominantly Muslim countries, has added a new dimension to economic models. This Islamic banks have organized financial intermediaries including *al-murabahah* which operate in accordance with the principles Islamic transactions. This dissertation explains the rol and practice of Islamic banking in the financing of the small and medium enterprises in Kota Pekanbaru, Riau, Indonesia using the murabahah instrument. The research found that Islamic banks play the important role in the development of SME in this city.

## PENGHARGAAN

Puji syukur penulis panjatkan kehadiran Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan kurnianya sehingga penulis dapat menyelesaikan penyelidikan ini yang bertajuk: Peranan Perbankan Islam Dalam Pengembangan Industri Kecil dan Sederhana Di Kota Pekanbaru, Riau, Indonesia. Penyelidikan ini dibuat sebagai syarat untuk menyelesaikan program sarjana di Jabatan Syari'ah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Penyelidik memepersembahkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Dr. Joni Tamkin Bin Borhan selaku penyelia yang telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar kepada penyelidik sehingga dapat menyempurnakan penyelidikan ini. Ucapan ribuan terima kasih kepada Ustaz Azizi Che Seman sebagai penyelia pertama yang telah mengorbankan banyak masa untuk memberikan panduan dan bantuan dalam pelbagai aspek. Demikian juga ucapan terima kasih kepada Dr. Aisha dan Cikgu Maheran atas bantuannya dalam memberikan panduan teknikal dan pengurusan data. Teristimewa kepada istri tercinta Sukma Wati yang sentiasa setia memberikan sokongan, bantuan, pengorbanan kepada penulis tanpa mengenal rasa jemu demi kesempurnanya penyelidikannya. Begitu juga yang tersayang ananda Zahrah Syahirah Aqilah serta seluruh ahli keluarga yang sentiasa mendo'akan kejayaan penyelidik dalam menyelesaikan pembelajaran peringkat sarjana.

Masriadi

Bandar Sunway  
Petaling Jaya  
46150

## ISI KANDUNGAN

Abstrak	ii-iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	v
Senarai Jadual	ix
Senarai Carta	xii
Senarai Kependekan	xiii
Senarai Transliterasi	xv

### **BAB I. PENDAHULUAN**

	Halaman
Pendahuluan	1
Latar Belakang Masalah	3
Permasalahan Kajian	9
Skop Kajian	9
Objektif Kajian	10
Kepentingan Kajian	11
Penjelasan Istilah	12
Kajian Lepas	14
Hipotesis	20
Kerangka Teori	21
Metod kajian	22
Sistematika Penulisan	25

### **BAB II . KONSEP DAN PERKEMBANGAN INDUSTRI KECIL DAN Sederhana DI INDONESIA**

2.1 Pengenalan	27
2.2 Definisi Industri Kecil dan Sederhana	38

2.3 Faktor Pengukur Industri Kecil dan Sederhana	29
2.4 Profil Industri Kecil dan Sederhana	33
2.5 Industri Kecil dan Sederhana Dalam Perekonomian Indonesia	36
2.5.1 Industrialisasi di Indonesia	36
2.5.2 Peranan Industri Kecil dan Sederhana Dalam Ekonomi Indonesia	39
2.5.3 Permasalahan Industri Kecil dan Sederhana	43
a. Permodalan	44
b. Keusahawanan	44
c. Teknologi	45
d. Pemasaran	46
e. Polisi	47
2.5.4 Pengembangan Industri Kecil dan Sederhana	49
2.6 Industri dan Pembangunannya Dalam Perpektif Ekonomi Islam	51
2.6.1 Industri Dalam Pandangan Islam	51
2.6.2 Pembangunan Industri Menurut Perspektif Ekonomi Islam	53
2.6.2.(a) Konsep Pembangunan Dalam Islam	53
2.6.2.(b) Pendekatan Pembangunan Industri Dalam Ekonomi Islam	54
1. Pembangunan Keusahawanan	55
2. Pembangunan Projek	58
2.7 Kesimpulan	

### **BAB III. MURABAHAH SEBAGAI PEMBIAYAAN INDUSTRI DALAM PERBANKAN ISLAM**

3.1 Pengenalan	62
3.2 Definisi Bank Islam	63
3.3 Sejarah Perkembangan Bank Islam di Indonesia	64
3.4 Tujuan Pengembangan Perbankan Islam di Indonesia	68

3.5 Prinsip Operasi Perbankan Islam	69
3.6 Murabahah Sebagai Instrumen Pembiayaan Industri Dalam Bank Islam	70
3.6.1 Definisi Murabahah	70
3.6.2 Hukum Murabahah	73
3.6.3 Dasar Hukum Murabahah	74
3.6.4 Syarat-syarat Murabahah	77
3.6.5 Konsep Modal Dalam Kontrak Murabahah	79
3.6.6 Murabahah Berasaskan Konsep <i>Li Amr bi Al-Shira'</i>	80
3.6.7 Konsep Murabahah Dalam Perbankan Islam	82
3.6.8 Produk-produk Pembiayaan Berasaskan Murabahah Dalam Perbankan Islam	84
3.6.9 Surat Kredit	85
3.6.10 Kaedah Pembayaran Dalam Jual Beli Murabahah	85
3.6.11 Jaminan Dalam Murabahah	86
3.6.12 Penentuan Keuntungan Pembiayaan Murabahah	87
3.7 Kesimpulan	

#### **BAB IV. IKS DAN INSTRUMEN PEMBIAYAAN MURABAHAH DALAM BANK ISLAM DI RIAU**

4.1 Pengenalan	90
4.2 Struktur Perekonomian Riau	91
4.3 Industri Kecil dan Sederhana di Kota Pekanbaru	94
4.4 Profil Industri-Industri Kecil dan Sederhana di Kota Pekanbaru	99
4.5 Masalah Pelesenan IKS di Kota Pekanbaru	100
4.6 Permasalahan Umum IKS di Kota Pekanbaru	101
4.6.1 Sumber Modal Insan	102
4.6.2 Pasaran	103
4.6.3 Teknologi	103



4.6.4 Modal	104
4.7 Bank Islam dan Pelaksanaan Instrumen Murabahah di Kota Pekanbaru	105
4.7.1 Penubuhan Bank Islam di Kotan Pekanbaru	105
4.7.1.(a) Bank Muamalat Indonesia (BMI)	106
i. Penubuhan BMI di Kota Pekanbaru	106
ii. Matlamat Penubuhan Bank Muamalat Cawangan Pekanbaru	107
iii. Produk-produk BMI	107
4.7.1.(b) Bank Syari'ah Mandiri (BSM)	112
i. Penubuhan Bank Syari'ah Mandiri di Kota Pekanbaru	112
ii. Matlamat Penubuhan BSM	113
iii. Produk-produk BSM	113
4.7.2 Pembiayaan Murabahah Dalam Bank Islam di Kota Pekanbaru	117
4.7.2.(a) Produk-Produk Bank Islam di Bawah Instrumen Murabahah	117
4.7.2.(b) Syarat-syarat Pembiayaan Murabahah	119
4.7.2.(c) Prosedur Pembiayaan Murabahah	120
4.7.2.(d) Simulasi Pembiayaan Murabahah	121
4.7.2.(e) Portfolio Pembiayaan Murabahah Dalam Bank Islam di Kota Pekanbaru	122
4.8 Kesimpulan	

**BAB V. ANALISIS PERANAN PERBANKAN ISLAM DALAM  
PENGEMBANGAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA DI KOTA  
PEKANBARU, RIAU**

5.1 Pendahuluan	127
5.2 Analisis Peranan Perbankan Islam Dalam Pengembangan Industri Kecil dan Sederhana di Kota Pekanbaru	128
5.2.1 Profil Responden	128
5.2.2 Peranan Perbankan Islam Dalam Pembiayaan Peralatan	132
5.2.3 Peranan Perbankan Islam Dalam Pembiayaan Kenderaan	138
5.2.4 Peranan Perbankan Islam Dalam Pembiayaan Premis Perniagaan	148
5.2.5 Kesimpulan	

## **BAB VI. RUMUSAN DAN CADANGAN**

6.1 Pengenalan	158
6.2 Rumusan	158
6.3 Cadangan	161
6.4 Kesimpulan	

## **BIBLIOGRAFI**

165

## **LAMPIRAN 1**

172

## **LAMPIRAN 2**

175

Universiti Malaysia

## SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
Jadual 1.1: Jumlah Unit Industri Kecil, Sederhana dan Besar Tahun 1999-2003	4
Jadual 1.2: Komposisi Pembiayaan Perbankan Syariah Tahun 2002-2003	8
Jadual 2.1: Definisi-definisi Industri Kecil di Indonesia	32
Jadual 2.2: Peluang Pekerjaan dan Nilai Tambah Dalam Sektor Industri di Indonesia Tahun 1974-1975	38
Jadual 2.3: Sumbangan Industri Kecil Terhadap Penyerapan Tenaga Kerja Sektor Industri Tahun 1984-1990	42
Jadual 4.1: Keluaran Dalam Negara Kasar Riau Menurut Bidang Usaha Termasuk Minyak dan Gas Tahun 2001-2006	94
Jadual 4.2: Perkembangan Unit Industri Kecil di Kota Pekanbaru Tahun 2004-2007	97
Jadual 4.3: Penyerapan Tenaga Kerja Dalam Sektor Industri Kecil di Kota Pekanbaru Tahun 2004-2007	98
Jadual 4.4: Nilai Investasi Industri Kecil Tahun 2004-2007	98
Jadual 4.5: Indikator Kinerja Utama Bank Syariah di Provinsi Riau 2005-2006	23
Jadual 4.6: Jumlah Pembiayaan Murabahah di Bank Muamalat Indonesia Cawangan Pekanbaru Tahun 2001-2004	24
Jadual 4.7: Jumlah Pembiayaan Murabahah di Bank Syariah Mandiri Cawangan Pekanbaru Tahun 2001-2004	124
Jadual 5.1: Jantina Responden	129
Jadual 5.2: Umur Responden	129

Jadual 5.3: Jenis Usaha Responden	130
Jadual 5.4: Pendapatan Bulanan	131
Jadual 5.5: Jumlah Pembiayaan Bank Islam Mengikut Instrumen	132
Jadual 5.6: Jenis Peralatan Yang di Biayai Bank Islam Menerusi Instrumen Murabahah	134
Jadual 5.7: Nilai Peralatan	135
Jadual 5.8: Bilangan Unit Peralatan	136
Jadual 5.9: Kekekapan Pembiayaan Peralatan	137
Jadual 5.10: Penggunaan Kenderaan	139
Jadual 5.11: Jenis Kenderaan	140
Jadual 5.12: Status Kenderaan	141
Jadual 5.13: Kaedah Pemilikan Kenderaan	142
Jadual 5.14: Institusi Pembiayaan Kenderaan	143
Jadual 5.15: Nilai Kenderaan	145
Jadual 5.16: Tempoh Pembiayaan Kenderaan	146
Jadual 5.17: Status Premis Perniagaan	148
Jadual 5.18: Institusi Pembiayaan Premis Perniagaan	150
Jadual 5.19: Nilai Premis Perniagaan Dalam Juta Rupiah	152
Jadual 5.20: Jenis Premis Mengikut Tingkat	153
Jadual 5.21: Bilangan Unit Premis Yang di Miliki Responden	153
Jadual 5.22: Kadar Bayaran Bulanan Premis Dalam Juta Rupiah	154
Jadual 5.23: Tempoh Pembiayaan Premis	155
Jadual 5.24: Jenis dan Kadar Peratusan Pembiayaan Murabahah Bank Islam	157

## SENARAI CARTA DAN RAJAH

Carta	Halaman
Carta 5.1: Jenis Peralatan Yang di Biyai Menerusi Instrumen Murabahah	134
Carta 5.2: Penggunaan Kenderaan Mengikut Jenis	141
Carta 5.3: Status Premis Perniagaan	149
Carta 5.4: Kadar Pembiayaan Murabahah	151
Rajah 1: Proses Pembiayaan Murabahah	84

Universiti Malaysia

## SENARAI KEPENDEKAN

BMI	: Bank Muamalat Indonesia
IKS	: Industri Kecil dan Sederhana
KDNK	: Keluaran Dalam Negara Kasar
PT	: Perseroan Terbatas
BPRS	: Bank Perkreditan Rakyat Syari'ah
No	: Nombor
BPS	: Badan Pusat Statistik
PMA	: Penanaman Modal Asing
PMDN	: Penanaman Modal Dalam Negeri
Rp	: Rupiah
UU	: Undang-undang
PELITA	: Pembangunan Lima Tahun
KIK	: Kredit Investasi Kecil
KMKP	: Kredit Modal Kerja Permanen
KUK	: Kredit Usaha Kecil
KUPEDES	: Kredit Umum Pedesaan
PIK	: Pemukiman Industri Kecil
LIK	: Lingkungan Industri Kecil
SUIK	: Sarana Usaha Industri Kecil
KUB	: Kelompok Usaha Bersama
UPT	: Unit Perkhidmatan Teknikal
TPI	: Tenaga Penyuluh Industri
OIC	: Organization of Islamic Conference

ADB	: Asian Development Bank
IDB	: Islamic Development Bank
KH	: Kiyai Haji
NU	: Nahdatul Ulama
Pakto	: Paket Oktober
MUI	: Majelis Ulama Indonesia
BI	: Bank Indonesia
BTN	: Bank Tabungan Nasional
BRI	: Bank Rakyat Indonesia
r.a	: Radiyallahu'anh
SUSENAS	: Sensus Nasional
IKAHH	: Industri Kimia Agro Hasil Hutan
ILMEA	: Industri Logam Mesin Elektronik dan Aneka
DPRD	: Dewan Perwakilan Rakyat
BNI	: Bank Nasional Indonesia
ULGS	: Unit Layanan Gadai Syari'ah
BSM	: Bank Syari'ah Mandiri
TRIWULAN	: Tiga Bulan

## KAEDAH TRANSLITERASI

Huruf Arab Transkripsi	Nama dan Transkripsi	Huruf Arab	Nama dan
ء, ا	: a,'(Hamzah)	ك	: k
ب	: b	ل	: l
ت	: t	م	: m
ث	: th	ن	: n
ج	: j	ه	: h
ح	: h	و	: w
خ	: kh	ي	: y
د	: d	ة	: h
ذ	: dh	Vokal Panjang	
ر	: r	أ	: a
ز	: z	و	: u
س	: s	ي	: i
ش	: sy	Vokal Pendek	
ص	: s	_____ (fathah)	a
ض	: d	_____ (dammah)	u
ط	: t	_____ (kasrah)	i
ظ	: z	Diftong	
ع	: '	وا	: aw
غ	: gh	أى	: ay
ف	: f	يى	: iy/i
ق	: q	وو	: uww



# BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Penubuhan Bank Muamalat Indonesia (BMI) pada tahun 1991<sup>1</sup> merupakan satu kejayaan dalam usaha mengakomodasi nilai-nilai Islam ke dalam sistem kewangan Indonesia. Sebagai sebuah negara yang memiliki majoriti penduduk beragama Islam, sudah sewajarnya Indonesia mempunyai sistem kewangan yang selari dengan nilai-nilai syara'. Di antara tujuan pengembangan perbankan Islam adalah mendorong peranan bank dalam menggerakkan sektor produktif dan menghapuskan aktiviti spekulatif serta memastikan pembiayaan digunakan untuk tujuan usaha yang berlandaskan nilai-nilai moral.<sup>2</sup> Ini tergambar dalam komitmen utama bank Islam menghapuskan amalan riba. Pada masa yang sama ia menekankan perlunya membuka peluang pembiayaan untuk pengembangan usaha berdasarkan prinsip usaha sama (*mutual relationship*) dalam bentuk hubungan kerjasama pelaburan yang harmoni.<sup>3</sup>

Untuk mewujudkan sistem kewangan Islam yang lebih relevan dengan tuntutan ekonomi semasa, perbankan Islam mengamalkan secara meluas kontrak-kontrak berasaskan jual beli, dengan konsep ini perbankan Islam lebih mudah dalam memberikan perkhidmatan sesuai dengan permintaan pelanggan. Diantara instrumen jual beli yang digunakan oleh bank Islam adalah *bay' al-murabahah*. Ia merupakan satu bentuk akad jual beli dengan harga asal

---

<sup>1</sup> Bank Muamalat Indonesia ditubuhkan pada 1 November 1991, dan mula beroperasi pada 1 Mei 1992. Lihat M Dawam Raharjo (2004), "Menegakkan Syari'at Islam di Bidang Ekonomi", dalam Kata Pengantar Adiwarman Karim (2004), *Bank Islam Analisis Fiqih dan Keuangan*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, h. xviii.

<sup>2</sup> Nurkhalis (2006), "Murabahah Sebagai Instrumen Pembiayaan Islam: Konsep dan Pelaksanaannya di Baitul Mal Wattamwil (BMT), Yogyakarta, Indonesia, (Disertasi Sarjana Syari'ah, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi, Akademi Islam, Universiti Malaya), h. 4.

<sup>3</sup> Efrinaldi (2001), *Studi Ekonomi Islam I: Telaah Kritis Konsep Islam Dalam Isu-Isu Penting Ekonomi Masa Kini*. Jakarta: Nuansa Permadani, h. 57.

ditambah dengan keuntungan. Dalam bank Islam, mekanisme pembiayaan ini dapat digambarkan dimana pihak bank membeli terlebih dahulu barangan yang diinginkan oleh pelanggan sebelum menjualnya semula kepada pelanggan berkenaan dengan harga pada harga tertentu yang mencakupi harga asal ditambah keuntungan.

Produk-produk berasaskan jual beli (*murabahah*) merupakan instrumen utama perbankan Islam dalam memberikan pembiayaan kepada pelanggan pada masa ini. Menerusi Instrumen tersebut perbankan Islam menawarkan pelbagai keperluan pembiayaan seperti pembiayaan modal usaha, pembiayaan pembelian barangan industri, pembiayaan pembelian peralatan pengeluaran, jentera dan lainnya. Ini secara tidak langsung membuka peluang lebih luas kepada bank Islam untuk meningkatkan peranan dalam pembiayaan di pelbagai sektor termasuk industri kecil dan sederhana.<sup>4</sup>

Industri kecil dan sederhana (IKS) merupakan kegiatan ekonomi rakyat skala kecil yang secara umum menghasilkan barangan penggunaan seperti tekstil, barangan makanan, barangan keperluan rumah tangga dan lain-lain. Bilangannya yang sangat banyak menghendaki wujudnya satu sistem pembiayaan yang kukuh bagi menjamin perkembangan sektor berkenaan. Kekurangan modal justru akan mengakibatkan usahawan-usahawan industri kecil dan sederhana berhadapan dengan pelbagai masalah seperti kesukaran meningkatkan kualiti mahupun kuantiti produk, penukaran peralatan moden, pengembang cawangan usaha dan lainnya. Justeru wujudnya institusi pelaburan akan menjadi pemangkin dalam mengembangkan lagi sektor berkenaan ketahap yang lebih mapan.

---

<sup>4</sup> Muhammad Ramzan Akhtar (1997), "Partnership Financing of Micro Enterprises", *International Journal of Social Economics*, Vol. 24, No. 12, hh. 1470-1487.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Perubahan pola pembangunan ekonomi Indonesia dari pada sektor pertanian kepada sektor industri mula dirasakan semenjak peralihan kekuasaan dari pada Orde Lama kepada Orde Baru<sup>5</sup> tepatnya pada tahun 1967. Ia ditandai dengan penggubalan undang-undang pembangunan industri yang bertujuan mendorong pertumbuhan dan pelaburan dalam sektor berkenaan. Langkah ini dibuat sebagai usaha menyelesaikan masalah pengangguran ekoran penurunan peranan sektor pertanian yang selama ini menjadi sektor utama ekonomi negara, namun kebelakangan sektor pertanian dilihat gagal memberikan penyelesaian terutama masalah buruh yang terus bertambah.

Bagi menjayakan pembangunan ekonomi menerusi peranan sektor industri kerajaan memberikan pelbagai insentif yang bertujuan untuk memancing minat para pelabur dalam dan luar negara, diantaranya menerusi pelan ekonomi terbuka<sup>6</sup> yang memberikan peluang yang lebih besar kepada pelabur-pelabur asing untuk menerokai pelbagai bidang ekonomi di Indonesia. Polisi ini telah membuahkan hasil apabila sektor industri tumbuh dengan pesat terutama industri-industri skala besar dan menengah, bahkan sehingga tahun 1991 sektor industri secara umum telahpun mengatasi peranan sektor pertanian dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Indonesia.<sup>7</sup>

---

<sup>5</sup> Orde Lama adalah sebutan bagi masa pemerintahan Presiden Suharto. Orde baru bermula dari tahun 1968 sehingga 1998. [http://id.wikipedia.org/wiki/Sejarah\\_Indonesia\\_\(1968-1998\)](http://id.wikipedia.org/wiki/Sejarah_Indonesia_(1968-1998)). Dirujuk pada 25 May 2008.

<sup>6</sup> Ekonomi terbuka bermaksud ekonomi yang menjalankan perdagangan dengan negara luar. Ekonomi terbuka juga dikenali sebagai ekonomi empat sektor yang terdiri daripada sektor isi rumah, sektor firma, sektor kerajaan dan sektor negara asing. <http://tutor.com.my/tutor/arkib2002.asp?e=STPM&s=EKO&b=MAC&m=2&r=m&i=NOTA>. Dirujuk pada 25 May 2009

<sup>7</sup> J. Supranto (1993), Profil Sektor Industri Menjelang PJPT II, Analisis (CSIS), No.6, Tahun XXII, November 1993, h. 526.

Industri di Indonesia secara umum dapat dibahagi kepada empat jenis iaitu industri besar, menengah, kecil dan rumah tangga.<sup>8</sup> Masing-masing mempunyai peranan yang sangat besar terhadap ekonomi. Bila industri besar dan sederhana mempunyai keunggulan dalam nilai tambah terhadap pendapatan negara, industri kecil dan rumah tangga pula merupakan sektor terbesar yang menyediakan peluang pekerjaan. Industri kecil dan sederhana menyerap sebahagian besar tenaga kerja dalam bidang industri, ini dapat dimaklumi kerana sektor berkenaan mempunyai bilangan yang cukup banyak. Pada tahun 2003 misalnya bilangan industri kecil dan sederhana sudah mencapai 42,326,519 unit syarikat yang mencakupi pelbagai bidang ekonomi sebagaimana yang dapat dilihat dalam jadual berikut.

Jadual 1.1: Jumlah unit industri kecil, menengah dan besar Tahun 1999-2003

<b>Jenis Industri</b>	<b>1999</b>	<b>2000</b>	<b>2001</b>	<b>2002</b>	<b>2003</b>
Besar	1,885	1,973	1,806	2,074	2,243
Menengah	52,214	54,632	51,227	58,992	61,986
Kecil	37,859,509	38,669,608	38,853,741	40,705,676	42,326,519
Jumlah	37,913,608	38,725,960	38,906,774	40,776,742	42,390,749

Sumber: Pusat Statistik Usaha Kecil Menengah 2004. Departemen Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah, Kementerian Koperasi Usaha Kecil Menengah (KKUKM) Indonesia.

Dari data pada jadual (1.1) di atas dapat dilihat perkembangan sektor industri yang cukup rancak, walaupun mendapat kesan negatif dari pada kegawatan ekonomi yang berlaku pada tahun 1997, namun sektor tersebut masih lagi mampu memperlihatkan pertumbuhan yang cukup tinggi dengan purata peningkatan bilangan syarikat mencapai dua juta dari tahun 2002 sehingga 2003. Perkembangan ini pula telah meningkatkan sumbangan IKS dalam pendapatan negara. Tahun 2006, sektor industri kecil dan sederhana telah memberikan

<sup>8</sup> Industri rumah tangga pada masa ini dijadikan satu kelompok data dengan industri kecil. Data-datadari Departemen Perindustrian dan Perdagangan Indonesia hanya terdapat tiga kategori industri iaitu industri kecil, menengah dan besar sebagai yang terdapat dalam data-data Departemen Koperasi. <http://www.dekop.go.id>. Dirujuk pada 23 Mei 2007.

sumbangan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 55 % mengatasi jumlah pendapatan sektor ekonomi lain termasuk industri besar.

Walau bagaimanapun kadar pertumbuhan sektor industri kecil dan sederhana tidak selaras dengan perkembangan aspek-aspek penting dalam industri seperti permodalan, keusahawanan, penggunaan teknologi dan pasaran. Para usahawan industri kecil dan sederhana tidak memiliki modal yang cukup untuk mengembangkan usaha yang menyebabkan kebanyakan industri skala kecil diuruskan dengan menggunakan peralatan dan teknologi sederhana. Akibatnya industri-industri IKS tidak dapat mengeluarkan barangan-barangan yang berkualiti sehingga menyebabkan keluaran IKS sukar bersaing di peringkat nasional mahupun global.

Keadaan demikian berlaku di semua tempat di Indonesia termasuk Propinsi<sup>9</sup> Riau yang merupakan sebuah negeri dengan perkembangan sektor industri yang cukup tinggi. Pada tahun 2006 Riau memiliki bilangan unit syarikat IKS mencapai 14,000, sebahagian dari padanya berada di kota Pekanbaru. Seperti kebanyakan industri kecil di Indonesia, IKS di Riau juga menghadapi masalah yang sama. Menurut Jabatan Perindustrian dan Perdagangan Propinsi Riau, walaupun kesedaran masyarakat membangun usaha secara mandiri cukup tinggi, namun kesedaran tersebut tidak disokong dengan kemampuan pengurusan yang profesional serta modal yang cukup, ramai para usahawan syarikat-syarikat IKS menghadapi kesukaran dalam menyediakan keperluan asas industri seperti barangan asas yang berkualiti, pembinaan tempat permanen, kerana ia memerlukan kos yang cukup tinggi.<sup>10</sup>

---

<sup>9</sup> Propinsi bererti negeri dalam istilah Malaysia, Propinsi Riau adalah sebuah negeri yang terletak di bahagian timur pulau Sumatra dan berbatasan langsung dengan Melaka.

<sup>10</sup> Di laporkan oleh Riaonline pada Rabu 15 Jun 2005. <http://www.Riaonline.com>.

Kerajaan pusat mahupun negeri telah berusaha meningkatkan sektor industri kecil dan sederhana dari segala aspek terutama permodalan dengan memperkenalkan pelbagai program pembiayaan khas bagi usahawan industri kecil dan sederhana. Menerusi keputusan Presiden No 10 tahun 1999 mengenai industri kecil dan sederhana kerajaan memberikan tanggung jawab kepada setiap kementerian yang terkait dengan IKS untuk meningkatkan pelbagai kemudahan penyokong pembiayaan modal kerja dan pelaburan dengan memperluas sumber dan pola pembiayaan, termasuk akses terhadap pasaran modal dan institusi kewangan lainnya.<sup>11</sup>

Penubuhan Perbankan Islam dalam rangka penyusunan semula perbankan nasional bertujuan diantaranya adalah untuk meningkatkan peranan sektor perbankan dalam ekonomi, sebagai sebuah institusi alternatif dengan konsep-konsep muamalat secara Islam, bank Islam dijangka dapat memainkan peranan lebih besar dalam pengembangan sektor industri kecil dan sederhana. Ini terbukti semenjak penubuhannya pada tahun 1991, bank Islam telah berjaya menarik ramai pelanggan, bahkan ia juga berjaya meningkatkan jumlah simpanan melalui pelbagai produk tabungan, deposit dan lain sebagainya. Selain itu bank Islam juga berjaya meningkatkan portfolio pembiayaan dalam sektor industri. Pengarah Utama Bank Muamalat Indonesia menjelaskan bahwa sehingga bulan Disember 2005, pembiayaan Bank Muamalat Indonesia mencapai Rp 6.053 triliun, dimana sebanyak 67% daripadanya diberikan untuk pembiayaan industri kecil dan sederhana (IKS)<sup>12</sup>. Pembiayaan tersebut diberikan menerusi skim pembiayaan dan pelaburan seperti *mudarabah*, *murabahah*, *musyarakah*, sewaan dan sebagainya.

---

<sup>11</sup> Laman web resmi Kementerian KUKM, <http://www.depkop.go.id>, dirujuk pada 20 April 2006.

<sup>12</sup> [Http:// www.republika.co.id/koran detail asp?id=260703&kat id=256&kat id1=&kat id2=](http://www.republika.co.id/koran_detail.asp?id=260703&kat_id=256&kat_id1=&kat_id2=). Dirujuk pada 26 Januari 2007.

Perbankan Islam mempunyai matlamat keuntungan dan *falah* yang direalisasikan dalam bentuk hubungan usaha sama dengan pelanggan.<sup>13</sup> Berdasarkan prinsip ini pelanggan tidak dianggap sebagai peminjam sebagaimana yang wujud dalam bank konvensional, akan tetapi ia adalah rakan kongsi dalam membangun dan menjayakan satu usaha. Dalam pemberian modal pula perbankan Islam menggunakan konsep-konsep berasaskan jual beli, kaedah ini bagi menghindarkan bank terbabat dalam amalan riba. Diantara instrumen pembiayaan berasaskan jual beli ini adalah *bay' al-murabahah*. Ia merupakan kontrak penjualan barangan dengan harga asal ditambah keuntungan. Secara sederhana mekanisme pembiayaan *murabahah* dapat digambarkan dengan bank membeli barangan yang diinginkan pelanggan dan kemudian menjualnya semula kepada pelanggan berkenaan dengan harga asal ditambah keuntungan yang dipersetujui pada masa akad dimaterai.

Menerusi instrumen *murabahah* pelanggan dapat menggunakan produk-produk bank Islam untuk pelbagai pembiayaan seperti pembiayaan modal pusingan bagi membeli stok barangan dan inventori, alat ganti, barang-barang mentah dan barang separuh siap.<sup>14</sup> *Murabahah* merupakan instrumen utama penyaluran dana perbankan Islam di Indonesia pada masa ini. Pusat Statistik Perbankan Syariah<sup>15</sup> Direktorat Perbankan Syariah mendapati, sehingga September 2003, komposisi pembiayaan perbankan syariah masih tertumpu pada pembiayaan *murabahah*. Jadual 1.2 dibawah memberikan gambaran secara jelas penggunaan dana oleh perbankan Islam dalam pembiayaan berasaskan *bay' al-murabahah* iaitu sehingga 70% dari pada keseluruhan pembiayaan bank Islam, kemudian diikuti oleh pembiayaan berasaskan *mudharabah* iaitu disekitar 15%. Baki dana yang digunakan disalurkan melalui pembiayaan-pembiayaan lainnya sebagaimana terdapat dalam jadual 1.2.

---

<sup>13</sup>Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *Bank Syariah Dari Teori ke Praktek*. Jakarta: Gema Insani Press, h. 34.

<sup>14</sup> Joni Tamkin Borhan (2001), "Sistem Perbankan Islam di Malaysia: Sejarah Perkembangan, Prinsip dan Amalannya", *Jurnal Usuluddin*, Bil 14, hh. 137-164.

<sup>15</sup> Di Indonesia perbankan Islam dikenal dengan istilah bank syariah.

Jadual 1.2: Komposisi Pembiayaan Perbankan Syari'ah (Jutaan Rupiah) tahun 2002-2003.

Rincian Pembiayaan Yang diberikan		Des 02	Mar 03	Jun 03	Jul 03	Ag 03	Sep 03
Dalam Rangka Restrukturisasi pembiayaan	Nilai	27,318	29,730	28,758	28,946	28,644	27,955
	Pangsa	0.83%	0.81%	0.68%	0.72%	0.61%	0.64%
Dalam Rangka Strukturisasi pembiayaan	Nilai	631	614	535	519	508	492
	Pangsa	0.02%	0.02%	0.01%	0.01%	0.01%	0.01%
Pembiayaan melalui lembaga lain	Nilai	7	6	4	4	3	3
	Pangsa	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%
Musyarakah	Nilai	60,191	70,395	86,729	115,137	134,719	133,963
	Pangsa	1.84%	1.92%	2.05%	2.87%	2.88%	3.05%
Mudharabah*	Nilai	498,618	533,795	593,057	628,938	671,099	701,505
	Pangsa	15.22%	14.57%	14.02%	15.67%	14.33%	15.98%
Piutang Murabahah*	Nilai	2,324,222	2,607,585	3,059,458	2,862,646	3,381,105	3,098,572
	Pangsa	70.93%	71.20%	72.35%	71.31%	72.20%	70.57%
Piutang Salam	Nilai	51	-	-	-	-	-
	Pangsa	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%
Piutang Istishna'	Nilai	220,720	248,016	241,954	244,152	258,482	256,449
	Pangsa	6.74%	6.77%	5.72%	6.08%	5.52%	5.84%
Lainnya	Nilai	144,829	172,446	218,485	134,135	208,386	171,709
	Pangsa	4.42%	4.71%	5.17%	3.34%	4.45%	3.91%
<b>Jumlah</b>		<b>3,276,650</b>	<b>3,662,587</b>	<b>4,228,980</b>	<b>4,014,477</b>	<b>4,682,946</b>	<b>4,390,648</b>

Sumber: Statistik Perbankan Syari'ah (*Islamic Banking Statistic*), September 2003.  
Direktorat Perbankan Syari'ah Bank Indonesia.

Fenomena ini menunjukkan bahawa produk-produk jual beli berasaskan *murabahah* digunakan secara meluas bahkan dalam kadar maksimum dalam perbankan Islam di Indonesia. Kemudahan dalam pelbagai aspek yang dimiliki oleh pembiayaan berasaskan konsep *murabahah* merupakan diantara faktor yang mendorong penggunaan instrumen *murabahah* disamping kadar risiko yang dimiliki oleh konsep berkenaan lebih rendah.

Kajian ini akan membincangkan lebih jauh mengenai peranan perbankan Islam dalam memberikan pembiayaan kepada sektor industri kecil dan sederhana menerusi instrumen *murabahah* yang mencakup pembiayaan pembelian peralatan produksi atau mesin pengeluaran, premis usaha dan kenderaan.



### 1.3 Permasalahan Kajian

Berdasarkan huraian di atas dapat dilihat bahawa perbankan Islam mempunyai matlamat yang jelas iaitu memberikan kemudahan kepada para pelanggan dalam memperoleh pembiayaan-pembiayaan modal industri. *Murabahah* pula merupakan instrumen yang paling luas penggunaannya dalam pembiayaan-pembiayaan modal industri dalam bank Islam. Oleh itu di sini dikemukakan beberapa persoalan dalam kajian ini:

1. Apakah konsep industri dalam perspektif ekonomi.
2. Apakah konsep *murabahah* menurut fiqh Islam
3. Bagaimana perbankan Islam mengaplikasikan konsep *murabahah*.
4. Apakah bentuk produk-produk pembiayaan berasaskan *murabahah* yang ditawarkan oleh perbankan Islam di kota Pekanbaru
5. Sejauhmana perbankan Islam telah memberikan kemudahan kepada para usahawan sektor industri kecil dan sederhana menerusi pembiayaan *murabahah*.
6. Sejauhmana peranan perbankan Islam dalam pemberian modal yang mencakupi pembiayaan untuk membeli peralatan pengeluaran, premis perniagaan, mesin pengeluaran bagi sektor industri kecil sederhana di kota Pekanbaru, Riau, Indonesia.

### 1.4 Skop Kajian

Secara umum kajian ini membincangkan peranan perbankan Islam terhadap perkembangan industri kecil dan sederhana di kota Pekanbaru, Riau, Indonesia. Kawasan kajian meliputi lapan kecamatan<sup>16</sup> iaitu Kecamatan Bukit Raya, Kecamatan Lima Puluh, Kecamatan Pekanbaru Kota, Kecamatan Sukajadi dan Kecamatan Senapelan.

---

<sup>16</sup> Kecamatan adalah Bandar kecil yang dipimpin oleh seorang Camat yang menguruskan beberapa buah desa.

Kota Pekanbaru merupakan daerah outonomi dengan perkembangan sektor industri kecil dan sederhana yang cukup tinggi, bahkan ia disebut dengan istilah kota perdagangan. Selain disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi dalam sektor perdagangan yang rancak, kemudahan dalam aspek pengangkutan dan infrastruktur juga turut menjadi faktor penting dalam perkembangan ekonomi Kota Pekanbaru. Dalam sektor kewangan pula Kota Pekanbaru juga memiliki bilangan institusi kewangan yang cukup banyak sama ada kerajaan, swasta mahupun instusi kewangan perkreditan dan Islam. Bank Islam memiliki dua cawangan di Kota Pekanbaru iaitu PT Bank Muamalat Indonesia cawangan Pekanbaru dan Bank Syari'ah Mandiri cawangan Pekanbaru. Disamping itu terdapat juga satu unit Bank Perkreditan Rakyat Syari'ah iaitu BPRS Hasanah. Bagaimanapun kajian ini hanya mengabil dua sampel bank Islam iaitu Bank Syari'ah Mandiri dan Bank Muamalat.

Pekanbaru seperti juga kota-kota lain di Indonesia didominasi oleh syarikat-syarikat industri skala kecil dan sederhana terutama sektor perdagangan dan pemprosesan seperti industri makanan, minuman, industri tekstil, industri pemprosesan berasaskan kayu dan rotan, perkakas tangan dan lainnya. Kajian ini secara umum akan melihat peranan bank Islam dalam memberikan pelbagai pembiayaan berasaskan instrumen *murabahah* kepada usahawan-usahwan industri kecil dan sederhana, dalam hal ini kajian akan dilakukan secara rambang terhadap semua jenis industri tanpa memilih industri tertentu, ini kerana beberapa kajian terdahulu mendapati bahawa bank tidak memiliki data khusus usahawan industri kecil dan sederhana yang telah mendapatkan pembiayaan.

### **1.5 Objektif Kajian**

Berdasarkan kepada permasalahan-permasalahan yang telah disebutkan, pengkaji akan menganalisis pelaksanaan instrumen *murabahah* oleh perbankan Islam di Kota Pekanbaru

terutama dari aspek peranannya dalam memberikan pembiayaan menerusi instrumen tersebut.

Objektif dari pada kajian ini adalah:

1. Mengkaji konsep *murabahah* dari persepektif fiqh Islam.
2. Meninjau cara pengaplikasian *murabahah* dalam perbankan Islam.
3. Mengetahui jenis-jenis produk pembiayaan perbankan Islam berasaskan instrumen *murabahah*.
4. Meninjau peranan perbankan Islam di Riau dalam memberikan pembiayaan modal kepada industri kecil dan sederhana berdasarkan instrumen *murabahah* mencakupi pembiayaan pembelian peralatan, pembelian kenderaan dan premis perniagaan. Data-data yang dikemukakan dalam penyelidikan ini merupakan data pembiayaan dari tahun 2001-2004. Adapun data selepas tahun 2004 tidak dapat diperolehi kerana dianggap sebagai rahasia oleh pihak-pihak bank berkenaan.

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Memandangkan fungsi perbankan yang amat penting bagi menggerakkan ekonomi, maka kajian ini diperlukan untuk mengetahui keberkesanan pembiayaan sistem perbankan Islam dalam pengembangan industri kecil dan sederhana menerusi instrument *murabahah*. Pembiayaan ini dikatakan sebagai ciri kepada perbankan Islam yang secara teori menekankan kerja sama antara bank dengan pelanggan. Sememangnya rangka kerja seperti ini adalah amat digalakkan bagi mendorong pertumbuhan sektor industri. Bagi industri kecil dan sederhana pula kemudahan pembiayaan dalam mengembangkan usaha merupakan suatu peluang untuk mengukuhkan dan mempertingkatkan lagi sektor berkenaan dalam pelbagai aspek bagi menghadapi persaingan dalam ekonomi global.

Untuk memberikan kefahaman yang lebih tepat dan luas diperlukan suatu kajian yang diharapkan dapat memberikan sumbangan kepada sosialisasi sistem pembiayaan perbankan Islam. Oleh itu kajian ini akan menghuraikan sistem pembiayaan berasaskan *murabahah* secara teori serta melihat keberkesanannya terhadap perkembangan sektor industri kecil dan sederhana terutama dalam aspek permodalan seperti pembiayaan peralatan, pembiayaan premis perniagaan dan pembiayaan kenderaan.

## 1.7 Penjelasan Istilah

Bagi mempermudah pemahaman terhadap kajian ini pengkaji merasa perlu menjelaskan beberapa istilah yang terdapat dalam kajian ini. Istilah-istilah tersebut adalah:

### 1.7.2 Murabahah

Para ulama mendefinisikan *murabahah* dengan perlbagai definisi, namun pada umumnya definisi tersebut memiliki maksud yang sama. Ibn Qudamah mendefinisikan *murabahah* sebagai suatu bentuk urusniaga yang menjual suatu barangan dengan modal ditambah keuntungan.<sup>17</sup> Menurut Ibn Humam *bay' al-murabahah* adalah suatu akad penyerahan barangan niaga yang dimiliki oleh seseorang berdasarkan harga asal serta ditambah dengan keuntungan yang dimaklumkan kepada si pembeli<sup>18</sup>. Dengan demikian, *murabahah* dapat dikatakan sebagai penjualan barangan pada harga tertentu yang mencakupi kos asal dan keuntungan. Dalam perbankan prosedur pelaksanaan instrumen ini dilakukan di mana bank akan membeli barangan yang dikehendaki oleh pelanggan. Kemudian bank

---

<sup>17</sup> Ibn Qudamah (1972), *Al-Mughni Wa al-Sharh al-Kabir*, Juz 4. Bairut: Dar al-Kutub al-'Arabi, h.159.

<sup>18</sup> Ibn Humam (1970), *Sharh Fath al-Qadir*, j. 6. Misr: Shirkah Maktabah wa Matba'ah al-Babi al-Halbi wa Auladiah, h. 510.

menjual barangan tersebut kepada pelanggan dengan harga yang dipersetujui oleh kedua belah pihak yang meliputi kos asal barangan yang dibayar oleh bank dan tambahan untung.<sup>19</sup>

### 1.7.3 Industri kecil dan sederhana<sup>20</sup>

Tidak ada definisi yang jelas tentang industri kecil dan sederhana, kerana aspek yang dijadikan sebagai pengukur industri kecil dan sederhana berbeza-beza dan selalu berubah menurut masa dan tempat. Kebanyakan negara menggunakan penggunaan tenaga sebagai kayu ukur saiz industri, walau bagaimanapun terdapat juga beberapa negara yang menggunakan jumlah modal. Di Indonesia industri kecil dan sederhana dilihat dari keduanya penggunaan tenaga dan jumlah modal yang dimiliki oleh sesebuah industri. Berdasarkan Undang-undang Republik Indonesia Nomor 9 Tahun 1995 Tentang Usaha Kecil dinyatakan bahawa industri kecil adalah usaha yang memiliki pendapatan bersih tidak melebihi dari pada Rp 200,000,000.00 (dua ratus juta rupiah) tidak termasuk tanah dan bangunan tempat usaha, serta memiliki hasil penjualan tahunan paling banyak Rp 1,000,000,000.00 (satu miliar rupiah); dan berdiri sendiri atau bukan merupakan anak syarikat atau cawangan perusahaan yang dimiliki, dikuasai, atau mempunyai hubungan baik langsung maupun tidak langsung dengan Usaha Menengah atau Usaha Besar. Industri sederhana pula dikriteriakan sebagai jenis usaha yang memiliki pendapatan bersih lebih besar dari Rp 200,000,000.00 (dua ratus juta rupiah) sampai dengan paling banyak Rp 10,000,000,000.00 (sepuluh miliar rupiah).<sup>21</sup>

---

<sup>19</sup> Joni Tamkin B Borhan (2004), *op.cit.*, h. 162.

<sup>20</sup> Industri kecil dan sederhana di Indonesia di sebut dengan istilah usaha kecil menengah (UKM)

<sup>21</sup> Laman wab resmi Departmen Perindustrian dan Perdagangan Republik Indonesia, <http://www.depkop.go.id>, dirujuk pada Jum'at 17 Mac 2006.

## 1.8 Kajian Lepas

Semenjak ditubuhkan perbankan syari'ah banyak kajian yang telah dibuat bagi menganalisis sistem ini dari pelbagai aspek. Ia tidak dilihat sebagai sebuah institusi kewangan yang sempurna, keunggulan dan kekurangan menjadi dua pokok kajian para penganalisa. Perbankan syari'ah juga selalu dikaitkan dengan pembangunan sosio ekonomi rakyat, sama ada dalam sektor pertanian, perdagangan maupun industri. Beberapa kajian telahpun dilakukan bagi mengetahui keterlibatan bank syari'ah dalam pembangunan sektor-sektor tersebut.

### a. Kajian di Indonesia

Sofyan<sup>22</sup> dalam Disertasi Sarjananya “Peranan Perbankan Islam Dalam Pembangunan Sosio Ekonomi di Daerah Nanggro Aceh Darussalam”, mengulas manfaat pelaksanaan prinsip syari'ah oleh perbankan Islam. Penubuhan bank Islam khasnya Bank Perkreditan Rakyat Syari'ah (BPRS) bertujuan membangun ekonomi masyarakat kecil terutama masyarakat kawasan luar bandar melalui pengumpulan dana-dana yang tidak produktif dan seterusnya dana tersebut diagihkan disektor produktif. Instrumen-instrumen yang digunakan hampir sama dengan produk-produk yang ditawarkan perbankan umum seperti sistem simpanan murni, kongsi untung rugi, jual beli margin keuntungan, sistem sewa dan sistem upah. Penulis juga menjelaskan permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh Bank Perkreditan Rakyat seperti persoalan undang-undang, kurangnya tenaga mahir, pemahaman masyarakat yang masih rendah terhadap perbankan syari'ah, instrumen kewangan dan penyempurnaan ketentuan bank syari'ah serta keterbatasan jaringan. Penulis menyimpulkan bahawa, walaupun peranan yang

---

<sup>22</sup> Sofyan (2004), “Peranan Perbankan Islam Dalam Pembangunan Sosio Ekonomi di Nanggro Aceh Darussalam” (Disertasi Sarjana Syari'ah, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)

dimainkan oleh perbankan syari'ah masih kecil, namun sumbangan institusi berkenaan terhadap sosio-ekonomi masyarakat cukup membanggakan.

Fitrianto<sup>23</sup> telah menulis tentang pelaksanaan prinsip *mudarabah* oleh Bank Syari'ah Mandiri dan Bank Muamalat Indonesia. Penulis menganalisis kesesuaian produk-produk berasaskan *mudarabah* yang dilaksanakan oleh bank-bank berkenaan dengan prinsip syara' terutama ditinjau dari perspektif *fiqh*. Produk-produk pembiayaan berasaskan *mudarabah* turut dibincangkan. Menurut penulis bank-bank berkenaan telah memberikan pelbagai pembiayaan seperti pembiayaan perdagangan dan kilang-kilang pembuatan. Selain itu bank syari'ah juga memberikan pembiayaan pembelian kenderaan bermotor dan pembiayaan keperluan pembelian haiwan kurban pada musim perayaan menerusi produk-produk berasaskan *mudarabah*.

Anggia Murni<sup>24</sup> menulis tentang perkembangan agroindustri skala kecil propinsi Riau yang melihat sektor ini sebagai penggerak perekonomian secara umum. Menurut beliau agroindustri merupakan bahagian dari pada industri pengolahan yang diyakini dapat menjadi aset dalam rangka pembangunan ekonomi masyarakat kecil, karena pada umumnya sektor ini melibatkan masyarakat-masyarakat ekonomi rendah dan menengah. Permasalahan yang muncul keterbatasan modal menjadikan perkembangan sektor ini tidak menentu. Penulis menyimpulkan bahawa kondisi perkembangan agroindustri tidak menentu disebabkan oleh pelbagai aspek, selain dari pada modal yang terbatas, ilmu pengetahuan, teknologi, sumber daya manusia juga turut menjadi masalah dalam usaha pembangunan agroindustri di propinsi Riau.

---

<sup>23</sup> Fitrianto (2006), "Analisis Pelaksanaan Prinsip Al-Mudharabah oleh Bank Syari'ah Mandiri dan Bank Muamalat Indonesia Cawangan Pekanbaru, Riau, Indonesia" (Disertasi Sarjana Syari'ah, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

<sup>24</sup> Anggia Murni (2000), "Perkembangan Agroindustri Skala Kecil Propinsi Riau" (Disertasi Sarjana Pertanian, Jabatan Sosial Ekonomi Pertanian (Agrobisnis), Fakulti Pertanian Universiti Riau, Indonesia).

## b. Kajian di Malaysia

Hydzulkifli Hj Hashim<sup>25</sup> membuat satu kajian perbandingan antara Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Bank Islam Malaysia Berhad dalam pembiayaan-pembiayaan perdagangan secara Islam yang melihat pelbagai aspek seperti produk, modus operandi, kadar keuntungan yang dikenakan terhadap pelanggan serta tempoh pembiayaan. Pada umumnya kedua bank mengamalkan pembiayaan jangka pendek yang digunakan untuk pelbagai keperluan pelanggan seperti pembelian, penjualan, peralatan, bahan gantian, bahan mentah, dan barangan separuh siap. Penulis menyimpulkan kedua bank tersebut mengamalkan pembiayaan yang sama serta produk-produk yang tidak jauh berbeza.

Wan Mohd Nazwan Wan Mahmud<sup>26</sup> menulis mengenai produk-produk pembiayaan berasaskan prinsip *bay' bithaman ajil* dalam Bank Muamalat Malaysia Berhad. Pelbagai produk pembiayaan dibawah teori *bay' bithaman ajil* turut dibincangkan seperti jual beli, *murabahah*, *al-rahn* dan *al-kafalah*. Produk *bay' bithamani ajil* secara teorinya sama dengan produk *murabahah*, tapi menurut penulis yang membezakannya adalah sistem pembayaran ansuran. Di bawah akad-akad tersebut Bank Muamalat Malaysia Berhad menawarkan pembiayaan pembelian rumah dan pembiayaan aset tetap. Dalam pembiayaan aset tetap walaupun pembayaran dilakukan secara bertangguh, namun hak milik harta yang dibeli adalah di bawah tuntutan bank sehinggalah bayaran selesai.

---

<sup>25</sup> Hydzulkifli Hj Hashim (2004), "Pembiayaan Perdagangan Islam Dalam Sistem Perbankan: Kajian Perbandingan Antara Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Bank Islam Malaysia Berhad" (Disertasi Sarjana Syari'ah, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

<sup>26</sup> Wan Mohd Nazwan Wan Mahmud (2003), "Produk Bay' Bithamani Ajil (BBA) Dalam Bank Muamalat Malaysia Berhad" (Disertasi Sarjana Syari'ah, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)



Noraini Bt Ramlan<sup>27</sup> dalam kajiannya terhadap produk-produk perbankan Islam di Bank Pertanian Malaysia dan peranannya dalam perkembangan sektor pertanian juga membincangkan sumbangan perbankan dalam memberikan perkhidmatan dan pembiayaan kepada para petani untuk mengembangkan pertanian. Penulis menyebutkan pelbagai kaedah pembiayaan berasaskan muamalah syari'ah dalam bank berkenaan. Pembiayaan-pembiayaan tersebut dikategorikan berdasarkan spesifikasi usaha, seperti pembiayaan dalam bentuk pinjaman berjangka, prinsip *bay' bithaman ajil*, pinjaman pusingan melalui kontrak *murabahah*, pinjaman perdagangan menerusi *murabahah* dan pinjaman dana khas. Selain menjelaskan kaedah pembiayaan penulis juga membincangkan produk gadaian yang diberikan oleh bank pertanian yang dibahagi menurut tempoh pinjaman, jenis-jenis barang gadaian yang diterima bank pertanian turut dipaparkan.

Zahrah Bt M Zuhri<sup>28</sup> dalam Pembiayaan Perdagangan Menurut Perspektif Islam: Kajian di Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad. Menganalisa mekanisme pembiayaan yang diberikan bank Industri untuk meningkatkan mutu perdagangan. pelbagai perkhidmatan menerusi konsep mu'amalah syari'ah seperti *musyarakah*, *mudarabah*, *murabahah*, *bay' bi thaman ajil*, *salam* dan *ijarah* dijadikan sebagai instrumen bagi mendapatkan modal perdagangan mahupun aset industri. Dalam pembiayaan aset tersebut bank Industri membahagikan akad dalam tiga jenis berdasarkan bentuk transaksi yang dilakukan iaitu *Bay' bithaman ajil*, *Ijarah* dan *Ijarah thumma bay'*. Kemudahan tabungan bagi usahawan baru pula digunakan untuk menggalakkan kapasiti produktiviti serta penggunaan kemudahan yang sedia ada dalam sector tersebut. Di antara kemudahan tabungan yang ditawarkan oleh bank Industri seperti *Bay' bi Thamani Ajil*, *Murabahah* dan *Istishna'*.

---

<sup>27</sup> Noraini Bt Ramlan (2003), "Produk-produk Perbankan Islam di Bank Pertanian Malaysia dan Peranannya dalam sektor pertanian" (Kertas Projek, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)

<sup>28</sup> Zahara Bt M Zuhri (2004), "Pembiayaan Perdagangan Menurut Perspektif Islam:Kajian di Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad" (Kertas Projek, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)

Apizal Binti Md Nor<sup>29</sup> mengkaji mengenai pembangunan perdagangan di Bank Islam Malaysia Berhad menganalisa bentuk pembiayaan yang diberikan oleh Bank Islam Malaysia Berhad. Jenis pembiayaan dalam bentuk surat kredit dengan pelbagai prinsip seperti *musyarakah*, *murabahah* dan *wakalah*, serta pembiayaan modal kerja menerusi prinsip *murabahah* dibincangkan secara luas. Bil penerimaan Islam untuk eksport dan import turut dikaji.

Azilah Binti Mohd Noh (2003)<sup>30</sup> dalam kajian Pembiayaan Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS): Pelaksanaannya di Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad membincangkan mengenai kepentingan IKS dalam pembangunan ekonomi. IKS sebagai sektor usaha yang menguasai sektor industri di Malaysia memerlukan pembangunan yang berterusan. Kepentingan ini dapat dilihat dalam peranan IKS membuka peluang pekerjaan, penggunaan tenaga buruh secara intensif serta pengukuhan struktur asas industri negara. Penulis juga membincangkan isu-isu yang dihadapi oleh sektor industri kecil dan sederhana seperti permasalahan modal kredit, keperluan tenaga mahir, kemudahan bekalan bahan mentah, pemasaran dan tempat permanen yang dapat digunakan untuk ruang pejabat mahupun stor. BPIMB telah melakukan banyak usaha bagi menjamin prospek industri kecil, pelbagai pembiayaan diberikan bagi memberikan kemudahan kepada sector tersebut. Diantara pembiayaan yang terdapat di BPIMB adalah pembiayaan pembangunan yang di khaskan untuk industri kecil dan sederhana dan pembiayaan perbankan infrastruktur.

---

<sup>29</sup> Apizal Bt Md Nor (2003), "Pembangunan Perdagangan di Bank Islam Malaysia Berhad" (Kertas Projek, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)

<sup>30</sup> Azilah Binti Mohd Noh (2003), "Pembiayaan Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS): Pelaksanaannya di Bank Pembangunan dan Inprastruktur Malaysia Berhad" (Kerta Projek, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)

Rodziah Bt Abdul Taib<sup>31</sup> membincangkan permasalahan pelaksanaan tabungan industri kecil dan sederhana (IKS) di Bank Islam Malaysia Berhad. Keberkesanan dan keunggulan yang diberikan bank Islam dapat dilihat dari pada kemudahan mendapatkan pinjaman bagi sektor IKS menerusi pembiayaan-pembiayaan syari'ah, pembiayaan ini pula biasanya digunakan untuk tujuan meningkatkan kapasiti pengeluaran dan modal kerja. Urusan bank Islam memberikan satu pendekatan baru sejalan dengan matlamat menghapuskan unsur-unsur eksploitasi dan mengikis sikap konfrontasi antara pemberi pinjaman dan pengusaha yang memerlukan modal. Dalam tulisan ini penulis menjelaskan mekanisme dan prosedur mendapatkan pinjaman pembiayaan. Selain itu penulis juga memetik pelbagai definisi industri kecil dan sederhana sama ada dari bank Islam mahupun dari pada pandangan pelbagai kalangan ahli akademik.

### c. Kajian di Lain Negara

Muhammad Ramzan Akhtar<sup>32</sup> dalam tulisannya telah membincangkan secara umum permasalahan pembangunan industri kecil melalui keaedah pembiayaan secara syari'ah. *Mudarabah* dan *musyarakah* adalah dua skim pembiayaan alternatif yang memiliki pontensi dalam memberikan pembiayaan bagi menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh industri kecil. Permasalahan kewangan industri kecil menjadi tumpuan dalam artikel ini. Selain itu penulis juga menjelaskan cara kerja *mudarabah* dan *musyarakah* dalam pemberian pembiayaan kepada industri kecil. Kejayaan-kejayaan perbankan di beberapa negara turut dipaparkan untuk melihat sejarah kejayaan bank Islam dalam memberikan pembiayaan industri kecil.

---

<sup>31</sup> Radziah Bt Abdul Taib (2003), "Pelaksanaan Tabungan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Bank Islam Malaysia Berhad" (Kertas Projek, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

<sup>32</sup> Muhammad Ramzan Akhtar (1997), "Partnership Financing of Micro Enterprise", *International Journal of Social Economics*, Vol. 24 No. 12, hh. 1470-1487.

Masudul Alam Choudhury<sup>33</sup> membicarakan tentang pembangunan industri kecil dengan menggunakan institusi kewangan Islam dan institusi lainya, walaupun kajian mengambil skop Bangladesh namun menggunakan pendekatan pembangunan dan implikasi yang bersifat universal. Pada umumnya pembangunan industri kecil selalu dikaitkan dengan kewangan, padahal dalam skopnya sebagai sebuah usaha memerlukan potensi dari pelbagai aspek. Menurut penulis selain dari pinjaman modal pendekatan seperti latihan keusahawanan sangat diperlukan untuk pembangunan industri kecil, kepengurusan yang cekap serta struktur usaha yang lebih mantap. Berkaitan dengan ini penulis membicarakan struktur kepengurusan sesebuah usaha yang ideal. Penulis menyimpulkan pembangunan industri kecil memerlukan perubahan yang lebih umum dari pada institusi syari'ah, ekonomi dan instrumen kewangan. Ini bertujuan bagi mengambil asas-asas yang diperlukan dalam pembangunan.

Berdasarkan penulisan-penulisan terdahulu yang banyak membicarakan mengenai pembiayaan perbankan syari'ah secara global dan tinjauan teori, kajian ini pula lebih khusus kepada keberkesanan produk-produk perbankan syari'ah menerusi instrumen *murabahah* terhadap perkembangan sektor industri kecil dan sederhana. Selain institusi kewangan yang berbeza, kajian ini mengambil skop atau batasan kajian kepada satu wilayah yang setakat ini belum dibincangkan secara khusus iaitu kota Pekanbaru. Instrumen *murabahah* pula dipilih disebabkan oleh dominasi produk-produk pembiayaan perbankan syari'ah menerusi kedua instrumen tersebut.

## 1.9 Hipotesis

Berasaskan kepada tinjauan secara umum berkaitan dengan kajian ini dapat dikemukakan hipotesis sebagai berikut:

---

<sup>33</sup> Masudul Alam Choudhury (2002) "Microenterprise Development Using Islamic Financing and Organizational Instruments Modality and Practicum", *International Journal of Social Economic*, Vol. 29 No 1 / 2, hh. 119-134.

1. Perbankan Islam mempunyai peranan penting dalam pengembangan industri kecil dan sederhana.
2. Perbankan Islam mampu memberikan kemudahan kepada sektor IKS bagi mendapatkan keperluan modal kerja.
3. Menerusi instrumen *murabahah* perbankan Islam dapat memberikan kemudahan kepada usahawan untuk peralatan usaha
4. Perbankan Islam memberikan kemudahan bagi para pelanggan untuk mendapatkan kenderaan.
5. Perbankan Islam memberikan kemudahan kepada para pelanggan untuk membeli premis-premis perniagaan.

### **1.10 Kerangka Teori**

Bagi mempermudah analisis dalam kajian ini, akan digunakan kerangka teori iaitu pengenalan konsep perbankan Islam yang ditinjau dari aspek perbankan sebagai institusi perdagangan, dengan mengemukakan sistem operasional dan matlamat secara umum. Pembiayaan berasaskan *murabahah* dalam operasional perbankan Islam merupakan bahagian yang akan mendapat penekanan yang lebih mendalam, ini bertujuan bagi mengetahui sejauh mana kesan dari pelaksanaan konsep terhadap perkembangan ekonomi masyarakat khususnya industri kecil dan sederhana.

Untuk membuktikan keberkesanan pelaksanaan kedua instrumen tersebut beberapa aspek yang berhubung kait dengan industri seperti permodalan, kemudahan memperoleh barangan asas industri, pembelian peralatan, serta pengadaan bangunan-bangunan atau infrastruktur usaha. Faktor-faktor ini ditentukan dengan merujuk kepada perkhidmatan-perkhidmatan serta pembiayaan perbankan Islam melalui kedua produk tersebut. Berkaitan

dengan ini pula manajemen pembiayaan perbankan Islam juga akan dibincangkan untuk mengetahui kesulitan yang dihadapi oleh perbankan Islam dalam mengaplikasikan produk *mudarabah* dan *murabahah* bagi memberikan kajian yang lebih realistik.

## **1.11 Metod Kajian**

Untuk memudahkan kajian dibuat lebih terperinci maka kajian ini dibagai menjadi dua tahap:

### **1.11.1 Pengumpulan Data**

Kajian ini secara umum akan dibagai menjadi dua bentuk iaitu. Pertama kajian yang bersifat teoritis iaitu kajian yang berkaitan dengan perbankan Islam secara teori yang mencakupi aspek sejarah dan kejayaan perbankan Islam dalam memberikan perkhidmatan melalui pelbagai produk pelaburan dan pembiayaan khasnya menerusi instrumen *murabahah* yang tinjau dari aspek teoritis. Ia meliputi teori *murabahah* menurut fiqh serta konsep *murabahah* dalam kontek perbankan semasa. Kedua kajian empirikal iaitu tahap pembuktian teori-teori pelaksanaan instrumen *murabahah* oleh perbankan Islam yang dilihat dari aspek peranannya dalam memberikan pembiayaan modal kepada usahawan-usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) berdasarkan data-data yang ada. Untuk memudahkan pengumpulan data-data berkenaan digunakan beberapa metode yang sesuai iaitu:

#### **a. Metode Sejarah**

Adalah satu kaedah pengumpulan data dengan melihat suatu permasalahan dari aspek kronologi. Penggunaan metod ini bagi memperolehi data-data yang bernilai sejarah dari buku-buku, data agensi kerajaan, dokumen-dokumen yang mempunyai hubung kait dengan tajuk penyelidikan.

## b. Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi merupakan pengumpulan data-data yang diambil dari pelbagai sumber-sumber bertulis seperti buku-buku, majalah, jurnal kertas-kertas seminar, laporan tahunan dan lainnya.

## c. Temu Bual Berstruktur

Metode ini merupakan teknik pengumpulan keterangan secara lisan untuk mendapatkan perspektif dan eksplorasi '*in-depth*' pendapat, komen masalah dan isu-isu yang berkaitan dengan tajuk kajian dari pada responden atau usahawan industri kecil dan sederhana di Kota Pekanbaru, Riau, Indonesia. Temubual mengambil masa selama 15 hari bermula dari 18 Jun sehingga 3 July 2008. Purata masa yang digunakan untuk satu sesi temubual adalah 15 minit, sebab sebahagian besar dari pada responden tidak memiliki masa yang lapang, kerana temubual dibuat dipremis-premis perniagaan.

Kajian ini menggunakan protokol temu bual yang merupakan satu outline topik atau isu yang dibincangkan semasa temu bual atau perbincangan. Soalan yang diajukan akan disusun menurut keperluan penyelidikan. Walau bagaimanapun soalan tambahan juga akan disediakan untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting yang tidak terdapat dalam soalan-soalan yang telah disusun.

Soalan-soalan dalam temu bual dibahagi menjadi tiga bahagian iaitu soalan mengenai pembiayaan peralatan, pembiayaan kenderaan dan pembiayaan rumah atau premis perniagaan. Tumpuan akan diberikan kepada jenis pembiayaan yang telah diperolehi oleh responden. Untuk mendapatkan maklumat melalui temu bual, kajian ini melibatkan seramai 60 orang usahawan dari 10 jenis industri yang dikenal pasti mendapatkan pembiayaan dari bank Islam iaitu industri roti dan kek 11 orang, kedai runcit 8 orang, besi dan logam 7 orang, perabot 6

orang, keropok 6 orang, tofu dan tempe 6 orang, restoran 5 orang, bahan bangunan 4 orang, kerepek 4 orang dan jamu 3 orang.

Responden temu bual yang dipilih iaitu usahawan yang telah mendapatkan sekurang-kurangnya satu pembiayaan yang dipilih secara rambang kerana penyelidik tidak mendapatkan data-data usahawan yang telah mendapatkan pembiayaan dari pada pihak bank, kerana bank tidak dapat memberikan data berkenaan atas dasar memelihara rahasia pelanggan. Kajian ini juga telah menemu bual dua orang pegawai bank Islam bagi mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan dengan amalan. Untuk melengkapkan data penyelidikan ini juga menemu bual pegawai Jabatan Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru.

#### 1.11.2 Metode Analisis Data

Kajian ini mempunyai tujuan untuk mengetahui kesan pelaksanaan sistem perbankan Islam khususnya instrumen *murabahah* terhadap pengembangan industri kecil dan sederhana di Kota Pekanbaru, Riau. Data temu bual yang telah diperolehi akan dianalisis dengan menentukan pola dan tema yang berulang (*recurrent themes*). Tema-tema tersebut telah dikelompokkan kepada kategori-kategori tertentu yang diguna pakai untuk pengurusan data. Sebahagian dari pada kategori meletakkan petikan temu bual (*excerpts/transcription of relevant quotation*) berserta penjelasan kategori yang telah dikemukakan. Semua data temu bual yang diperolehi dari pada responden dianalisis menjadi maklumat yang lebih jelas, berfokus dan khusus.

Untuk memudahkan pengolahan data dan menentukan tingkat peranan perbankan Islam dalam pengembangan industri kecil dan sederhana menerusi produk-produk *murabahah*



akan dijelaskan dalam bentuk peratusan. Oleh itu kajian ini juga melibatkan penggunaan program SPSS.

### **1.12 Sistematika Penulisan**

Bagi mempermudah kerja penulisan dan penyusunan maklumat menjadi bab-bab yang lebih teratur dilakukan pembahagian bab menurut kronologi kajian, selain itu ia juga bagi mamastikan kajian tidak tersasar dari pada objektif sebenar. Oleh itu kajian ini dibahagikan menjadi enam bab:

Bab Satu: Pendahuluan. yang mengandungi Pengenalan, latarbelakang masalah dan permasalahan kajian yang menjadi pendorong kepada pelaksanaan kajian ini. Bab ini juga mengandungi objektif kajian, kerangka teori kajian, skop kajian, kajian lepas dan juga metodologi kajian. Selain itu sistematika penulisan juga disebutkan pada bahagian ini.

Bab Dua: Industri Kecil dan Sederhana di Indonesia dan Permasalahannya. Secara umum bab ini mengandungi pembahasan mengenai IKS dalam konteks ekonomi Indonesia, yang mencakupi konsep dan peranannya. Permasalahan khususnya dari aspek pembiayaan serta penyelesaiannya dari perspektif ekonomi konvensional dan Islam juga dibincangkan dalam bab ini.

Bab Tiga. Perbankan Islam dan produk pembiayaan. Bab ini difokuskan kepada pengertian perbankan Islam, sejarah perkembangan di Indonesia, tujuan dan produk pembiayaan secara umum. Pembiayaan *murabahah* juga dibincang dalam bab ini yang mencakup pengertian, dasar hukum, jenis produk, kaedah pembayaran, penentuan margin keuntungan serta syarat dan ketentuan yang berkaitan dengan *murabahah*.

Bab Empat: Bank Islam dan Pembiayaan *Murabahah* di kota Pekanbaru. Bab ini mencakupi perbincangan mengenai struktur ekonomi Riau khususnya Kota Pekanbaru, IKS di Kota Pekanbaru, permasalahan serta usaha mengatasinya. Pelaksanaan konsep *murabahah* oleh bank-bank Islam di kota pekanbaru dibincangkan juga dalam bab ini.

Bab Lima: Analisis peranan perbankan Islam menerusi instrument *murabahah* berdasarkan data-data yang diperolehi dari soal selidik.

Bab Enam: Rumusan yang mencakup rumusan kajian dan cadangan bagi meningkatkan peranan perbankan Islam menerusi instrumen *murabahah*.

Universiti Malaysia

## **BAB II**

### **KONSEP DAN PERKEMBANGAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA DI INDONESIA**

#### **2.1 Pengenalan**

Sektor industri kecil dan sederhana mempunyai peranan penting dalam perekonomian sesebuah negara. Bahkan di sesetengah negara sektor ini menjadi penyumbang utama kepada pendapatan negara secara umum disamping menjadi sektor ekonomi yang paling banyak menyerap tenaga kerja. Sebab itu isu pembangunan industri kecil selalu mendapat perhatian serta mencetuskan perancangan dan pelbagai program pembangunan. Namun realiti memperlihatkan para usahawan syarikat-syarikat IKS masih berhadapan dengan pelbagai masalah terutama permodalan. Keadaan ini dilihat sebagai diantara faktor yang menyukarkan sektor berkenaan berkembang dan bersaing pada peringkat global.

Sistem kewangan Islam melihat pembangunan sektor IKS dari perspektif berbeza dan mempunyai teori penyelesaian sendiri bagi membantu para usahawan keluar dari pada masalah-masalah yang dihadapi. Berbeza dengan sistem ekonomi konvensional, Islam menganggap isu pembangunan IKS sebagai masalah yang harus diselesaikan melalui pendekatan-pendekatan yang lebih komprehensif yang mencakupi aspek material dan bukan material.

Pada bab ini akan dijelaskan tentang konsep industri kecil dan sederhana, peranannya dalam ekonomi Indonesia serta program yang berhubung kait dengan isu pembangunan IKS. Selain itu, dalam bab ini juga akan dijelaskan permasalahan-permasalahan umum yang

dihadapi oleh usahawan IKS. Diakhir bab akan dikemukakan teori dan prinsip-prinsip pembangunan industri kecil dan sederhana dari perspektif ekonomi Islam.

## 2.2 Definisi Industri Kecil dan Sederhana

Industri<sup>1</sup> kecil merupakan satu bentuk unit usaha dengan pelbagai ciri, oleh itu tidak ada satu definisi yang lengkap dan mencakupi seluruh aspek serta sesuai untuk semua tempat. Para pakar ekonomi cuba mentakrifkan industri kecil dan sederhana berdasarkan keadaannya secara umum, walau bagaimapun mereka melihatnya dari perspektif yang berbeza. Raharjo misalnya yang melihat industri dari aspek modal dan penggunaan teknologi mengatakan bahwa industri kecil adalah usaha yang hanya memerlukan modal kecil, boleh memanfaatkan sumber-sumber dengan mudah dan hanya memerlukan teknologi sederhana yang dapat dikuasai dengan keterampilan tangan serta dapat diproses dengan kaedah sederhana.<sup>2</sup> Pengertian serupa juga dikemukakan oleh Siahaan yang menjelaskan bahawa usaha kecil merupakan usaha rakyat yang unit pengelurannya tidak menggunakan mesin melainkan tenaga manusia dengan pembuatan peralatan yang sederhana.<sup>3</sup>

Berbeza dengan Jonathan Ebere Ezeanyagu yang melihat sebuah industri dari aspek pengurusan, beliau mendefiniskan industri kecil dan sederhana sebagai sebuah usaha yang

---

<sup>1</sup>Berdasarkan bancian pada tahun 1964 dan 1974/1975, industri didefinisikan sebagai perusahaan yang melakukan perubahan bahan dasar menjadi hasil produksi sama ada secara mekanikal mahupun kimia dan tangan, Nuriman Hasibuan (1981), *Tingkat Kosentrasi Industri di Indonesia: Studi Singkat Tentang Struktur dan Performans Pasar, Masyarakat Indonesia: Majalah Ilmu-ilmu Sosial Indonesia*, No 1, Vol. III. Jakarta: Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, hal. 43-58; Industri juga bermakna perusahaan yang biasanya secara besar-besaran untuk membuat, menghasilkan dan mengeluarkan barangan, *Kamus Dewan* (2002) (ed.3). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 490; Dalam makna lain, industri adalah kelompok bisnis tertentu yang memiliki kaedah yang sama dalam menghasilkan keuntungan. Istilah industri juga digunakan untuk satu bahagian ekonomi khasnya dalam proses pengeluaran barangan tertentu yang memiliki modal yang cukup besar sebelum dapat menghasilkan keuntungan, <http://id.wikipedia.org/wiki/industri>, dirujuk pada 13 May 2008. Penggunaa industri kemudian lebih luas kepada usaha atau kegiatan pengolahan bahan mentah atau barangan setengah jadi menjadi barangan jadi yang memiliki nilai tambah untuk mendapatkan keuntungan, hasil industri bukan hanya dalam bentuk barangan tapi juga dalam bentuk jasa. [http://organisasi.org/taxonomy\\_menu/2/36](http://organisasi.org/taxonomy_menu/2/36). dirujuk pada 21 May 2009.

<sup>2</sup> Raharjo, M, D (1984), *Transpormasi Pertanian, Industri dan Kesempatan Kerja*. Jakarta: UI-Press, hal. 20.

<sup>3</sup> Siahaan B (1996), *Industrialisasi di Indonesia*. Jakarta: Pustaka Data, hal. 63.

dicirikan dengan seorang pengurus yang mempunyai beberapa orang pembantu yang bertanggung jawab menguruskan proses pengeluaran, kewangan, perbelanjaan, tenaga kerja, penjualan dan lainnya yang mana kebanyakannya mereka tidak memiliki kepakaran khusus seperti yang terdapat dalam perniagaan-perniagaan besar secara umum.<sup>4</sup>

Definisi-definisi diatas memberikan satu gambaran bahawa industri kecil dan sederhana mempunyai ciri khusus yang dapat dijadikan sebagai kayu pengukur bagi menentukan saiz industri berkenaan. Berdasarkan ciri-ciri tersebut dapat dikatakan bahawa industri kecil dan sederhana merupakan unit usaha yang ditubuhkan oleh individu mahupun kumpulan dengan modal yang relatif kecil serta sistem pengurusan usaha yang tidak terstruktur selain kaedah pengeluarannya yang sederhana.

### **2.3 Faktor Pengukur Industri Kecil dan Sederhana**

Untuk menentukan saiz sebuah industri, banyak faktor yang dijadikan sebagai alat pengukur, diantaranya faktor tenaga, jumlah modal yang dimiliki, jumlah pendapatan bulanan ataupun tahunan dan lainnya. Secara umum faktor-faktor pengukur saiz industri dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu faktor yang termasuk ke dalam jenis kuantitatif dan kualitatif.<sup>5</sup> Faktor kuantitatif bermaksud faktor utama pengeluaran seperti jumlah tenaga kerja, pelaburan, nilai tambah yang dihasilkan oleh setiap orang tenaga kerja, modal berbayar dan lainnya. Sedangkan faktor kualitatif pula lebih kepada faktor-faktor luaran seperti orientasi

---

<sup>4</sup> Jonathan Ebere Ezeanyagu (1980), "Small Industry Development: The Nigerian Experience", *Small Industri Journal*, Vol.13, No.1, hh. 34-36.

<sup>5</sup> Mohd Rosli Mohamad (2000), *Industri Kecil dan Sederhana: Landasan Pembangunan Usahawan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 2.

pasar, sifat keluaran, keterlibatan pribumi, penggunaa teknologi dan alat-alat khas, struktur hubungan serta proses pengeluaran.<sup>6</sup>

Walaupun bagaimanapun, pengukuran saiz industri yang digunakan secara meluas ialah saiz guna tenaga kerja. Ini berlaku kerana dua sebab. Pertama, data perindustrian dikebanyakan negara terutama negara membangun lebih tersedia secara konsisten bersama input buruh. Kedua, pemboleh ubah guna tenaga biasanya mempunyai hubungan yang kuat dengan beberapa pemboleh ubah lain termasuk nilai output, modal, keupayaan firma dan penggunaan sumber tenaga.<sup>7</sup> Bagaimanapun bilangan penggunaan tenaga berbeza diantara satu negara dengan negara lain, ia bergantung kepada tahap kemajuan ekonomi sesebuah negara. Amerika Syarikat misalnya yang termasuk diantara negera maju dalam bidang ekonomi menggunakan bilangan guna tenaga lebih besar dalam pengkelasan industri ke dalam saiz tertentu. Pada tahun 1980 industri kecil didefinisikan sebagai usaha yang memiliki tenaga kerja tidak melebihi dari pada 300 orang.<sup>8</sup> Walau bagaimanapun bilangan ini meningkat pada tahun 1990 kepada 500 orang.<sup>9</sup> Negara Jepun pula merujuk industri kecil kepada sebuah syarikat yang menggunakan tenaga kerja tidak melebihi 200 orang.<sup>10</sup>

The United Nation pada tahun 1985 dalam sebuah program *The Development of Manufacturing Industri in Egypt, Israel and Turki* yang membincangkan mengenai pembangunan sektor industri menengah dan besar menjelaskan batasan-batasan tertentu sektor industri. Dalam program tersebut dijelaskan bahawa industri kecil adalah industri yang memiliki pekerja sekurang-kurangnya sepuluh orang.<sup>11</sup>

---

<sup>6</sup> Martani Husain *et al*, (1993), "Pengembangan Usaha Berskala Kecil di Indonesia", *Analisis CSIS*, No. 2, Tahun XXII, hh. 151-176.

<sup>7</sup> Mohd Rosli Mohamad (2000), *op.cit.*, h. 2.

<sup>8</sup> Jonathan Ebere Ezeanyagu (1980), *op.cit.*, h. 1.

<sup>9</sup> Mohd Rosli Mohamad (2000), *op.cit.*, h. 3.

<sup>10</sup> *Ibid.*

<sup>11</sup> Jonathan Ebere Ezeanyagu (1980), *op.cit.* h. 1.

Sebahagian negara membangun pula menggunakan faktor modal yang dimiliki oleh sesebuah industri sebagai alat ukur industri kedalam kelas tertentu, walau bagaimanapun kebanyakannya tidak mengambil kira modal dalam bentuk aset yang dimiliki syarikat seperti tanah, dan infrastruktur usaha. India merupakan di antara negara membangun yang menggunakan jumlah modal dalam pengukuran saiz industri, industri di kira sebagai kecil apabila memiliki modal maksimum sebanyak 500,000.00.- rupee. Demikian juga halnya dengan Nigeria, dalam satu program yang diadakan oleh *The Federal Government of the Nigeria Small Industry* mendefinisikan industri kecil sebagai syarikat pengeluaran yang memproses atau industri perkhidmatan dengan jumlah modal tidak melebihi dari pada N 150,000.00.- dan pekerja tidak melebihi dari pada 50 orang.<sup>12</sup>

Di Indonesia ditemukan faktor pengukur IKS yang lebih perbagai, ia berpunca dari pada ketiadaan undang-undang yang mengatur batasan industri kecil dan sederhana, sehingga menyebabkan masing-masing institusi yang terkait dengan IKS membuat kategori dengan dasar dan tujuan masing-masing, bahkan istilah yang digunakanpun bermacam-macam seperti usaha kecil, industri kecil, usaha informal, industri rumah tangga atau usaha subsisten.<sup>13</sup> Sebahagian institusi menggunakan aspek kuantitatif seperti jumlah tenaga kerja dan pelaburan, pelaburan setiap orang tenaga kerja, modal dan pusingan modal. Sesetengah agensi kerajaan pula menggunakan kriteria kualitatif untuk membezakan antara industri moden tradisional dan industri kraf yang dikelaskan berdasarkan penggunaan teknologi dan alat-alat khas, struktur hubungan usaha dan proses pengeluaran. Secara umum faktor-faktor yang pernah digunakan oleh institusi-institusi yang berhubung kait dengan industri kecil di Indonesia dapat dilihat dari jadual berikut.

---

<sup>12</sup> *Ibid.*

<sup>13</sup> Martani Husain *et al* (1993), *op.cit.*, h. 152.

Jadual 2.1: Defenisi-defenisi Usaha Kecil Berdasarkan Pelbagai Faktor Pengukur

No	Nama Institusi	Kategori		
		Kewangan	Tenaga Kerja	Lain-lain
1	Biro Pusat Statistik	—	Industri Kecil: 5-19 orang. Industri rumah tangga < 5 orang.	—
2	Departmen Perindustrian	1979: - Pelaburan modal untuk mesin dan peralatan < Rp 70 juta - Investasi per tenaga kerja < Rp 625,000. 1984: - Pelaburan modal untuk mesin dan peralatan < Rp. 150 juta. - Pelaburan per tenaga kerja < Rp. 2,500,000. 1990: - Nilai Aset (tidak termasuk rumah dan tanah) < Rp. 600 juta.	—	Pemilik usaha WNI  Pemilik usaha WNI
3	Bank Indonesia	1975: - Kekayaan bersih < Rp. 20 juta. - Pembiayaan maksimum untuk sekali pusingan usaha Rp. 5 juta. 1980: - Modal bersih (tidak termasuk tanah dan bangunan) < Rp. 40 juta. - Modal bersih khusus pembinaan < Rp. 100 juta. 1990: - Aset (tidak termasuk nilai tanah dan bangunan) < Rp. 600 juta.	—	Pemilik usaha WNI  —  Minimum 50% modal dimiliki bumiputra dan sebahagian dari pengurus adalah bumiputra  —
4	Departemen Perdagangan	Maksimum modal pusingan untuk usaha dagang < Rp. 25 juta.	—	—
5	Kamar Dagang Indonesia (KADIN)	- Perdagangan: Modal aktif < Rp. 150 juta. Modal pusingan < Rp. 600 juta.	—	—



		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pertanian: modal aktif &lt; Rp. 150 juta, Modal pusingan &lt; Rp. 600 juta.</li> <li>- Industri: Modal pusingan &lt; Rp. 250 juta, turn over &lt; Rp. 1 milyar.</li> <li>- Jasa: modal aktif &lt; Rp. 150 juta, modal pusingan &lt; Rp. 600 juta.</li> <li>- Konstruksi: modal aktif &lt; Rp. 250 juta, modal pusingan &lt; Rp. 1 milyar.</li> </ul>		
--	--	---	--	--

Sumber: Martani Husein (1993)

Tahun 1995 kerajaan mengeluarkan Undang-Undang Nombor 9 Tahun 1995 Tentang Usaha Kecil yang menyatakan bahawa industri kecil adalah usaha yang memiliki kekayaan bersih tidak melebihi dari pada Rp 200,000,000.00 (dua ratus juta rupiah) tidak termasuk tanah dan bangunan tempat usaha, serta memiliki hasil penjualan tahunan paling banyak Rp 1,000,000,000.00 (satu miliar rupiah); dan berdiri sendiri atau bukan merupakan anak perusahaan atau cawangan perusahaan yang dimiliki, dikuasai, atau memiliki hubungan sama ada langsung maupun tidak langsung dengan usaha menengah atau usaha besar. Industri sederhana pula dikriteriakan sebagai jenis usaha yang memiliki kekayaan bersih lebih besar dari Rp 200,000,000.00 (dua ratus juta rupiah) sampai dengan paling banyak Rp 10,000,000,000.00 (sepuluh miliar rupiah).<sup>14</sup>

#### 2.4 Profil Industri Kecil dan Sederhana

Pelbagai definisi yang telah dikemukakan diatas menggambarkan kompleksnya industri kecil dan sederhana. Keadaan ini menyebabkan kesukaran membuat satu pengertian yang menyeluruh. Kerana faktor-faktor asas yang menjadi ciri khas industri kecil dan

<sup>14</sup> Laman web resmi Departmen Perindustrian dan Perdagangan Republik Indonesia, <http://www.depkop.go.id>, dirujuk pada Jum'at 17 Mac 2006.

sederhana selalu mengalami perubahan sesuai dengan perkembangan ekonomi, Walau bagaimanapun jika dilihat secara umum, maka industri kecil dan sederhana memiliki kesamaan dalam pelbagai aspek.<sup>15</sup>

#### 1. Sistem pemilikan.

Industri kecil pada kebiasaannya dimiliki dan ditadbir oleh individu. Individu berkenaan bertanggung jawab menguruskan segala hal ehwal yang berhubungan kait dengan usaha seperti penjualan, kewangan, pembelian dan lain sebagainya. Sebab itu di dalam industri skala kecil tidak terdapat pembahagian tugas yang jelas antara bahagian pentadbiran dan operasi. Adakalanya bahagian pentadbir terlibat secara langsung dalam beberapa pekerjaan yang menjadi tanggung jawab bahagian operasi.

#### 2. Tenaga Kerja

Syarikat industri kecil dan sederhana lebih banyak memanfaatkan tenaga kerja yang memiliki hubungan kekerabatan dengan pemilik syarikat seperti keluarga dan saudara mara. Sebab itu syarikat IKS lebih cenderung dalam bentuk firma keluarga. Umumnya tenaga-tenaga kerja yang terlibat hanyalah pekerja yang berhubungan secara langsung dengan proses pengeluaran. Faktor kekerabatan yang lebih dominan dalam pengambilan tenaga kerja menyebabkan sistem pengambilan pekerja tidak terlalu selektif. Pekerja yang memiliki hubungan kekerabatan mendapat keutamaan berbanding yang lain, walaupun kadang-kadang mereka tidak memiliki kepakaran khusus dalam bidang tersebut.

---

<sup>15</sup> Mudrajad Kuncoro (1998), "Usaha Kecil di Indonesia: Profil, Masalah dan Strategi Pemberdayaan", *Analisis (CSIS)*, Tahun XXVI, No 3., hh. 103-112.

### 3. Permodalan

Industri kecil mempunyai akses yang rendah terhadap institusi-institusi pembiayaan formal, ia berpunca dari pada keterbatasan pengetahuan mengenai kaedah dan cara mendapatkan pinjaman. Sesetengah pula sememangnya mempunyai cukup pengetahuan mengenai kaedah berkenaan, tapi enggan membuat pinjaman kerana beberapa faktor seperti pendapatan kecil, dan ketiadaan jaminan yang kebiasaanya menjadi satu syarat bagi membuat pinjaman pada mana-mana institusi kewangan. Ramai dari pada usahawan menggunakan sumber modal sendiri mahupun sumber lain seperti keluarga, kerabat, peniaga perantara dan lainnya untuk memulai dan membangun usaha.

### 4. Status undang-undang

Industri kecil mempunyai jangkauan yang lebih luas terhadap kehidupan masyarakat, ia bukan hanya terpusat di bandar tapi juga berkembang dikampung-kampung. Perkara ini termasuk diantara faktor yang menyukarkan bancian syarikat bagi mendapat status undang-undang yang jelas. Adakalanya pemilik syarikat sendiri enggan mendaftarkan syarikat mereka, ia disebabkan prosedur pengurusan yang memerlukan tempoh yang lama serta biaya pengurusan yang cukup tinggi.

Di Indonesia sebahagian besar daripada industri kecil tidak memiliki status undang-undang, industri-industri kecil berdiri secara sendiri tanpa kawalan dari pihak kerajaan khasnya Departemen Perindustrian dan Perdagangan. Menurut catatan BPS (1994) dari 124,990 unit syarikat industri kecil, 90.6 peratus dari padanya merupakan usaha persendirian yang tidak berdaftar. 4.7 peratus termasuk usaha persendirian yang berdaftar dan hanya 1.7 peratus yang sudah mempunyai status undang-undang yang sah.

## 5. Jenis usaha

Dilihat dari jenis usaha yang terbabit dalam industri skala kecil dan sederhana, tampak bahawa sebahagian besar dari pada industri kecil bergerak dalam usaha menghasilkan barangan keperluan harian seperti makanan, minuman, tembakau dan lainnya. Kerana jenis usaha ini lebih mudah mendapatkan bahan baku asasnya di pasaran serta tidak memerlukan proses yang terlalu rumit dan juga tidak melibatkan kos yang terlalu tinggi. Selain usaha makanan industri pemrosesan berasaskan kayu dan logam juga mendominasi sektor berkenaan, seperti, industri tekstil, industri kayu, bambu, rotan, rumput dan lainnya termasuk industri perabot rumah tangga.

### **2.5 Industri Kecil dan Sederhana Dalam Perekonomian Indonesia.**

#### **2.5.1 Industrialisasi di Indonesia**

Dalam dekad 1950-1960 dan awal 60 an pertumbuhan penduduk di Indonesia telahpun meningkat melebihi kadar dua peratus tiap-tiap tahun, mengatasi secara dramatik angka pertumbuhan penduduk pada dekad sebelumnya.<sup>16</sup> Tingginya kadar pertumbuhan ini memberikan kesan yang cukup besar kepada peningkatan jumlah tenaga kerja.<sup>17</sup> Justru itu, cabaran utama bagi kerajaan adalah bagaimana peluang pekerjaan baru dapat disediakan.

Dalam dua dekad sektor pertanian masih memainkan peranan besar dalam menyediakan peluang pekerjaan, namun untuk jangka panjang peranan sektor ini di jangka akan semakin berkurangan berikutan penurunan kemampuan sektor pertanian dalam pelbagai aspek termasuk dalam penyerapan tenaga kerja.<sup>18</sup> Oleh itu kerajaan mula mempertimbangkan

---

<sup>16</sup> Sayuti Hasibuan (1973), "Pertumbuhan Penduduk, Tenaga Kerja, Kesempatan Kerja 1961-1971", *Ekonomi dan Keuangan Indonesia*, No. 2, Tahun XXI, hh. 73-93.

<sup>17</sup> Thee Kian Wie (1985), "Industrialisasi dan Kesempatan Kerja di Indonesia", *Masyarakat Indonesia: Majalah Ilmu-Ilmu Sosial Indonesia*, No. 1, Jil. XII, April 1985, hh. 1-14.

<sup>18</sup> Tulus Tambunan (1990), "Small-Scale Industries in Indonesia", *Ekonomi dan Keuangan Indonesia* Vol. 38, No. 3, 1990, hh. 281-305.

untuk mengembangkan sektor industri kerana sektor ini dilihat mempunyai potensi yang sangat besar sebagai jalan keluar dari pada permasalahan yang dihadapi.

Penggubalan Undang-Undang Penanaman Modal Asing (PMA) dan Undang-Undang Penanaman Modal Dalam Negeri (PMDN) pada tahun 1968 menandai perubahan secara rasmi pola pembangunan ekonomi dari pada pertanian kepada perindustrian. Undang-Undang ini bertujuan menarik pelabur luar negara mahupun sektor swasta nasional untuk melabur dalam pelbagai bidang usaha termasuk industri. Kerajaan mengambil langkah liberalisasi dan penyederhanaan polisi dan pengurusan perdagangan luar negara (*foreign trade regime*) bagi memperlancar arus masuk bahan-bahan asas dan barangan modal yang diperlukan oleh sektor industri. Polisi ini telah meningkatkan pelaburan secara besar-besaran swasta asing dan nasional dalam projek-projek berkapasiti besar seperti industri tekstil, pemasangan kenderaan, pembuatan kapal, tepung, semen dan ubat-ubatan.<sup>19</sup> Sektor industri berkembang dengan pesat terutama pada period 1969-1975.<sup>20</sup> Sehingga tahun pada tahun 1977 sektor berkenaan telah menyumbangkan lebih dari pada 12 peratus kepada pendapatan negara yang pada tahun sebelumnya hanya 9 peratus.<sup>21</sup>

Walau bagaimanapun strategi industrialisasi yang lebih mengendalikan peranan modal, pengawalan dan teknologi tinggi ini telahpun menimbulkan ketidakseimbangan dan dualisme dalam proses pembangunan sektor industri di Indonesia.<sup>22</sup> Ditengah lajunya pertumbuhan industri-industri skala besar yang cukup pesat, sektor industri kecil justeru menghadapi pelbagai masalah. Keadaan ini dapat dilihat dari pada beberapa aspek seperti nilai

---

<sup>19</sup> Nuriman Hasibuan (1981), *op.cit*, h. 46.

<sup>20</sup> Torben M. Roepstorff (1985), "Industrial Development In Indonesia: Performance and Prospects", *Bulletin of Indonesian Economic Studies*, Vol.XXI, No. 1, April 1985, hh. 32-61.

<sup>21</sup> J. Supranto (1993), "Profil Sektor Industri Menjelang PJPT II", *Analisis (CSIS)*, No. 6, Tahun XXII, hh. 525-534.

<sup>22</sup> Mudrajad Kuncoro (1997), Pengembangan Industri Pedesaan Melalui Koperasi dan Usaha Kecil: Suatu Studi Kasus di Kalimantan Timur. *Analisis (CSIS)*, Tahun XXVI, No 1, hh. 76-98.

tambah industri kecil dan rumah tangga yang terlalu kecil berbanding buruh yang bekerja dalam bidang tersebut. Sektor industri kerajinan rumah tangga menyerap sebanyak 80 peratus dari pada tenaga kerja namun hanya memberikan nilai tambah kepada pendapatan negara sebanyak 13 peratus, manakala industri kecil pula yang menyerap sebanyak 7 peratus dari pada keseluruhan tenaga kerja hanya memberikan sumbangan sebanyak 7 peratus. Sedangkan industri besar dan sederhana, walaupun hanya dapat menyerap sebanyak 13 peratus dari seluruh angkatan kerja, justru menghasilkan 80 peratus dari nilai tambah sektor industri pada tahun 1975 sebagaimana dalam jadual 2.2 di bawah.

Jadual 2.2: Peluang Pekerjaan dan Nilai Tambah dalam Sektor Industri di Indonesia 1974-1975

Jenis Industri	Jumlah (jutaan)	peratusan	Nilai Tambah Harga pasar (milyar Rp)		Nilai Tambah per pekerja (ribuan Rp)
			Jumlah	Peratusan	
Besar dan Sederhana	661.7	13	476.9	80	721
Kecil	343.2	7	44.2	7	129
Rumah Tangga	3.899.9	80	75.1	13	19
Jumlah	4,904.8	100	596.2	100	122

Sumber: Mc Cawley, 1981; h. 68 dikira dari data Statistik Industri Indonesia 1974-1975

Ketidakseimbangan antara jumlah dan nilai tambah yang diberikan oleh sektor industri telah menimbulkan pelbagai masalah sosial kepada golongan masyarakat yang cukup luas seperti buruh tani, petani kecil, nelayan dan lain sebagainya.<sup>23</sup> Penerokaan bidang-bidang berkenaan secara besar-besaran dengan menggunakan teknologi moden serta modal yang besar telah mengakibatkan ramai petani dan nelayan yang kehilangan pekerjaan bahkan sebahagian telah berpindah ke sektor lain. Ini memberikan satu pengertian bahawa

<sup>23</sup> Thee Kian Wie (1982), Pembangunan Ekonomi Indonesia di Bawah Pemerintahan Orde Baru, *Masyarakat Indonesia: Majalah Ilmu-Ilmu Sosial Indonesia*, No.1, Jil. XII, April 1985, hh.103-119

pembangunan ekonomi menerusi pembangunan industri-industri skala besar tidak dapat menyelesaikan permasalahan-permasalahan sosio-ekonomi dalam sebuah negara.<sup>24</sup>

### 2.5.2 Peranan IKS dalam Perekonomian Indonesia

Lazimnya sebuah negara membangun, di Indonesia sektor IKS memainkan peranan penting dalam kemajuan sosio-ekonomi.<sup>25</sup> Walaupun pada peringkat awal sektor ini dianggap tidak memiliki potensi besar untuk dijadikan sebagai asas perekonomian negara, namun realiti memperlihatkan peranan dan kemampuan sektor IKS dalam pelbagai aspek cukup besar. Setelah kejatuhan harga minyak dunia pada tahun 1982, kerajaan mula melihat kemungkinan pengembangan sektor industri diarahkan kepada industri kecil dan sederhana (IKS). Ini berikutan kegagalan strategi pembangunan yang lebih menekankan peranan industri besar yang kenyataannya tidak mampu memberikan penyelesaian terhadap permasalahan-permasalahan yang dihadapi negara.

Sejumlah ahli ekonomi pembangunan justeru berpendapat bahawa dengan masalah tekanan penduduk yang demikian besar, Indonesia mahu tidak mahu mesti menempuh pola pembangunan ekonomi yang *padat karya*.<sup>26</sup> Pola yang demikian akan meningkatkan efisiensi produktiviti di Indonesia kerana ia boleh memanfaatkan secara optimum faktor-faktor produksi yang berlimpah (tenaga kerja), dan dengan cara ini pula ia boleh membantu

---

<sup>24</sup> Tulus Tambunan (1990), Small-Scale Industries in Indonesia, *Ekonomi dan Keuangan Indonesia*. Vol.38, No.3., hh. 281-305

<sup>25</sup> *Ibid.*, h. 284.

<sup>26</sup> Padat karya bermaksud Pembangunan ekonomi padat karya bermaksud, suatu kaedah pembangunan yang berasaskan kepada pemanfaatan sumber-sumber sedia ada melalui proses pembuatan bagi memenuhi keperluan dan permintaan masyarakat. Adakalanya keadah ini disebut dengan istilah substitusi ekport iaitu suatu sistem ekonomi yang lebih mengutamakan eksport barangan-barangan siap pakai mahupun barangan dalam proses.

mencapai pengagihan dengan membuka peluang pekerjaan baru serta peningkatan upah pekerja.<sup>27</sup>

Setidak-tidaknya ada lima alasan mengapa industri kecil dan sederhana perlu dikembangkan di Indonesia iaitu:

1. Tingkat sumbangan industri kecil dan sederhana lebih baik penyerapan tenaga kerja sektor berkenaan lebih besar dan lebih baik dalam menghasilkan tenaga kerja yang produktif.<sup>28</sup>
2. Lokasi industri kecil lebih tersebar antara kampung dan bandar sehingga dapat meningkatkan pengagihan.
3. Pendapatan industri kecil dan sederhana lebih merata.
4. Usaha kecil amat penting dalam pembinaan kewirausahawanan yang bertujuan melahirkan usahawan-usahawan menengah dan besar.<sup>29</sup>
5. Pengembangan industri kecil dan sederhana akan membentuk kekuatan asas industri dalam struktur perekonomian nasional yang disokong oleh kemudahan pengkajian, pembangunan serta penyediaan kepakaran dan modal insan.<sup>30</sup>

Bila diamati struktur sektor industri sejak diperkenalkan industrialisasi pada tahun 1967, dapat dilihat bahawa industri kecil dan sederhana merupakan sektor dominan. Walaupun sumbangan sektor berkenaan terhadap pendapatan negara dalam beberapa dekad awal masih kecil. Namun harus diakui, bahawa sektor IKS mempunyai peranan yang sangat besar dalam pelbagai aspek.

---

<sup>27</sup> Thee Kian Wie (1982), *op.cit.*, h.12.

<sup>28</sup> Aloysius Gunadi Brata (2003), "Distribusi Spasial UKM di Masa Krisis Ekonomi", Artikel-Th. II, No. 8, [http://www.ekonomirakyat.org/edisi\\_20/artikel\\_7.htm](http://www.ekonomirakyat.org/edisi_20/artikel_7.htm). dirujuk pada 25 April 2007.

<sup>29</sup> Martani Husein *et al* (1993), *op.cit.*, h. 154.

<sup>30</sup> Tulus Tambunan (1990), "The Role of Small-Scale Industry in Indonesia: A General Review", *Ekonomi dan Keuangan Indonesia*, Vol. 38, No.1., hh. 85-114.



Secara umum peranan IKS dalam perekonomian Indonesia dapat diringkaskan sebagai berikut:

a. Penyerapan Tenaga kerja

IKS mempunyai peranan besar dalam penyerapan tenaga kerja. Sebahagian besar pekerja yang bekerja disektor pembuatan berada dalam sektor industri kecil dan sederhana. Ini dapat dilihat dari pada data tahunan yang dikeluarkan oleh BPS mahupun institusi-institusi lainnya. Tahun 1984 misalnya 78.23 peratus dari pada seluruh tenaga kerja, bekerja disektor industri rumah tangga dan 7.0 peratus bekerja dalam sektor industri kecil, sedangkan tenaga kerja yang bekerja dalam sektor industri besar dan sederhana hanya 13.5 peratus. Walau bagaimanapun kemampuan sektor industri kecil dalam penyerapan tenaga kerja semakin menurun, sehingga tahun 1990 sektor industri kecil hanya menyerap 14.15 peratus dari pada seluruh tenaga kerja sebagaimana terdapat dalam jadual 2.3.

Humaidi dan Hasibuan menyebutkan terdapat empat faktor yang menyebabkan penurunan kemampuan penyerapan tenaga kerja dalam sektor industri kecil dan sederhana pada tempoh masa tersebut iaitu:<sup>31</sup>

1. Wujudnya persaingan antara produk industri kecil dan rumah tangga dengan produk industri besar atau sederhana yang mengakibatkan terjadinya proses gulung tikar pada beberapa perusahaan industri kecil.
2. Perkerja industri kecil dan rumah tangga berpindah kepada industri-industri besar atau sektor lain.
3. Berlakunya perpindahan tenaga kerja ke sektor-sektor tidak formal, seperti sektor galian, bangunan, perdagangan, pengangkutan dan perkhidmatan lainnya.

---

<sup>31</sup> Martani Hesein *et al* (1993), *op.cit.*, h. 156.

4. Wujudnya salah paham oleh kerana berlakunya kesilapan dalam membezakan aktiviti perkhidmatan dan industri kraf seperti tukang jahit, bengkel dan lainnya.

Jadual 2.3: Sumbangan Industri Kecil Terhadap Penyerapan Tenaga Kerja Sektor Industri Tahun 1984-1990.

No	Kelompok Industri	1984	1985	1986	1987	1988	1989	1990
1	Aneka Industri	50,896	57,480	177,477	308,401	508,401	590,679	765,548
2	Industri Kimia	8,013	8,040	9,079	17,137	30,544	29,260	69,763
3	Dasar							
	Industri Mesin,	18,526	20,343	17,722	18,213	25,891	14,287	24,474
4	Logam Dasar dan	278,223	556,957	174,312	179,578	221,630	121,973	140,185
	Elektronik	78.23%	86.64%	46.04%	34.31%	28.18%	16.13%	14.15%
	Industri Kecil							
	Total	355,568	642,820	378,950	523,332	786,466	756,199	990,970

Sumber: Departemen Perindustrian Indonesia.

Pasca kegawatan ekonomi pada tahun 1997, ramai usahawan membekukan usaha disebabkan kesulitan-kesulitan yang wujud sebagai kesan dari pada kemelesetan tersebut. Walau bagaimanapun tahun 2006 jumlah populasi IKS kembali meningkat mencapai 48,9 juta unit syarikat atau 99.98 peratus dari jumlah unit syarikat industri di Indonesia. Dengan jumlah ini sebanyak 85,4 juta orang atau 96.18 peratus dari seluruh tenaga bekerja disektor berkenaan.<sup>32</sup>

#### b. Nilai tambah IKS dalam KDNK

Walaupun jumlah syarikat di sektor IKS cukup besar dan dapat memberikan peluang pekerjaan yang lebih luas, namun kenyataannya sektor ini belum dapat memberikan nilai tambah yang lebih besar terhadap nilai produksi sektor industri. Tahun 1984 sumbangan nilai produksi industri kecil terhadap sektor industri masih cukup tinggi iaitu 27.14 peratus. Tapi

<sup>32</sup> Laman web rasmi Jabatan Perindustrian dan Perdagangan., <http://www.depkop.go.id>, dirujuk pada Juma'at 17 Mac 2006.

jumlah ini semakin menurun sampai kepada paras yang terendah pada tahun 1989 dengan sumbangan hanya sebesar 4.8 peratus dan kemudian naik menjadi 12.9 peratus pada tahun 1990.<sup>33</sup> Walau bagaimanapun kebelakangan ini sektor IKS mampu meningkatkan semula peranannya dengan menguasai lebih separuh dari pada KDNK. Tahun 2006 IKS memberikan sumbangan sebesar 53.3 peratus dari jumlah KDNK Indonesia, sedikit lebih rendah berbanding sumbangannya pada tahun 2005 yang mencapai 53.5 peratus.<sup>34</sup>

### c. Nilai Ekport Industri Kecil dan Sederhana

Secara umum peranan IKS terus meningkat terhadap jumlah eksport sektor industri. Pada tahun 1985 IKS telah menyumbang dalam eksport sektor industri sebesar 23.3 peratus, kemudian meningkat kepada 48.8 peratus pada tahun 1988. Demikian juga pada tahun-tahun terakhir, hasil keluaran IKS yang dieksport keluar negara meningkat dari Rp 110,3 triliun pada tahun 2005 menjadi Rp 122,2 pada 2006. Namun demikian peranannya terhadap jumlah keseluruhan eksport nasional mengalami penurunan dari 20.3 peratus menjadi 20.1 peratus pada tahun yang sama. Penurunan ini disebabkan peningkatan eksport hasil keluaran usaha besar seperti hasil perlombongan selain minyak dan gas, industri makanan, minuman, tembakau, industri kertas dan barangan cetak, industri baja, kimia, barang getah dan lainnya.

### 2.5.3 Permasalahan-permasalahan IKS

Sektor IKS memiliki ketahanan dalam menghadapi perubahan drastik perekonomian. Diantara faktor yang menyebabkannya adalah kerana industri-industri skala kecil tidak terlalu bergantung dengan barangan-barangan inport. Walau bagaimanapun sektor ini juga menghadapi banyak masalah sama ada masalah dalaman mahupun masalah luaran.

---

<sup>33</sup>Martani Husein *et al* (1993), *op. cit.*, h. 155.

<sup>34</sup> Perkembangan Indikator Makro UKM Tahun 2007: Kinerja Usaha Kecil dan Menengah (UKM), Jurnal SM-21, Vol 5. 2007. Laman web rasmi Kementerian Koperasi dan UKM, <http://www.dekop.go.id>. Dirujuk pada 23 Mei 2007.

#### a. Permodalan

Kebanyakan usahawan industri kecil dan sederhana memiliki struktur permodalan yang lemah serta keterbatasan memperolehi sumber-sumber modal dari luar.<sup>35</sup> Umumnya usahawan memulai usaha dengan modal sendiri ataupun secara kongsi yang melibatkan anggota keluarga atau kerabat terdekat. Kebelakangan ini cukup banyak institusi-institusi kewangan rasmi yang menawarkan kredit bagi pinjaman modal, namun kadar bunga terlalu tinggi menjadi satu alasan sebahagian dari pada usahawan enggan membuat pinjaman. Selain itu prosedur yang cukup panjang serta proses pencairan kredit yang lama menyebabkan sejumlah usahawan memilih meminjamkan melalui sumber-sumber yang tidak formal. Dengan cara ini keperluan segera terhadap modal dapat terpenuhi. Walau bagaimanapun ramai para usahawan IKS terjebak dalam sindiket yang akhirnya lebih menyulitkan. Selain itu, fenomena umum dalam permasalahan modal sektor industri kecil dan sederhana adalah rendahnya kepakaran pengurusan dan pengelolaan kewangan sehingga tidak dapat memberikan hasil yang maksimum.<sup>36</sup>

#### b. Keusahawanan

Diantara karakteristik usahawan IKS adalah tidak memiliki kepakaran khusus dalam bidang pekerjaan yang mereka terokai.<sup>37</sup> Ini dapat dimaklumi kerana pada umumnya usahawan IKS tidak melalui pendidikan formal dalam bidang perniagaan. Kebiasaannya usaha mereka dijalankan berdasarkan minat dan ilmu yang diperolehi dari pada pengalaman-pengalaman sebelumnya.

Aspek-aspek biasa yang juga menjadi kelemahan dari pada usahawan-usahawan industri kecil dan sederhana adalah dari segi pentadbiran, umumnya syarikat IKS tidak

---

<sup>35</sup> Mudrajad Kuncoro (1997), *op.cit.*, h. 86.

<sup>36</sup> *Ibid.*

<sup>37</sup> Jonathan Ebere (1980), *op.cit.*, h. 43.

memiliki struktur usaha bagi memudahkan pengurusan secara profesional. Selain itu para usahawan juga tidak memiliki kepakaran dan pengetahuan yang cukup mengenai alat bantu yang dapat digunakan bagi meningkatkan kuantiti mahupun kualiti pengeluaran.<sup>38</sup>

Rendahnya tingkat kepakaran usahawan-usahawan IKS ini adakalanya berpunca dari pada persepsi yang menganggap bahawa pendidikan secara formal tidak diperlukan untuk menjalankan usaha-usaha kecil, ia cukup dengan pengalaman yang diperolehi dari pada menjalankan usaha sebelumnya. Justru mengikuti pendidikan formal mahupun kursus keusahawanan hanya menghabiskan masa dan kos yang sepatutnya boleh digunakan untuk keperluan usaha. Oleh sebab itu ramai diantara usahawan tidak melihat pendidikan formal sebagai aspek penting dalam pengambilan tenaga kerja. Kebanyakan tenaga kerja yang terbabit dalam industri kecil dan sederhana (IKS) merupakan pekerja yang tidak memiliki kepakaran yang diperlukan untuk memanfaatkan peluang usaha yang sedia ada dan mempunyai prospek yang lebih baik.<sup>39</sup>

### c. Teknologi

Teknologi mempunyai peranan penting dalam pembangunan, antara lain meningkatkan efisiensi dan produktiviti. Bahkan efisien penggunaan input dalam proses pengeluaran dan daya saing faktor tenaga kerja terhadap modal juga ditentukan teknologi pengeluaran yang digunakan.<sup>40</sup> Alasan yang paling jelas mengapa teknologi menjadi aspek yang sangat penting adalah teknologi dapat mengubah penggunaan optimum sumber-sumber

---

<sup>38</sup>Martani Husein *et al* (1993), *op.cit.*, h. 171.

<sup>39</sup> Rustian Kamaluddin (1990), "Masalah dan Upaya Pengembangan Kehidupan Perekonomian Rakyat di Sumatra Barat", *Ekonomi Keuangan Indonesia*, Vol. 38, No.2., hh.195-206.

<sup>40</sup> Sudarsono (1982), "Aspek Ekonomi Dalam Prblema Ketenaga Kerjaan: Satu Pandangan Non-Kaleidoskopik", *Ekonomi dan Keuangan Indonesia*, Vol. XXX, No. 3, September 1982, hh. 267-288.

yang digunakan dalam proses pengeluaran.<sup>41</sup> Selain itu keadaan teknologi sangat mempengaruhi berapa jumlah tenaga kerja yang diperlukan.<sup>42</sup>

Kemajuan teknologi dapat diklasifikasikan dengan pelbagai cara seperti kenaikan produktiviti yang disebabkan oleh pendidikan dan keterampilan kerja yang meningkat, rekabentuk dan produk baru yang dihasilkan oleh penyelidikan, penjimatan skala, pembaikan organisasi pemasaran dan efisiensi pengurusan.<sup>43</sup> Bagi usahawan IKS, aspek ini dilihat masih lemah. Kebanyakan syarikat-syarikat industri kecil dan sederhana masih menggunakan peralatan tradisional. Ini sebagai cerminan dari pada penguasaan ilmu teknologi moden mereka yang masih lemah.<sup>44</sup> Pengelolaan sumber yang lebih banyak menggunakan peralatan-peralatan tradisional tersebut menghasilkan produk-produk yang berkualiti rendah, sehingga menyebabkan keluaran IKS sukar bersaing dalam pasaran yang lebih luas.

#### d. Pemasaran

Usaha kecil umumnya lemah dalam bidang pemasaran, terutama dari segi pengenalan pasaran, segmen, selera pengguna dan tempat, demikian juga halnya dalam penentuan harga seperti harga pokok, keuntungan dan biaya lainnya. Dari aspek tawar menawar pula para pengusaha industri kecil umumnya kurang menguasai metode bahasa dan istilah serta bidang pengagihan dan penjualan.<sup>45</sup> Para usahawan industri kecil kerap kali bersifat pengeluar sahaja iaitu yang hanya menitikberatkan pada proses teknikal produk dan cenderung mengabaikan aspek pemasaran. Disamping itu persepsi yang terbatas keatas perlunya pemahaman dan pengetahuan perihal kesempatan ekonomi dan kesempatan pasar juga turut menyebabkan

---

<sup>41</sup> Soewito (1989), "Pengembangan Teknologi di Sektor Industri", *Ekonomi dan Keuangan Indonesia*, Vol. 37, No. 1, hh. 127-144.

<sup>42</sup> Sudarsono (1982), *op.cit.*, h. 272.

<sup>43</sup> Suwito (1989), *op.cit.*, h. 128.

<sup>44</sup> Ganewati Wuryandari (1997), "Liberalisasi Perdagangan dan Investasi APEC 2020: Peluang dan Kendala Usaha Kecil dan Menengah", *Analisis (CSIS)*, Tahun XXVI, No. 3, Mei 1997, hh.276-295.

<sup>45</sup> Martani Husein *et al* (1993), *op. cit.*, h.171.

mereka selalu terlambat dalam menyesuaikan diri dengan polisi pasar, khususnya penjualan sebagai tindak balas atas perubahan polisi dan perkembangan permintaan pasaran.

Kaedah pemasaran yang sering digunakan oleh usahawan industri kecil dan sederhana dalam memasarkan produk adalah dengan menjual produk-produk berkenaan kepada para pelanggan sama ada diambil ataupun dihantar berdasarkan pesanan. Ramai lagi menggunakan cara pemasaran melalui perantara, yang membeli barangan produk IKS dalam kuantiti besar dalam harga yang lebih rendah daripada harga pasar dan kemudian menjual produk-produk berkenaan kepada pengguna.

Selain daripada permasalahan yang telah disebutkan, permasalahan lain yang juga wujud dalam sektor industri termasuk IKS adalah proses import bahan baku asasnya masih banyak bergantung kepada luar negeri, bergantung kepada tenaga ahli luar negeri, sumber modal insan yang rendah serta penelitian yang belum berorientasikan pada pengembangan produk.<sup>46</sup>

#### e. Polisi

Pengembangan model ekonomi rakyat didasari pemikiran bahawa sektor swasta cenderung mengutamakan kepentingan kelompok daripada kepentingan rakyat, walaupun sektor berkenaan dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi, namun kurang mampu mencapai sasaran pengagihan. Sedangkan ekonomi rakyat mempunyai kesempatan yang lebih besar kerana mampu menjangkau masyarakat sehingga ke peringkat paling bawah sekalipun.<sup>47</sup>

Walau bagaimanapun sektor ini selalu dipinggirkan dalam pelbagai polisi. Ini dapat dilihat daripada perjalanan pelan pembangunan industri sejak industrialisasi dicanangkan. Akta-akta

---

<sup>46</sup> J. Supranto (1993), "Profil Sektor Industri Menjelang PJPT II", *Analisis (CSIS)*, Tahun XXII, No. 6, November 1993, hh. 525-253.

<sup>47</sup> Prijono Tjiptoherijanto (1997), "Pengentasan Kemiskinan Melalui Pembangunan Jaringan Ekonomi Pedesaan (Sebagai Satu Strategi)", *Ekonomi dan Keuangan Indonesia*, Vol XVI, No. 3. hh. 457-480.

kerajaan berkenaan dengan sektor industri selalu lebih menguntungkan kepada industri-industri besar.

Ketiadaan Undang-undang yang mengatur serta menjelaskan batasan-batasan industri kecil menyebabkan kekeliruan dalam pembinaan dan pengembangan sektor industri kecil dan sederhana. Masing-masing institusi kerajaan mendefinisikan industri kecil dan sederhana mengikut acuan sendiri, sehingga tidak ada satu program pembinaan yang memberi kesan menyeluruh terhadap sector IKS.

Dengan menguatnya era desentralisasi<sup>48</sup>, kerajaan negeri mendapatkan hak untuk menggubal pelbagai polisi yang diperlukan, sebahagian dari pada polisi ini bertujuan untuk meningkatkan pendapatan daerah melalui sewa pengiklanan termasuk penggubalan akta keperluan izin bagi wanita bekerja pada malam hari dan lainnya. Sejumlah peraturan telahpun diterbitkan yang secara nyata memberi kesan negatif kepada sektor IKS kerana sebahagian dari pada pendapatan mereka mesti digunakan bagi memenuhi keperluan regulasi berkenaan yang sepatutnya boleh digunakan untuk aktiviti lain.<sup>49</sup>

Pertindihan perundangan sebenarnya berlaku dari pelaksanaan Keputusan Presiden 28/2004 dan UU 22/1999 dan UU 25/1999. Walaupun pada tahun 2004 UU berkenaan telah digubal semula untuk disesuaikan dengan keperluan semasa, namun ia masih meninggalkan ketidakjelasan terutama berkenaan dengan tanggungjawab antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri mengenai pencatatan dan kebenaran aktiviti usaha. Selain itu proses pendaftaran dan kebenaran usaha yang terlalu lama serta kos yang dikenakan terlalu tinggi menimbulkan

---

<sup>48</sup> Desentralisasi adalah pembahagian tanggung jawab dalam membuat keputusan dan polisi kepada bahagian negeri; <http://organisasi.org/definisi-pengertian-sentralisasi-dan-desentralisasi-ilmu-ekonomi-manajemen>. dirujuk pada 21 May 2009.

<sup>49</sup> "The World Bank, Mendukung Usaha Kecil dan Menengah". <http://www.siteresource.worldbank.org/intiindonesia/resource/publication/280016>. di rujuk pada 16 November 2006.



keengganan pada usahawan untuk mendapatkan status undang-undang terhadap usaha yang dijalankan.<sup>50</sup>

#### **2.5.4 Pengembangan Industri Kecil dan Sederhana**

Telah terbukti bahawa industri kecil dan sederhana merupakan sektor yang amat penting dalam perekonomian, Kemampuan sektor berkenaan dalam menghadapi pelbagai perubahan yang berlaku secara drastik dalam ekonomi semasa membuat kerajaan harus mengambil berat sektor ini. Disamping itu sektor industri kecil dan sederhana juga mempunyai keunggulan dalam menyediakan peluang pekerjaan, bahkan kebelakangan sektor berkenaan menjadi penyumbang utama dalam pendapatan negara secara umum. Ini memberikan satu signal bahawa sektor IKS tidak boleh diabaikan.

Setelah kegagalan pengembangan industri padat modal dalam menyelesaikan pelbagai macam masalah sosio-ekonomi di Indonesia, kerajaan mula memberikan perhatian yang lebih besar terhadap pembangunan sektor industri kecil dan sederhana, apatahlagi sektor ini secara perlahan mengatasi peranan sektor pertanian dan industri besar dalam pendapatan negara. Pada PELITA<sup>51</sup> ke I kerajaan telah meluluskan beberapa pelan pembiayaan bagi pengembangan industri kecil dan sederhana. Program ini telah melibatkan banyak pihak seperti Departmen Perindustrian, Departmen Perdagangan, Departmen Koperasi dan Pertanian. Hal ini kerana cakupan industri skala kecil dan sederhana yang sangat luas, sebab itu pembangunannya juga melibatkan beberapa institusi.

---

<sup>50</sup> *Ibid.*

<sup>51</sup> PELITA adalah singkatan dari Pembangunan Lima Tahun, ia adalah satu pendekatan pembangunan berjangka yang mula diperkenalkan pada masa pemerintahan presiden Suharto.

Pentingnya pembangunan industri kecil dan sederhana kerana potensinya untuk memperluas lapangan kerja dan meningkatkan pendapatan golongan kecil dan pengrajin. Oleh yang demikian maka pembangunan sektor IKS termasuk industri kerajinan dan industri rumah tangga serta industri-industri informal dan tradisional lainnya diarahkan bagi memperluas peluang pekerjaan dan kesempatan berusaha serta meningkatkan pendapatan golongan tersebut. Untuk tujuan itu, kerajaan akan memberikan bantuan berupa bimbingan teknikal keusahawanan termasuk melancarkan pelbagai hasil penelitian kepada masyarakat awam, meningkatkan aktiviti dan mutu produk, permodalan dan perkreditan serta memperluaskan lagi pemasaran hasil keluaran IKS di dalam dan luar negara.

Trisura Suhardi membahagikan pembinaan industri kecil dan sederhana tersebut kedalam dua kategori iaitu pembinaan aspek *input* dan *output*. Pembinaan aspek *input* dimaksudkan untuk meningkatkan kemampuan IKS dalam pengeluaran produk, ia juga sering dikatakan sebagai peminan yang meliputi bantuan kredit usaha kecil dan bantuan teknikal dalam bentuk latihan. Sedangkan pembinaan *output* mencakup pengembangan pemasaran, cadangan usaha kecil dan pogram-program lainnya.<sup>52</sup>

Diantara mekanisme pembiayaan modal yang pernah dibuat adalah skim Kredit Investasi Kecil (KIK) dan Kredit Modal Kerja Permanen (KMKP) pada tahun 1989, atau disebut juga dengan istilah Kredit Kelayakan.<sup>53</sup> Ia merupakan satu skim pinjaman mudah dengan kadar faedah yang lebih rendah serta mekanisme penjelasan hutang yang lebih mudah<sup>54</sup>. Walau bagaimanapun ia merujuk kepada syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Sama dengan program tersebut, kerajaan juga membuat program pembiayaan yang

---

<sup>52</sup> Seperti di rujuk oleh Martani Husein *et al* (1997), *op.cit.*, h. 174.

<sup>53</sup> Tulus Tambunan (1990), *op.cit.*, h. 109.

<sup>54</sup> R.H. McLeod (t.t), "Concessional Credit For Small Scale Enterprise: A Coment", *Ekonomi dan Keuangan Indonesia*, Vol XVI, No. 3. hh. 83-89.

disebut dengan Kredit Usaha Kecil (KUK) dan Kredit Umum Pedesaan (KUPEDDES) yang dimaksudkan untuk membantu industri-industri kecil terutama yang berada didesa-desa.

Sedangkan aspek bimbingan dan pengembangan industri kecil dan sederhana pula kerajaan telahpun mewujudkan program BIPIK yang menekankan pengembangan pusat industri kecil yang terdiri dari pada 50-100 orang usahawan industri kecil dan juga industri rumah tangga. Program ini telah mewujudkan PIK (Pemukiman Industri Kecil), LIK (Lingkungan Industri Kecil), dan SUIK (Sarana Usaha Industri Kecil). Kemudian dibentuk pula KUB (Kelompok Usaha Bersama), ini bagi memberikan pembinaan berdasarkan kelompok industri tertentu dan pada tempat tertentu pula. Bagi menyokong program-program sentra industri tersebut kerajaan menubuhkan pula Unit Perkhidmatan Teknikal (UPT) yang sokong oleh Tenaga Penyuluh Industri (TPI) yang ditempatkan di kawasan-kawasan pusat industri.

Untuk meningkatkan kemampuan jaringan industri kecil dan sederhana kerajaan telah mengembangkan satu mekanisme keterkaitan yang disebut dengan istilah Bapa Angkat. Kaedah ini bertujuan untuk mengukuhkan struktur industri, meningkatkan nilai tambah dan memperkecil jurang perbezaan. Terdapat empat bentuk keterkaitan yang dikembangkan iaitu perdagangan, vendor<sup>55</sup>, subkontrak<sup>56</sup> dan pembinaan.<sup>57</sup>

## **2.6 Industri dan Pembangunannya Dalam Perspektif Ekonomi Islam**

### **2.6.1 Industri Dalam Pandangan Islam**

Islam merupakan agama yang syumul kerana ia membawa bersamanya satu peraturan kehidupan yang lengkap dan menyeluruh dalam semua aspek kehidupan manusia. Hukum

---

<sup>55</sup> Vendor bermaksud penjualan hasil pengeluaran secara runcit.

<sup>56</sup> Subkontrak bermaksud penjualan melalui perjanjian dagang.

<sup>57</sup> *Ibid*

Islam yang bersumber dari pada ajaran dan teladan nabi Muhammad s.a.w mengatur kehidupan etika dan sosial serta meliputi perkara hukum syari'ah yang bersifat komprehensif.<sup>58</sup> Selain itu ia juga memaparkan satu sistem dan panduan yang sempurna bagi umatnya menjalani kehidupan keseharian. Ajaran Islam menekankan peri pentingnya kesepaduan semua aspek yang merangkumi sosio-budaya, ekonomi, politik dan agama.<sup>59</sup>

Ekonomi merupakan sebahagian dari pada konsep kehidupan Islam yang menyeluruh, ia tidak dapat dipisahkan dari aspek kehidupan lainnya.<sup>60</sup> Bahkan boleh dikatakan Islam merupakan satu-satunya agama yang mempunyai perhatian besar terhadap aktiviti ekonomi.<sup>61</sup>

وَجَعَلْنَا فِيهَا جَنَّاتٍ مِنْ نَخِيلٍ وَأَعْنَابٍ وَفَجَّرْنَا فِيهَا مِنَ الْعُيُونِ (34) لِيَأْكُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ  
وَمَا عَمِلَتْهُ أَيْدِيهِمْ أَفَلَا يَشْكُرُونَ

“Kami adakan di bumi itu kebun-kebun kurma dan anggur, dan kami pancarkan padanya beberapa mata air. Supaya mereka makan dari pada buah-buahnya dan

<sup>58</sup> Latifah M. Algaud *et al* (2001), *Perbankan Syari'ah Prinsip, Praktek, Prospek*. Burhan Wira Subrata (terj), Jakarta: PT Serambil Ilmu Semesta, h. 36.

<sup>59</sup> Norhazimah Bt Che Hassan (2004), “Pelaksanaan Sistem Pengurusan Dana Secara Islam: Satu Kajian di Lembaga Tabung Haji 1992-2000” (Disertasi Sarjana Syari'ah, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 46.

<sup>60</sup> *Ibid.*

<sup>61</sup> Abdul Azim Islahi (1988), *Economic Concepts of Ibnu Taimiyah*, Islamic Economic Series 12. UK: The Islamic Foudation, h. 151.

dari apa yang dikerjakan oleh tangan mereka, maka patutkan mereka tidak bersyukur?<sup>62</sup>

Surah Yasin (36): 34-35.

Ibnu Kathir menafsirkan (*apa yang diusahakan tangan mereka*) bermaksud pengolahan dan penanaman<sup>63</sup> lahan bagi menghasilkan tanaman dan buah-buahan sebagai usaha untuk memenuhi keperluan hidup. Dalam konteks ekonomi semasa ia di sebut juga dengan istilah industri pertanian. Selain itu Islam juga menggalakkan penglibatan umatnya dalam pelbagai aktiviti ekonomi lain seperti pembuatan<sup>64</sup>, perdagangan<sup>65</sup>, peternakan dan pelaburan.<sup>66</sup>

Dalam konteks industri, Islam sememangnya tidak membincangkannya secara terperinci **2.6.2 Pembangunan Industri Menurut Perspektif Ekonomi Islam** dengan mengenainya hanya

**2.6.2.1 (a) Konsep Pembangunan Dalam Islam** tidak banyak mengarah pada permasalahan teknikal tetapi lebih kepada konseptual. Walau bagaimanapun Islam sangat menekankan penting **2.6.2.1 (b) Konsep Pembangunan Dalam Islam** pembangunan dan perancangan industri analitik mengenai maat api kebeduan kesia

ekonomi pakas yang baik. Baladilagi daensutukan skandah hektampIslamkateperiang Al-Qatandak

**2.6.2.1 (c) Konsep Pembangunan Dalam Islam** Sigumak RaslallahmSLiAaWahaka makan silajburpailah benda yamdaa, hapli tneyupakaneobjakakng  
tgarini dari isebagne kempoinbid yang bidambendustria Dalammanjad Yaskhlyats 34-35 misahnya

**2.6.2.1 (d) Konsep Pembangunan Dalam Islam** Ghazali menjelaskan terperinci menjelaskan bahawa secara umum manusia terdiri dari tiga komponen iaitu rohani, fizikal dan persekitaran.<sup>67</sup> Tiga aspek ini merupakan faktor yang amat

<sup>62</sup> Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an. Kuala Lumpur: Darulfikir, h. 1165.

<sup>63</sup> Al-Imam Ibn Kathir (2006), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, j. 3. Lebanon: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah., h. 36.

<sup>64</sup> Surah al-Kahfi, ayat 96, "Berilah aku beberapa potong besi, sehingga apabila sama tinggi kedua besi itu dengan kedua belah gunung itu, maka Zulkarainain berkata: Tiuplah api, sehingga apabila besi itu telah menjadi api, ia berkata: Berilah aku tembaga, supaya ku tuangkan kedalam api itu (sehingga besi berpadu dengan tembaga menjadi satu).

<sup>65</sup> Surah al-Nisa' ayat 29, " Hai Orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan harta orang lain dengan jalan yang batil, kecuali dengan perniagaan (jual-beli) dengan suka sama suka diantara kamu. Janganlah kamu bunuh dirimu (saudaramu). Sesungguhnya Allah Penyayang kepadamu.

<sup>66</sup> Tengku Aziz Bin Raja Abdullah (2001), "Lembaga Tabung Haji: Satu Kajian Sumbangannya Terhadap Ekonomi Umat Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur" (Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Syari'ah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 42.

<sup>67</sup> Mohd Rosli Bin Hussein (2003), "Pembangunan Insan: Kajian Perbandingan Antara Ghazali dan Ibnu Khaldun" (Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), h. 108.

penting dalam pembangunan manusia. Kegagalan dalam memenuhi salah satu dari padanya akan menyebabkan ketidak seimbangan dalam pembangunan. Sebagai contoh kegagalan sistem kapitalis dalam mewujudkan keadilan dan kesejahteraan menyeluruh kepada masyarakat sebagai akibat dari pada penolakan terhadap konsep rohani dan kepentingan pembangunannya. Menurut fahaman ini kesejahteraan hanya dapat diwujudkan dengan pembangunan fizikal atau kebendaan.<sup>68</sup> Kesannya, walaupun sistem ini berjaya membangun ekonomi sebahagian masyarakat, tapi pada masa yang sama ia juga telah menimbulkan ketidakseimbangan sosio ekonomi yang luas.

Islam melihat bahawa pembangunan mestilah mempunyai matlamat perbaikan manusia dari segala aspek sama ada aspek fizikal seperti ekonomi, pendidikan, kesehatan mahupun rohani seperti keimanan, etika serta moral. Ertinya pembangunan dalam pandangan Islam mempunyai cakupan yang lebih luas, ia tidak hanya sekadar memperbaiki luaran, tapi juga membangun aspek-aspek dalaman manusia.

#### **2.6.2.(b) Pendekatan Pembangunan Industri Dalam Ekonomi Islam**

Seperti yang telah dijelaskan bahawa pembangunan dalam Islam mencakupi aspek fizikal, rohani dan moral. Islam melihat pembangunan sebagai kegiatan yang berorientasikan matlamat nilai yang ditumpukan kearah mempertingkatkan tahap kesejahteraan hidup manusia dalam pelbagai dimensi.<sup>69</sup> Dalam kontek industri, Islam tidak hanya menyentuh masalah pembangunan projek serta kaedah pembiayaannya, tapi juga banyak membincangkan masalah yang berhubung kait dengan usahawan seperti keimanan dan moral. Aspek-aspek tersebut dibincang secara bersamaan bagi menghasilkan satu pembangunan bersepadu. Sebab itu

---

<sup>68</sup> Sabri Haron, "Sistem Ekonomi Islam dan Sistem Ekonomi Konvensional: Suatu Perbandingan, <http://www.parti-pas.org>. Dirujuk pada 25 Julai 2006.

<sup>69</sup> Syed Othman al-Habshi (1992), "Ekonomi dan Pembangunan Masyarakat Dalam Islam", *Risalah*, Mei 1992, h. 41.

perbincangan mengenai pembangunan industri dalam perancangan seperti projek usaha, kaedah pelaburan, kaedah sewa, pinjaman modal dan lain sebagainya, selalu dikaitkan dengan aspek dalaman usahawan seperti, keimanan, moral, kepatuhan dan keselarian usaha dengan prinsip syari'ah sebagai modal asas kepada pembangunan industri secara umum.

## **1. Pembangunan Keusahawanan**

Pembangunan modal insan merupakan langkah awal bagi pembangunan industri. Ia adalah modal asas untuk menciptakan individu yang memiliki kualiti serta pemikiran positif terhadap kesejahteraan ekonomi. Dalam Islam pembangunan keusahawanan bukan hanya sekadar pembentukan kemahiran, tapi juga mencakupi pembentukan jadi diri dan nilai-nilai dalaman.

### **1.a Pembangunan Iman**

Mewujudkan manusia yang memiliki kualiti rohani yang dihendaki pada asasnya bermula dari pada pembangunan keimanan, iaitu dengan meletakkan asas keyakinan terhadap Allah. Manusia diciptakan bagi menjalankan perintah pengabdian terhadap Allah. Oleh itu, setiap aktiviti yang dilakukan oleh manusia merupakan bentuk dari pada ibadah kepada Allah. Begitu juga alam yang telah diciptakan Allah merupakan kemudahan yang mesti digunakan untuk mencapai matlamat tersebut, kerana melalui pencapaian rohani akan terbina dan terbentuk kekuatan dalaman yang kental bagi setiap individu muslim. Selain itu ia juga boleh membentuk sifat-sifat jati diri muslim yang tulen, pegangan agama yang tidak mudah goyah dengan pengaruh luaran dan ideologi semasa, mempunyai prinsip dan pendirian yang tunduk dibawah

perintah dan pentadbiran tuhan, dan ia juga akan menjadi suatu kekuatan yang boleh mendorong umat Islam mentaati segala perintah tuhan.<sup>70</sup>

Kegiatan ekonomi berhubung rapat dengan ideologi Islam.<sup>71</sup> Dalam pandangan Islam aktiviti ekonomi merupakan satu prasyarat yang harus dimiliki oleh setiap orang sebagai khalifah. Walau bagaimanapun Islam menegaskan setiap usaha dan aktiviti ekonomi yang dilakukan haruslah sesuai dengan hukum syara', ertinya ia tidak mengandungi unsur-unsur yang dilarang oleh agama seperti eksploitasi secara berlebihan sehingga mengakibatkan kerusakan kepada alam, penyorokan, penipuan dan lainnya. Manusia merupakan makhluk yang bertanggung jawab untuk membangun alam, justru eksploitasi berlebihan, penyorokan, penipuan merupakan perbuatan-perbuatan yang tidak sesuai dengan konsep pembangunan itu sendiri, bahkan ia boleh dianggap sebagai suatu pencerobohan fungsi manusia sebagai khalifah.<sup>72</sup>

Dalam pandangan Islam harta bukanlah merupakan matlamat hidup tetapi adalah *wasilah* atau perantara bagi merealisasikan perintah Allah. Oleh itu, sewajarnya harta tidak menjadi punca pelanggaran hukum-hukum Allah dalam berusaha. Sebaliknya setiap usaha diarahkan bagi membantu manusia dalam menjalankan kewajiban dan ketaatan kepada Allah.

## 1.b Pembangunan Etika

---

<sup>70</sup> *Ibid*, h. 75.

<sup>71</sup> Abdul Hadi Bin Sulaiman(2003), "Pemikiran Ekonomi Muhammad Baqir al-Sadr dan Sumbangannya Terhadap Perekonomi Semasa" (Disertasi Sarjana Syari'ah, Akademi Pengajian Islam, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi, Universiti Malaya), h. 5.

<sup>72</sup> Sabri Haron, *op.cit.*,h. 3.



Aktiviti ekonomi bukan sahaja diarahkan untuk pemuasan diri ke atas keperluan fizikal semata-mata, tapi juga perlu mengambil kira aspek rohani atau etika. Karena manusia mempunyai tugas dan tanggungjawab terhadap *khaliqnya* dimana setiap tindakan akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah. Oleh yang demikian maka Islam memandang serius terhadap nilai etika dalam pembangunan manusia.

Etika boleh diertikan sebagai bahagian dari prinsip moral yang dapat membezakan antara kebenaran dan kebatilan.<sup>73</sup> Ia mencakupi aspek yang sangat luas. Etika dapat menentukan apa yang perlu dilakukan dan apa yang patut ditinggalkan. Dalam lain perkataan etika merupakan panduan bagi setiap orang dalam melakukan apa jua aktiviti termasuk ekonomi.

Etika termasuk aspek ekonomi yang sangat penting, bahkan dalam sesebuah usaha selalu ditemui bahagian pengurusan etika bagi memastikan setiap individu memiliki tahap moral yang diperlukan. Kerap kali individu mahupun usahawan menghadapi masalah dalam membangun hubungan kerja disebabkan nilai-nilai moral yang rendah. Ahli ekonomi sejak dulu lagi sudah banyak berbincang mengenai pentingnya nilai moral bagi sebuah aktiviti ekonomi<sup>74</sup>, kerana ia memiliki hubungan yang sangat rapat dengan kejayaan sebuah usaha.

Etika mempunyai maksud yang sangat luas, bagi Islam ia bukan hanya tanggung jawab terhadap sesama manusia, tapi juga tanggungjawab terhadap tuhan. Oleh itu, walaupun Islam mengakui hak individu serta kebebasannya bagi mencapai

---

<sup>73</sup> Rafiq Isa Bikun (1996), *Islamic Business Ethics, Human Development*, No 2. USA. The International Institute of Islamic Thought, h. 2.

<sup>74</sup> Penulisan mengenai etika usaha antara lain telah dilakukan oleh Colin Fisher and Alan Lovell (2003), *Business Ethics and Values*, (ed) Syed Othman al-Habshi. FT Prentice Hall; Nik Mustapha Nik Hassan (1998), *Islam Knowledge and Ethic: A Pertinent Culture For Managing Organisations*. Kuala Lumpur: Institut of Islamic Understanding Malaysia (IKIM).

keuntungan, tapi pada masa yang sama Islam juga memberikan panduan untuk menjamin sumber-sumber ekonomi diagihkan secara adil kepada suluh masyarakat.

## 2. Pembangunan Projek Usaha

Pembangunan projek usaha dalam ekonomi Islam dapat dibahagikan kepada beberapa bentuk, ia bergantung kepada jenis projek dan usaha yang diterokai. Demikian pula dengan pembiayaan, kebiasaannya mengikuti kesepakatan antara pelabur dan usahawan yang bersedia menjalankan aktiviti usaha serta kaedah pembiayaan jenis apa yang akan digunakan. Dalam fiqh terdapat pelbagai macam kaedah pembiayaan modal kerja yang telah diguna pakai sejak dulu lagi diantaranya:

### 2.a Pembiayaan ekuiti

Kaedah ini merupakan satu instrumen pembiayaan dalam bentuk kerja sama antara pemodal dan usahawan yang bersepakat untuk menjalankan satu mahupun lebih aktiviti usaha. Berasaskan kepada kontrak ini kedua belah pihak akan terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam usaha tersebut. Objek usaha, kaedah pembahagian serta nisbah keuntungan bagi masing-masing pihak ditentukan semasa akad dimaterai.

Instrumen ini disebut juga dengan istilah sistem usaha sama atau perkongsian keuntungan antara pemilik modal dengan usahawan. Dalam Fiqh terdapat dua bentuk akad yang termasuk dalam kategori usaha sama ini iaitu *mudarabah* dan *musyarakah*. Kedua instrumen ini memiliki kesamaan dalam mekanisme usaha. Walau bagaimanapun ia dibezakan dengan tingkat keterlibatan kedua belah pihak dalam usaha.

*Musyarakah* adalah satu kaedah yang merujuk kepada gabungan dan perkongsian hak dua orang atau lebih dengan nisbah tertentu<sup>75</sup> yang mana kedua-dua individu berkenaan terlibat secara aktif dalam menjayakan usaha tersebut, oleh yang demikian maka segala perkara yang berhubung kait dengan hasil juga dikongsi berdasarkan kesepakatan antara kedua belah pihak.

Sedangkan *mudarabah* pula merupakan satu bentuk kontrak diantara dua pihak dimana salah satu pihak menyediakan modal untuk diusahakan oleh pihak lain<sup>76</sup> dengan keuntungan yang diperolehi di bahagikan sesama mereka mengikut persetujuan<sup>77</sup>, manakala kerugian yang tidak disebabkan oleh kecuaihan pihak usahawan ditanggung sendiri oleh pelabur<sup>78</sup>.

## 2.b Pembiayaan modal pusingan

Pembiayaan modal pusingan merupakan kaedah pembiayaan dengan arus balik modal yang telah digunakan dapat di perolehi dalam tempoh terdekat. Dalam ekonomi Islam *murabahah* merupakan instrument yang diletakkan mengikut kaedah ini. *Murabahah* dimaksudkan satu instrumen dalam bentuk pembelian barangan dengan harga tertentu kemudian menjualnya semula dengan harga yang lebih tinggi atau harga asal ditambah dengan keuntungan. Kebiasaannya instrument ini digunakan bagi

---

<sup>75</sup> Al-Imam Abi Zakariyya Yahya bin Syarf al-Nawawi (t.t), *Raudah al-Talibin*, j 3. Beirut Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 507. Lihat pula penulisan oleh Muhammad Sabaruddin Bin Che Hassan (2006), "Pembiayaan Ekuiti Menurut Perspektif Islam: Kajian di Bank Islam Malaysia Berhad, Cawangan Shah Alam Selangor" (Disertasi Sarjana Syari'ah, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universtiti Malaya, h. 56.

<sup>76</sup> Sami Hasan Ahmad Hamud (1991), *Tatwir al-A'mal al-Masrafiyyah Bima Yattaifiq al-Syari'ah al-Islamiah*. Al-Kaherah: Maktabah Dar al-Turath, h. 415.

<sup>77</sup> Hasan Yusuf Daud (2005), *al-Masraf al-Islami li al-Istithmar al-Zira'i Namuzaj Muqtarih*. Misr: Dar al-Nasyr li al-Jami'ah, h. 65.

<sup>78</sup> Wahbah al-Zuhaili (2002), *Al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asirah*. Damsyiq: Dar al-Fikr, h. 438.

membiayai kehendak modal pusingan untuk memperoleh dan memegang stok dan inventori, alat ganti, bahan-bahan mentah dan barangan setengah siap.<sup>79</sup>

#### 2.c Pembiayaan aset

Pembiayaan aset dimaksudkan kaedah pembiayaan diberikan bagi mendapatkan aset seperti tanah, infrastruktur bangunan, dan lain sebagainya. Sistem pembiayaan seperti ini merupakan kaedah yang lebih mudah bagi mendapat asset sama ada asset bergerak mahupun tetap untuk keperluan perniagaan ataupun keperluan penggunaan. Skim ini dapat menggunakan pelbagai instrumen-instrumen syari'ah seperti murabahah dengan sistem bayaran bertangguh, *al-ijarah al-muntahiyah bi al-tamlik* atau disebut juga dengan istilah *al-ijarah tsumma al-bay'*.

#### 2.d Pembiayaan Berasaskan Sewa

Pembiayaan ini memiliki kesamaan dengan pembiayaan aset, namun dalam pembiayaan berasaskan sewa tidak berakhir perpindahan hak milik dari pada satu pihak kepada pihak lain, tetapi hanya sekadar hak untuk mengambil manfaat dari pada barangan tersebut. Dalam hal ini Islam memperkenalkan sistem sewa atau lebih dikenal istilah *al-ijarah*. *Al-ijarah* pada dasarnya merupakan satu kontrak antara dua pihak yang membolehkan pihak penyewa mengambil manfaat suatu barangan. Prinsip *al-ijarah* boleh disamakan dengan prinsip jual beli, walau bagaimanapun ia berbeza dari segi objek transaksi. *Al-Ijarah* mempunyai objek yang lebih luas boleh barangan mahupun perkhidmatan.

---

<sup>79</sup> Joni Tamkin Borhan (2001), *op.cit.*, hal. 162.

## 2.7 Kesimpulan

Perbincangan diatas merupakan pemaparan secara luas mengenai industri kecil dan sederhana serta perkara yang berkaitan dengan dinamika dan peranan IKS dalam konteks yang lebih luas. Berasas kepada penjelasan tersebut maka dapat disimpulkan bahwa IKS merupakan sektor ekonomi yang amat penting bagi sesebuah negara, ini kerana sektor industri kecil bukan hanya sekedar sektor ekonomi dominan tapi juga melalui pengembangan industri kecil akan membantu pengagihan sumber-sumber ekonomi. Oleh karena itu pembangunan IKS memerlukan pendekatan yang lebih luas dan tepat yang tidak hanya mengarah kepada perbaikan luaran.

Islam sebagai sebuah sistem ekonomi telah memberikan panduan pembangunan yang lebih jitu. Pendekatan yang digunakan tidak hanya menyentuh aspek fizikal usaha tetapi ia juga membantu para usahawan untuk memiliki kekuatan mental dan nilai moral. Diantara kaedah Islam membangun aspek dalaman usahawan adalah dengan membangun nilai-nilai keyakinan terhadap Allah serta akhlak dalam berusaha. Ini dilihat sebagai faktor yang amat penting kerana kegagalan dalam memiliki nilai-nilai berkenaa akan menjadi punca permasalahan selain ia akan menimbulkan ketidakseimbangan pembangunan. Manakala dalam membangunkan usaha pula Islam menggunakan pelbagai pendekatan pembiayaan projek sama ada secara langsung dengan menyediakan kemudahan modal mahupun melalui pembangunan infrastruktur serta memenuhi keperluan asas industri dan lainnya.

### BAB III

## MURABAHAH SEBAGAI INSTRUMEN PEMBIAYAAN INDUSTRI DALAM PERBANKAN ISLAM

### 3.1 Pengenalan

Penubuhan bank Islam sebagai institusi alternatif kepada bank konvensional mempunyai matlamat meningkatkan peranan institusi kewangan dalam sektor produktif, diantaranya menerusi penyaluran wang simpanan untuk pembiayaan modal kerja. Peranan institusi kewangan sangat menentukan perkembangan sektor-sektor ekonomi, dengan sistem pembiayaan yang kukuh akan wujud kesenambungan dalam pembangunan ekonomi khususnya sektor industri.

Untuk merealisasikan matlamat ini bank Islam sentiasa mengemaskinikan perkhidmatan sesuai dengan tuntutan keadaan dan masa dengan memperkenalkan pelbagai macam produk pembiayaan menerusi instrumen-instrumen pembiayaan berasaskan konsep-konsep muamalat secara Islam. Diantara konsep yang diamalkan dalam bank Islam adalah *bay' al-murabahah*. *Bay' al-murabahah* merupakan jual beli dengan harga asal ditambah dengan keuntungan. Terdapat pelbagai produk yang di tawarkan menerusi akad jual beli oleh bank Islam di antaranya pembiayaan modal kerja, pembelian pelbagai peralatan pengeluaran, pembiayaan kenderaan dan lain-lain.

Bab ini akan membincangkan secara luas mengenai perbankan Islam dan amalannya secara khusus aplikasi konsep *murabahah* dalam pelbagai pembiayaan.

### 3.2 Defenisi Perbankan Islam

Terdapat pelbagai istilah yang digunakan untuk menyebut Bank<sup>1</sup> Islam diantaranya bank Islam, bank tanpa faedah dan bank syari'ah. Istilah-istilah ini digunakan secara bersamaan untuk menamakan institusi kewangan yang menjalankan aktiviti perbankan berdasarkan prinsip syara'. Walau bagaimanapun istilah bankan Islam lebih dikenali dan luas penggunaannya berbanding dengan perbankan tanpa riba mahupun bank syari'ah.<sup>2</sup>

Diantara pakar ekonomi ada yang berpendapat bahwa sebenarnya istilah-istilah tersebut memiliki objektif yang berbeza. Mohsin S. Khan misalnya menjelaskan bahawa istilah bankan Islam lebih bersifat normatif, manakala bankan tanpa riba merujuk kepada jenis dan praktikal bank itu sendiri<sup>3</sup>. Karakteristik ini telah melahirkan satu lagi istilah yang selalu digunakan iaitu sistem perbankan Islam. Ia merujuk kepada satu rangka kerja institusi perbankan dan kewangan yang prinsip perjalanannya dan amalannya berlandaskan kepada syari'ah untuk merealisasikan keadilan penggihan kekayaan dan pendapatan.<sup>4</sup>

Di Indonesia, bankan Islam lebih dikenal dengan istilah bank syari'ah, walau bagaimanapun perbezaan istilah ini tidak membawa kepada maksud berlainan. Dari sejumlah definisi yang dikemukakan oleh para pakar ekonomi Islam dapat dilihat bahawa definisi-definisi berkenaan memiliki makna yang hampir sama, hanya sesetengah definisi menjelaskan aspek-aspek teknikal tertentu sehingga menjadikannya lebih terperinci.

---

<sup>1</sup> Perkataan Bank berasal dari bahasa Itali *banco* yang kepingan papan tempat duduk meletakkan buku atau sejenis meja iaitu bench, kemudian penggunaannya istilah ini telah diperluas kepada meja (counter) yang digunakan oleh pemberi hutang untuk menjalankan perniagaan; Joni Tamkin Borhan (2001), *op.cit.*, h.137.

<sup>2</sup> Mohd Sabri B Abdul Ghafar (2006), "Pembiayaan Ijarah Dalam Sistem Perbankan Islam di Malaysia" (Tesis Ph.D Syari'ah, Jabatan Syari'ah dan Pengurusan, Bahagian Pengajian Syari'ah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 48.

<sup>3</sup> Mohsin S. Khan (1993), "Islamic Interest-Free Banking", Dalam Mukhtar Zaman (ed.), *Banking and Finance; Islamic Concept*. Karachi: International Association of Islamic Banks, h. 83.

<sup>4</sup> Joni Tamkin Borhan (2001), *op.cit.*, h. 138.

Persatuan Bank-bank Islam Antara Bangsa umpamanya mendefinisikan Perbankan Islam sebagai perbankan yang melaksanakan konsep perbankan yang berpegang teguh dengan peraturan Islam dalam urusan kewangan dan lain-lain urusan.<sup>5</sup> Al-Najjar pula mendefinisikan perbankan Islam sebagai pertubuhan kewangan yang menghimpunkan wang dan menjalankan operasinya dalam lingkungan syari'ah Islam dengan tujuan membina kesatuan masyarakat Islam bagi merealisasikan keadilan pengagihan serta menggunakan dana tersebut dalam landasan Islam.<sup>6</sup> Semakna dengan itu Al-Masri mentakrifkan perbankan Islam sebagai perbankan yang menjalankan aktiviti beraskan kaedah *al-ghunmu bi al-ghurmi*<sup>7</sup>, sanggup menanggung risiko kerugian, mengambil sesuatu jika diberikan dan mengagihkan keuntungan mengikut persetujuan.<sup>8</sup>

### 3.3 Sejarah Perkembangan Perbankan Islam di Indonesia

Penubuhan Bank Pembangunan Islam (IDB) pada tahun 1975<sup>9</sup> boleh dikatakan sebagai tonggak perkembangan perbankan Islam diseluruh dunia. Bank pembangunan yang menyerupai Bank Dunia (*The World Bank*) dan Bank Pembangunan Asia (ADB) ini diasas oleh Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang dianggotai oleh negara-negara Islam termasuk Indonesia.<sup>10</sup> Penubuhan IDB inilah yang telah menjadi pendorong penubuhan bank-bank

---

<sup>5</sup> Mohd Sabri B Abdul Ghafar (2006), *op.cit.*, h. 49.

<sup>6</sup> Fadhul Rahman Bin Azizan (2003), "Produk-produk Perbankan Islam di Ibu Pejabat Bank Islam Malaysia Berhad, (Disertasi Sarjana Syari'ah, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 4.

<sup>7</sup> Al-Misri (1988), *Al-Masraf al-Islami 'Ilmiyyan wa 'Amaliyyan*. Kaherah. Maktabah Wahbah, h. 9; *Al-ghunmu bi al-ghurmi* bererti keuntungan diperolehi bersama resiko, dalam istilah lain dapat juga disebut ganjaran atau pulangan atau manfaat dalam hasil dari pada tanggung jawab terhadap sesuatu; Adi Warman Karim (2004), *op.cit.*, h. 34; A.L.M. Abdul Gafoor (2004), *Perbankan Islam Tanpa Faedah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemah Negara Malaysia Berhad, h. 52; Ahmad Muhammad al-Zarqa' (2001), *Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Damsyiq: Dar al-Qalam, h. 429.

<sup>8</sup> Mohd Sabri B Abdul Ghafar (2006), *op.cit.*, h. 50.

<sup>9</sup> Islamic Development Bank (IDB) di tubuhkan pada tahun 1975 dengan ibu pejabat pusatnya berada di Jeddah, M. Dawam Rahardjo, *op.cit.*, h. xxx

<sup>10</sup> *Ibid.*



Islam di beberapa negara Islam seperti Dubai Islamic Bank (1975), Kuwait Finance House (1977) dan Bank Islam Malaysia Berhad pada tahun 1983.

Di Indonesia, perbankan Islam ditubuhkan pada tahun 1992, ia lebih lambat bila dibandingkan dengan kebanyakan negara-negara Islam yang sedang berkembang. Dilihat dari aspek sejarah cadangan penubuhan bank Islam di Indonesia sudah bermula semenjak tahun 30-an. KH Mansur<sup>11</sup> adalah orang pertama membangkitkan isu penubuhan perbankan Islam sebagai alternatif kepada bank konvensional.<sup>12</sup> Berbangkitnya isu penubuhan perbankan Islam merupakan hasil dari perbincangan mengenai faedah bank yang sudah lama menjadi perdebatan di kalangan para ilmuwan muslim di Indonesia. Perbezaan perspektif dalam melihat faedah bank (*interest*) telahpun melahirkan pelbagai aliran yang secara umum dapat dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu liberal<sup>13</sup> dan fundamental.<sup>14</sup> Kedua aliran ini memiliki pandangan yang berbeza berkenaan faedah yang wujud dalam bank konvensional, sama ada ia termasuk riba yang diharamkan atau tidak. Aliran pertama berpendapat bahawa faedah bank tidak tergolong kedalam riba, kerana yang disebut dengan riba itu adalah pembunga dengan kadar bunga yang tinggi. Bankan A. Hassan mengatakan bahawa yang disebut dengan riba itu adalah bunga dengan kadar yang sangat tinggi (*ad'afan muda'afah*). Pendapat yang sama juga dikemukakan oleh ahli ekonomi seperti Muhammad Hatta yang mengatakan bahawa riba adalah faedah pada kredit penggunaan, sedangkan faedah pada kredit pengeluaran barangan bagi usahawan tidak termasuk riba, kerana wangnya digunakan untuk

---

<sup>11</sup> KH Mas Mansur adalah ketua pertubuhan Muhammadiyah 1937-1941. Beliau dilahirkan di Surabaya Jawa Timu pada 25 Jun 1896 dan meninggal pada 25 April 1946. [http://id.wikipedia.org/wiki/KH\\_Mas\\_Mansur](http://id.wikipedia.org/wiki/KH_Mas_Mansur). Di rujuk pada 25 May 2009.

<sup>12</sup> Heri Sunandar (2006), "Sistem Perbankan Syari'ah dan Peranannya Dalam Peningkatan Ekonomi Umat: Kajian Kes Perbankan Syari'ah di Provinsi Riau, Indonesia" (Tesis Ph.D, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h.155.

<sup>13</sup> Liberal bermaksud pahaman yang lebih terbuka ertinya dalam kepahaman mereka tidak terikat kepada tafsiran al-Qur'an dan Sunnah, pada pandangan mereka perlu kembali kepada prinsip umat yang terbaik menerui ijtihad. [http://en.wikipedia.org/wiki/Liberal\\_movements\\_within\\_Islam](http://en.wikipedia.org/wiki/Liberal_movements_within_Islam). di rujuk pada 25 May 2009.

<sup>14</sup> Fundamentalis adalah kalangan yang berpegang sepenuhnya kepada al-Qur'an dan Sunnah dan menganggap bahawa al-Qur'an dan Sunnah adalah sumber utama. *ibid*

mendapatkan keuntungan.<sup>15</sup> Pandangan ini berbeza dengan golongan fundamentalis agama yang mengatakan bahawa faedah bank adalah riba dan diharamkan. Walaupun demikian, bank sebagai institusi kewangan tidak dilarang menjalankan aktiviti perniagaan kerana kewujudan bank adalah amat diperlukan. Justeru yang mesti ditubuhkan adalah institusi kewangan yang tidak mengamalkan faedah sebaliknya menjalankan operasinya menerusi sistem perkongsian keuntungan.

Perdebatan mengenai faedah bank tidak hanya melibatkan individu, bahkan sampai pada peringkat organisasi. Majlis Tarjih Muhammadiyah pada mu'tamar Muhammadiyah di Sidoarjo-Jawa Timur tahun 1968 telah membincangkan mengenainya dan memutuskan bahawa faedah (*interest*) pada bank konvensional sama ada bank-bank negara mahupun bank swasta termasuk dalam *shubhah* atau *mutashabihah*. Oleh yang demikian digalakkan untuk menghindari perkara-perkara yang *shubhah* agar tidak jatuh kedalam jurang dosa.<sup>16</sup> Pertubuhan Nahdatul Ulama (NU) pula telah beberapa kali mengadakan lajnah bagi membahas masalah yang sama dan menghasilkan sejumlah hukum yang berbeza<sup>17</sup>. Walau bagaimanapun lajnah tersebut memutuskan bahawa berhati-hati serta berusaha meninggalkan bermuamalah dengan faedah bank adalah lebih baik.

Walaupun isu perbankan Islam sudah menjadi isu global dalam kontek Indonesia, kenyataannya penubuhan bank Islam bukanlah perkara yang mudah kerana untuk tempoh yang cukup lama kerajaan tidak memberikan sokongan sebab idea perbankan Islam dianggap

---

<sup>15</sup> *Ibid.*

<sup>16</sup> Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *op.cit.*, h. 62; Heri Sunandar (2006), *op.cit.*, h. 15.

<sup>17</sup> *Lajnah Bahsu al-Masa'il* Nahdatul Ulama (NU) mengeluarkan sejumlah fatwa berkaitan dengan faedah bank diantaranya menetapkan bahawa faedah bank adalah haram kerana sama dengan hutang yang dipungut oleh ceti haram. Kedua Faedah bank adalah halal sebab tidak ada syarat pada waktu akad, adapun adat yang berlaku tidak dapat dijadikan sebagai syarat. Ketiga Syubhah kerana para ahli hukum berselisih pendapat mengenainya, Muhammad Syafi'I Antonio (2001), *op.cit.*, h. 63.

sebagai perkara yang boleh mencetuskan sentimen perkauman dan menggugat kestabilan politik dan ekonomi.<sup>18</sup>

Pada 1 Juni 1983 kerajaan mengeluarkan akta perbankan Indonesia yang diantaranya bertujuan bagi meningkatkan jumlah simpanan wang domestik semaksimum mungkin menerusi sistem syari'ah. Ini dianggap sebagai permulaan perubahan sikap kerajaan terhadap cadangan penubuhan perbankan Islam di Indonesia yang sudah lama dicadangkan. Pada tahun 1988 kerajaan sekali lagi mengeluarkan akta yang diistilahkan dengan Pakto (Paket Oktober) 1988 yang bertujuan untuk meningkatkan peranan perbankan dalam perlbagai aspek seperti menggunakan dana masyarakat, peningkatan eksport barangan yang bukan berupa minyak dan gas, kecekapan institusi kewangan dan perbankan, kemampuan mengawal pelaksanaan polisi kewangan serta meningkatkan pengembangan pasaran modal.<sup>19</sup>

Kedua akta ini dilihat sebagai satu peluang untuk mewujudkan penubuhan perbankan Islam di Indonesia. Oleh itu, pelbagai seminar dan disikusi diadakan untuk mendapatkan lebih banyak sokongan. Untuk membuktikan kemantapan konsep Islam dalam membentuk satu institusi kewangan bertaraf bank, beberapa institusi kewangan dalam skala kecil yang disebut dengan istilah *bait al-mal* telahpun ditubuhkan seperti *Bait al-Tamwil-Salman* di Bandung dan institusi berupa koperasi di Jakarta iaitu Koperasi Ridho Gusti.<sup>20</sup> Dalam satu seminar yang selenggarakan oleh Majlis Ulama Indonesia (MUI) pada tanggal 18-20 August 1990 yang mengangkat semula isu faedah bank dan perbankan di Cisarua, Bogor, Jawa Barat kemudian dilanjutkan pada Musyawarah Nasional IV MUI yang diselenggarakan di Hotel Sahid Jakarta telahpun berjaya membawa kepada pembentukan jawatan kuasa bagi mengkaji kemungkinan penubuhan perbankan Islam di Indonesia. Jawatan kuasa ini bertanggung jawab

---

<sup>18</sup> *Ibid.*

<sup>19</sup> Heri Sunandar (2006), *op.cit.*, h. 156.

<sup>20</sup> Muhmmad Syafi'i Antonio(2001), *op.cit.*, h. 25.

melakukan pendekatan kepada pelbagai pihak bagi mendapatkan pandangan dan sokongan. Usaha jawatan kuasa ini akhirnya membuahkan hasil kepada penandatanganan satu akta penubuhan perbankan Islam pertama di Indonesia iaitu PT Bank Muamalat Indonesia pada 1 November 1991 dan rasmi beroperasi pada 1 Mei 1992. Pada masa yang sama satu undang-undang perbankan iaitu UU No. 7 Tahun 1992<sup>21</sup> telahpun digubal bagi membolehkan perbankan Islam bekerja dibawah undang-undang rasmi.

Walau bagaimanapun undang-undang tersebut masih terlalu umum dan bersifat mengongkong kerana hanya memberikan kebolehan perbankan beroperasi dengan sistem perkongsian keuntungan tanpa menjelaskan batasan, serta jenis-jenis usaha. Sehingga pada tahun 1998 kerajaan menggubal semula undang-undang berkenaan yang melahirkan satu lagi undang-undang yang mengandungi ketentuan-ketentuan yang lebih rinci mengenai perbankan Islam iaitu UU No.10/1998.<sup>22</sup> Boleh dikatakan perkembangan perbankan Islam secara meluas di Indonesia bermula semenjak undang-undang tersebut digubal, cawangan-cawangan BMI berkembang dengan cepat dan diikuti oleh penubuhan bank-bank baru atau cawangan syari'ah pada bank-bank konvensional seperti Bank Indonesia (BI), Bank Tabungan Negara (BTN), Bank Rakyat Indonesia (BRI) dan lainnya.

### **3.4 Tujuan Pengembangan Perbankan Islam di Indonesia**

Penstrukturan semula sistem kewangan di Indonesia bertujuan bagi meningkatkan peranan bank yang sempat terjejas oleh kegawatan ekonomi yang melanda Asia termasuk

---

<sup>21</sup> Dalam Undang-undang No 7 Tahun 1992 disebutkan bahawa perbankan yang beroperasi berasaskan prinsip bagi hasil boleh dilaksanakan di Indonesia berdampingan dengan bank konvensional sesuai dengan ketentuan yang ditetapkan dalam Peraturan Pemerintah. Esei Umar Farouk, Sejarah Hukum Perbankan Islam di Indonesia, <http://sharialearn.wikidot.com/perumarfarouk001>. dirujuk pada 21 May 2009.

<sup>22</sup> Dalam Undang-undang No 10 Tahun 1998 disebut mengenai kebenaran melaksanakan sistem perbankan syari'ah (Islam), selain itu bank konvensional dibolehkan membuka unit usaha syari'ah dengan cara menyisihkan modal untuk membuka cawangan syari'ah tersendiri, namun masih dalam satu pejabat dan satu badan hukum dengan bank konvensional.

Indonesia pada tahun 1997. Krisis ini telah menimbulkan hutang lapuk yang sangat besar serta menyebabkan sejumlah bank terancam ditutup. Besarnya jumlah hutang yang tidak dapat dipungut semula oleh bank menyebabkan institusi berkenaan semakin kehilangan peranan.

Penubuhan perbankan Islam merupakan diantara langkah yang diambil kerajaan bagi menjayakan penstrukturan sistem kewangan. Kerana sistem kewangan Islam dilihat memiliki ketangguhan dalam menghadapi krisis yang berlaku. Secara umum objektif penubuhan bank Islam adalah untuk memenuhi perkara-perkara berikut:

- a. Kerperluan terhadap kemudahan bank yang tidak mengamalkan amalan riba yang akan memobilisasi dana dari masyarakat yang tidak melakukan muamalat dengan sistem konvensional
- b. Keperluan modal bagi pengembangan usaha berdasarkan prinsip perkongsian keuntungan.
- c. Keperluan akan produk perbankan yang unggul

### 3.5 Prinsip Operasi Perbankan Islam

Dalam perspektif ekonomi Islam, aktiviti institusi kewangan dan perbankan dalam dunia moden seperti sekarang ini mengandungi dua prinsip iaitu *al-ta'awun* dan menghindar *al-iktinaz*. Prinsip *ta'awun* dimaksudkan sebagai sikap saling membantu dan saling bekerjasama di antara anggota masyarakat untuk kebaikan. Sedangkan prinsip *al-iktinaz* adalah menahan modal dengan membiarkannya tersimpan tanpa di pergunakan dalam apa-apa aktiviti produktif menerusi transaksi yang boleh memberikan manfaat kepada masyarakat.<sup>23</sup>

---

<sup>23</sup> Eprinaldi (2001), *op,cit.*, h. 50.

Dalam operasi perbankan Islam kedua prinsip ini tampak jelas, *al-taawun* dapat dilihat dari pengharaman riba, kerana ia dianggap sebagai sikap yang bercanggah dengan prinsip saling tolong menolong, bahkan ia merupakan suatu pendekatan yang berat sebelah yang hanya menguntungkan golongan pemilik modal. Perbankan Islam menekankan usaha dan aktiviti perniagaan yang berorientasi keuntungan yang sah menurut syara' disamping pelbagai kewajipan seperti zakat, sedekah dan lain sebagainya.

Sedangkan prinsip *iktinaz* wujud dalam komitmen bank Islam dalam menyalurkan wang pelanggan yang telah terhimpun menerusi pelbagai kaedah pembiayaan yang dibolehkan oleh syara' seperti *mudarahah*, *musyarakah* dan lainnya. Bank Islam mempunyai polisi menjalankan aktiviti pelaburan yang selaras dengan nilai-nilai syara'.<sup>24</sup>

### **3.6 Murabahah Sebagai Instrumen Pembiayaan Industri Dalam Bank Islam**

#### **3.6.1 Definisi Murabahah**

Secara bahasa murabahah berasal dari kata *rabahah*, *yurabihu*, *murabahah* yang bererti memberikan keuntungan<sup>25</sup> seperti perkataan aku ambil keuntungan dari pada padanya, ertinya memberikan keuntungan tertentu dari pada penjualan.<sup>26</sup> Secara Istilah pula *murabahah* didefinisikan dengan pelbagai redaksi. Definisi-definisi tersebut memiliki makna yang sama walaupun dalam ungkapan yang berbeza. Dari kalangan ulama fiqh misalnya al-Dusuqi mendefinisikan *murabahah* sebagai menjual barangan dengan harga belian ditambah dengan

---

<sup>24</sup> Abd Rashid Bin Haji Dail (1994), *Bank Islam*. Bangi: Pustaka Rashfa Sdn Bhd, h. 130.

<sup>25</sup> Ibn Manzur (1954), *Lisan al-'Arab*, j.4. Kaherah: al-Dar al-Misriyyah Li al-Ta'lif wa al-Tarjamah, h. 268; Ahmad Warson Munawwir (1997), *Al-Munawwir: Kamus Arab-Indonsia*. Surabaya: Pustaka Progresif, h. 816; al-Fairuzabadi (1983), *Al-Qamus al-Muhit*, j.1. Berut: Dar al-Fikr, h. 221.

<sup>26</sup> 'Abd al-Sami' al-Misri (1988), *al-Masraf al-Islami 'Ilmiyyan wa 'Amaliyyan*. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 75.

keuntungan yang diketahui oleh kedua belah pihak.<sup>27</sup> al-Kassani pula mengatakan ia sebagai menjual barangan dengan harga yang sama dengan harga asal ditambah dengan keuntungan.<sup>28</sup>

Ibn Qudamah juga mendefinisikan *bay' al-murabahah* sebagai suatu bentuk urusanniaga yang menjual suatu barangan dengan modal ditambah keuntungan.<sup>29</sup> Lebih terperinci Ibn Humam menjelaskan bahawa *bay' al-murabahah* merupakan suatu akad penyerahan barangan niaga yang dimiliki oleh seseorang berdasarkan harga asal ditambah dengan keuntungan yang dimaklumkan kepada si pembeli.<sup>30</sup> Dengan makna yang sama Wahbah Zuhaili juga mengatakan bahawa *murabahah* merupakan membeli barangan dengan harga asal ditambah dengan keuntungan.<sup>31</sup>

Kalangan ilmuan ekonomi Islam juga mengemukakan definisi-definisi konsep *murabahah*, definisi tersebut turut mengabil kira aspek teknikal yang pada masa ini diamalkan dalam kebanyakan bank Islam. Secara sederhana *murabahah* bererti menjual barangan seharga barangan tersebut ditambah dengan keuntungan.<sup>32</sup> Latifah mengatakan ia sebagai pembiayaan pembelian sebuah barangan atau asset dengan membeli item tersebut atas nama pelanggan dan menambahkan nilai mark-up (kenaikan) sebelum menjual semula barangan tersebut kepada pelanggan sesuai dengan perjanjian keuntungan dengan prinsip tambah biaya.<sup>33</sup> Menurut Sudin Haron *murabahah* merupakan skim jualan barangan antara dua belah pihak yang mengikat persetujuan pada harga yang mengandungi kos barangan dan keuntungan.<sup>34</sup> Abd Sami' al-Misri pula memetik perkataan Ibn Rusyd mengatakan bahawa *murabahah*

---

<sup>27</sup> Al-Dusuqi (t.t), *Hasyiyah al-Dusuqi 'Ala al-Sharh al-Kabir*, j.3. 'Isa al-Babi al-Halabi wa Syurakah, h. 159

<sup>28</sup> Al-Kasani (t.t), *Bada'i' al-Sana'i' Fi Tartibi al-Shara'i'*, j.7. Al-Kaherah: Matba'ah al-Imam, h. 3193.

<sup>29</sup> Ibn Qudamah (1972), *op.cit.*, h.159.

<sup>30</sup> Ibn Humam (1970), *op.cit.*, h. 510.

<sup>31</sup> Wahabah al-Zuhaili (2002), *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, j. 5. Bairut Lubnan: Dar al-Fikr al-Mu'asir, h. 3765.

<sup>32</sup> Adiwarmam Karim (2004), *op.cit.*, h. 103.

<sup>33</sup> Latifah M. Alghaoud *et al.* (2001), *Perbankan Syari'ah: Prinsip, Praktek, Prospek*. Burhan Wira Subrata (terj.), Jakarta: PT Serambi Ilmu Semesta, h. 82.

<sup>34</sup> Sudin Haron (1996), *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd, h. 318.

adalah jual beli dimana penjual menyebutkan harga barangan dan mensyaratkan keatasnya keuntungan.<sup>35</sup> Dari beberapa defenisi tersebut dapat disimpulkan bahawa *murabahah* merupakan satu bentuk kontrak penjualan barangan dengan menyatukan harga asal dan margin keuntungan yang disepakati oleh penjual dan pembeli.<sup>36</sup>

*Murabahah* merupakan salah satu bentuk akad jual beli. Ia memiliki ciri khusus yang membezakannya dari pada konsep jual beli lazim. Dalam akad jual beli lazim, penjual tidak perlu menyatakan harga belian barangan, sementara dalam jual beli *murabahah* penjual berkewajipan menjelaskan secara terang harga belian serta keuntungan yang diambil dari penjualan tersebut. Sebab itu akad *murabahah* juga disebut dengan jual beli *amanah*,<sup>37</sup> kerana pembeli memberikan kepercayaan kepada penjual untuk menyebutkan kos pembelian dan penjual pula wajib memeliharanya dari pada perkara-perkara yang bersifat khianat dan keraguan.<sup>38</sup>

Jual beli *murabahah* boleh berlaku atas permintaan salah satu pihak yang berkontrak dan dipersetujui oleh pihak lain, pada kebiasaannya ia berlaku dalam keadaan pihak pembeli tidak mengetahui harga pasaran sebenar dan mempercayai kejujuran penjual kerana menjelaskan modalnya dan keuntungan yang dicadangkan daripada kontrak berkenaan. Begitu juga cadangan boleh datang dari pada penjual sendiri yang bertujuan untuk melariskan barangan jualannya dengan mempelawa pembeli membeli dengan harga tertentu dengan menyatakan kos dan jumlah keuntungannya sekali.<sup>39</sup> Dengan demikian pembeli merasa lebih selesa dengan urusaniaga seperti ini, kerana pembeli tidak merasa tertipu dengan harga

---

<sup>35</sup> 'Abd al-Sami' al-Misri (1980), *op.cit.*, h.75.

<sup>36</sup> Adi Warman Karim (2004), *op.cit.*,h. 103.

<sup>37</sup> Wahabah al-Zuhaili (2002), *op.cit.*, h. 3772; Ibn Qudamah (2001) *op.cit.*, h. 72.

<sup>38</sup> Al-Kasani (t.t), *op.cit.*, h. 3200.

<sup>39</sup> Ab Mumin Ab Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 411.



barangan yang akan dibeli.<sup>40</sup> Bila ternyata penjual melakukan penipuan, dengan menyebut harga lebih besar dari pada harga sebenar barangan maka pembeli memiliki hak untuk memilih antara membatalkan atau meneruskan pembelian.<sup>41</sup>

### 3.6.2 Hukum Murabahah

Islam mengharuskan<sup>42</sup> *bay'murabahah* sebagai kemudahan dalam bermuamalat sebagai mana pendapat kebanyakan ulama dari kalangan shahabat, tabi'in dan imam-imam mazhab fiqh. Karena *murabaha* merupakan salah satu bentuk dari pada jual beli, dan asal dari pada jual beli adalah harus kecuali apa yang dilarangan oleh syara' dan yang semakna dengannya. Selain itu ia dianggap sebagai satu keperluan terutama sekali dalam ekonomi semasa dimana keperluan terhadap satu barangan tidak terbatas. Adakalanya individu berkehendak terhadap satu barangan namun tidak dapat membelinya secara langsung yang boleh jadi disebabkan ketiadaan barangan dipasaran atau ketiadaan upaya untuk melakukannya sendiri maka ia boleh mengamanahkan kepada pihak lain untuk membelinya dan kemudian membeli semula barangan berkenaan dengan harga yang di sepakati.

Walau bagaimanapun menurut sesetengah ulama<sup>43</sup> terutama ulama Malikiyah berpendapat bahawa jual beli *murabahah* adalah tidak digalakkan kerana dalam konsep jual beli ini penjual diwajibkan menjelaskan semua perkara yang berkaitan dengan barangan yang

---

<sup>40</sup> Nor Muhamed Yakcob (1996), *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur, h.117.

<sup>41</sup> Apabila persyaratan yang dipersetujui dalam *bay' al-murabahah* tidak terpenuhi maka pembeli memiliki beberapa pilihan: a. Melanjutkan pembelian seperti apa adanya. b. Kembali kepada penjual dan menyatakan penolakan atas barangan yang dijual. c. Membatalkan kontrak pembelian; al-Dusuqi (t.t), *op.cit.*, h. 169; Ibn Qudamah (2001), *op.cit.*, h. 73; Ibn Humam (1970), *op.cit.*, h. 510; Muhammad Syafi'i Antonio(2001), *op.cit.*, h. 102.

<sup>42</sup> Akad murabahah termasuk ke dalam akad jual beli, secara asal setiap jual beli adalah harus dengan syarat adanya keridhaan antara kedua belah pihak; 'Abd al-Sami' al-Misri (1988), *op.cit.*, h. 75.

<sup>43</sup> Seperti Imam Ahmad begitu juga Ibn 'Umar, Ibn 'Abbas, Masruq, al-Hasan, 'Ikrimah dan lainnya dari kalangan sahabat; Ibn Qudamah (1992), *Al-Mughni*, j. 6, h. 266.

dinilai boleh memberatkan penjual.<sup>44</sup> Selain itu dalam jual beli *murabahah* juga terdapat faktor *jihalah* dalam aspek-aspek tertentu yang menyebabkan jual beli dengan *murabahah* tidak digalakkan.<sup>45</sup>

Aspek lain yang amat penting dalam jual beli *murabahah* adalah kredibiliti dan kejujuran penjual, kerana pengetahuan pelanggan terhadap harga sebenar barangan amat terhad, justeru keadaan yang demikian membuka peluang yang amat besar untuk berlakunya penipuan oleh pembeli terutama dalam dunia perniagaan yang mana amat sukar menemukan peniaga-peniaga yang memiliki kredibiliti yang boleh dipercayai.

### 3.6.3 Dasar Hukum Murabahah

Seperti yang telah dikemukakan bahawa *murabahah* merupakan salah satu diantara jenis kontrak yang berasaskan jual beli. Oleh yang demikian keduanya memiliki hukum serta asas yang sama dalam fiqh Islam, jual beli dengan pelbagai jenisnya adalah diboleh dalam syara' selama kontrak berkenaan memenuhi ketentuan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Islam. Diantara asas hukum yang mengharuskan konsep ini adalah:

#### 1. Al-Qur'an

Firman Allah:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ

“Dan Allah menghalalkan jual beli”

Surah al-Baqarah (2): 275.

---

<sup>44</sup> Al-Dusuqi (t.t), *op.cit.*, h. 159

<sup>45</sup> Ibn Qudamah (1992), *op.cit.*,h. 266.

Firman Allah

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُم بَيْنَكُم بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً  
عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ

“Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu memakan harta diantara kamu secara batil melainkan dengan perniagaan yang dilakukan secara ridha diantara kamu”<sup>46</sup>

Surah al-Nisa' (4): 29.

Ayat-ayat diatas menjelaskan bahawa Allah telah menghalalkan jual beli dan perniagaan yang dilakukan secara rida. *Murabahah* merupakan jual beli atas dasar keridaan, kerana penjual memaklumkan terlebih dahulu harga asal dan jumlah keuntungan yang diambilnya, bila pembeli bersetuju dengan jumlah yang ditetapkan oleh penjual maka bermakna ia telah ridha dengan kontrak tersebut.

## 2. Sunnah

Keharusan *murabahah* juga didasari oleh hadith, diantaranya adalah:

a.

حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ حَدَّثَنَا جَرِيرٌ عَنْ الْأَعْمَشِ عَنْ سَالِمِ بْنِ أَبِي  
الْجَعْدِ عَنْ جَابِرٍ قَالَ أَقْبَلْنَا مِنْ مَكَّةَ إِلَى الْمَدِينَةِ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى  
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَعْتَلَّ جَمَلِي وَسَاقَ الْحَدِيثَ يَقْصِّتُهُ وَفِيهِ ثُمَّ قَالَ لِي  
يَعْنِي جَمَلِكَ هَذَا قَالَ قُلْتُ لَا بَلْ هُوَ لَكَ قَالَ لَا بَلْ يَعْنِيهِ قَالَ قُلْتُ لَا بَلْ  
هُوَ لَكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ لَا بَلْ يَعْنِيهِ قَالَ قُلْتُ فَإِنَّ لِرَجُلٍ عَلَيَّ أَوْفِيَّةً  
ذَهَبٍ فَهَوَ لَكَ بِهَا قَالَ قَدْ أَخَذْتُهُ فَتَبَّعْ عَلَيْهِ إِلَى الْمَدِينَةِ قَالَ فَلَمَّا قَدِمْتُ  
الْمَدِينَةَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْلَالٍ أَعْطَاهُ أَوْفِيَّةً مِنْ  
ذَهَبٍ وَزَدَهُ قَالَ فَأَعْطَانِي أَوْفِيَّةً مِنْ ذَهَبٍ وَزَادَنِي قَبْرَاطًا قَالَ قُلْتُ لَا  
تُفَارِقُنِي زِيَادَةُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَكَانَ فِي كَيْسٍ لِي  
فَأَخَذَهُ أَهْلُ الشَّامِ يَوْمَ الْحَرَّةِ.

Telah bercerita Uthman Bin Abi Syaibah kepada kami, telah bercerita Jarir dari al-A'masy dari Salim bin Abi al-Ja'di dari Jabir berkata ia; Kami telah sampai dari Makkah ke Madina bersama Rasulullah s.a.w, maka tiba-tiba untaku sakit, kami berjalan sambil bercerita perihal

<sup>46</sup> Tafsir Pimpinan al-Rahaman Kepada Pengertian al-Qur'an. Kuala Lumpur: Darulfikir, h. 190.

untuk kepada baginda, kemudian beliau pun berkata; jualah ontamu. Akupun menjawab; tidak, ini untukmu ya Rasulullah. Tidak, juallah, aku katakan; tidak. Beliau berkata lagi bahkan juallah sahaja; aku kata tidak. Beliau berkata; bahkan kamu juallah, lalu beliau berkata; ada seorang lelaki yang memegang hartaku satu Uqayyah emas, maka harga emas tersebut untuk ontamu. Rasulullah mengambil ontanya itu sehingga sampai ke Madina. Apabila sampai di Madina, Rasulullah berkata kepada Bilal; Berikanlah satu Uqayyah emas dan tambahkanlah lebih dari harga pokok. Maka kamipun menerima bayarannya sebanyak satu uqayyah emas, serta menerima lagi tambahan satu Qarat emas sebagai keuntungan.<sup>47</sup>

b.

حَدَّثَنَا أَبُو كُرَيْبٍ حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ عَيَّاشٍ عَنْ أَبِي حُصَيْنٍ عَنْ حَبِيبِ بْنِ أَبِي ثَابِتٍ عَنْ حَكِيمِ بْنِ حَزَامٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ حَكِيمَ بْنَ حَزَامٍ يَشْتَرِي لَهُ أُضْحِيَّةً بِدَيْنَارٍ فَأَشْتَرَى أُضْحِيَّةً فَأَرْبَحَ فِيهَا دِينَارًا فَأَشْتَرَى أُخْرَى مَكَانَهَا فَجَاءَ بِالْأُضْحِيَّةِ وَالْدَيْنَارِ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ ضَحِّ بِالشَّاةِ وَتَصَدَّقْ بِالدِّينَارِ

Telah bercerita kepada kami Abu Kuraib, telah bercerta kepada kami Abu Bakar bin ‘Ayyasy dari Abi Husain dari Habib bin Abi Thabit dari Hakim bin Hizam bahwa sesungguhnya Nabi telah mengutusnyanya membeli hewan kurban untuknya dengan satu dinar. Maka dia membeli satu ekor hewan kurban, lalu ia menjualnya dengan dua dinar, kemudian membeli semula hewan kurban dengan satu dinar. Lalu ia kembali kepada Rasulullah dengan seekor hewan kurban dan satu dinar. Maka Rasulullah s.a.w. berkata: Berkurbanlah dengan kambing itu dan bersedekahlah dengan dinarnya.<sup>48</sup>

c. Diriwayatkan dari pada Ibnu Mas’ud (r.a) bahawa Nabi s.a.w tidak mempermasalahkan tambahan pada barangan ini sekian dan itu sekian, ertinya setiap sepuluh barangan keuntungannya satu dirham atau setiap sepuluh barangan keuntungannya dua dirham”.<sup>49</sup>

### 3. Qaul al-Shahabah

<sup>47</sup> Muslim (1991), *Sahih Muslim*, (Cet.4), Jil 3. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, h. 1222

<sup>48</sup> Muhammad ‘Ali bin Muhammad al-Syaukani (t.t), *Nail al-Autar*, j.5. al-Kaherah. Maktabah Dar al-Turath, h. 270.

<sup>49</sup> Wahbah Zuhaili (2002), *op.cit.*, h. 3766.

“Diriwayatkan dari pada Ibnu Mas’ud (r.a) bahawa sesungguhnya beliau tidak melihat masalah apabila seseorang membeli barangan dengan harga tertentu dan menjualnya dengan harga tertentu, begitu juga tidak menjadi masalah apabila penjual berkata: Setiap sepuluh keuntungannya adalah satu dirham atau setiap sepuluh keuntungannya dua dirham<sup>50</sup>.

#### **4. Murabahah Memenuhi Syarat Akad Yang Diboleh Syara’.**

Secara teori akad *murabahah* telah diharuskan oleh syara’, kerana ia tidak mengandungi aspek-aspek yang menyebabkan akad ini tertegah. Selain itu kaedah jual beli *murabahah* juga amat diperlukan terutama sekali dalam ekonomi semasa.

#### **3.6.4 Syarat-syarat Kontrak *Murabahah***

Sebagai salah satu bentuk kontrak yang digunakan secara meluas sejak dulu lagi, *murabahah* mempunyai syarat-syarat tertentu untuk membersihkan akad tersebut dari pada perkara-perakara yang tertegah oleh syara’. Secara umum syarat-syarat dalam kontrak *murabahah* sama dengan syarat-syarat dalam jual beli biasa kecuali dalam beberapa aspek. Syarat-syarat tersebut adalah sebagai berikut:

1. Kedua belah pihak yang melakukan kerjasama dengan menggunakan kontrak *murabahah* haruslah mengetahui jumlah modal<sup>51</sup> yang digunakan untuk mengetahui nilai sebenar barangan yang akan dijual. Dengan lain perkataan penjual mesti memberitahukan kos asal pembelian tanpa adanya unsur penipuan.<sup>52</sup>

---

<sup>50</sup> *Ibid.*

<sup>51</sup> Ibn Qudamah (1992), *al-Mughni*, h. 266; Wahbah al-Zuhaili (2002), *op.cit.*, h. 3767.

<sup>52</sup> Ibn Qudamah (2001), *al-Kafi fi Fiqh al-Imam Ahmad Bin Hanbal*, j. 2. Bairut Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 70; Lihat pula Muhammad Syafi’i Antonio (2001), *op.cit.*, h. 102.

Apabila salah satu pihak terutama sekali pembeli tidak mengetahui harga sebenar dari pada barangan, maka jual beli adalah *fasid*.<sup>53</sup>

2. Menjelaskan kadar keuntungan, kerana ia merupakan bahagian dari pada harga yang mesti dibayar oleh pihak kedua. Jika keuntungan tidak dimaklumkan maka bermakna harganya tidak jelas yang boleh membawa kepada batalnya akad *murabahah*. Keuntungan tidak semesti dari barangan yang sama jenis, ia boleh dari pada barangan lain yang ditentukan kadarnya. Seperti apabila pembeli ingin mengambil keuntungan berupa barangan dengan kadar yang termaklum maka itu adalah boleh.
3. Menjelaskan jumlah modal yang digunakan dalam kontrak *murabahah*. Terdapat beberapa ketentuan berkaitan dengan modal diantaranya modal haruslah dalam bentuk yang ditimbang, wang dan lainnya. Jika modal yang digunakan terdiri dari beberapa jenis barangan, maka tidak boleh diperjualbelikan secara *murabahah*.<sup>54</sup> Demikian juga apabila modal tidak dijelaskan secara terperinci iaitu dengan menyatakan satu harga yang dicampur dengan pelbagai biaya, maka jual beli *murabahah* dikira *fasid* kerana modal sebenar tidak diketahui.<sup>55</sup> Jika pembeli mengetahui bahawa harga belian bukanlah harga sebenarnya misalkan penjual mengatakan bahawa harga belian asal adalah sepuluh, kemudian pembeli mengetahui bahawa harga sebenarnya adalah sembilan, maka pembeli boleh memilih antara meneruskan kontrak ataupun membatalkannya.<sup>56</sup>

---

<sup>53</sup> Al-Kasani (t.t), *op.cit.*, h. 3193.

<sup>54</sup> Wahbah al-Zuhaili (2002), *op.cit.*, h. 3768.

<sup>55</sup> Syihab al-Din Ahmad Ibn Idris al-Qurafi (1994), *Al-Zakhirah* (Cet.1), j.5. Bairut: Dar al-Gharb al-Islami, h. 161.

<sup>56</sup> Syihab al-Din Ahmad Ibn Idris al-Qurafi (1994), *op.cit.*, h. 169.

4. Kontrak *murabahah* yang dimateraikan tidak terkait dengan riba atau adanya riba dalam harga seperti membeli barangan yang ditimbang dengan dengan jenis yang sama.<sup>57</sup>
5. Kontrak pertama hendaklah sah sesuai dengan rukun yang ditetapkan dalam konsep *murabahah* secara umum. Apabila kontrak jual beli pertama tidak sah maka barangan berkenaan tidak dapat dijual secara *murabahah*, seperti menjual barangan yang tidak dimiliki atau tidak dalam penguasaannya.

### 3.6.5 Konsep Modal Dalam Kontrak *Murabahah*

Pengertian modal dalam konteks kontrak *murabahah* adalah biaya yang digunakan oleh penjual untuk membeli barangan<sup>58</sup> atau kos yang dibayar oleh pembeli pada masa akad dimateraikan.<sup>59</sup> Kasani membahagikan modal dalam *murabahah* kepada dua iaitu modal asal yang digunakan untuk membeli barangan dan biaya yang dikeluarkan untuk proses pembelian barangan. Biaya proses pembelian ini meliputi segala kos yang dikeluarkan oleh penjual untuk pembelian seperti kos pengangkutan, pewarna, pemintal, pembasuh, agen, pemandu dan lainnya.<sup>60</sup>

Terdapat perbezaan pendapat dikalangan ulama fiqh berkenaan dengan modal dalam jual beli *murabahah* dan aspek-aspek yang boleh dimasukkan kedalam modal. Ulama mazhab Malikiyah<sup>61</sup> berpendapat bahawa boleh memasukkan kos-kos yang berkaitan secara langsung dengan kontrak jual beli kedalam modal *murabahah*. Demikian juga dengan biaya kos yang

---

<sup>57</sup> Wahabah al-Zuhaili (2002), *op.cit.*, h. 3769.

<sup>58</sup> *Ibid*, h. 3770.

<sup>59</sup> Al-Kasani (t.t), *op.cit.*, h. 3193.

<sup>60</sup> *Ibid*.

<sup>61</sup> Al-Dusuqi, (t.t) *op, cit.*, h.160.

tiada hubungkait secara langsung dengan kontrak berkenaan namun memberikan nilai tambah kepada barangan tersebut.

Sedangkan ulama mazhab Syafi'i<sup>62</sup> pula berpendapat bahawa tidak menjadi masalah membebankan kos-kos yang termasuk dalam kontrak jual beli *murabahah*, walau bagaimanapun ia tidak termasuk kos tenaga seperti tukang angkat, muat turun dan lain sebagainya. Begitu pula kos-kos yang tidak memberikan nilai tambah pada barangan secara signifikan tidak boleh dimasukkan kedalam modal.

Ulama mazhab Hanafi<sup>63</sup> membolehkan mengira kos-kos yang harus dikeluarkan dalam satu transaksi jual beli. Walau bagaimanapun kos-kos yang semestinya menjadi tanggungan penjual tidak dapat dimasukkan ke dalam modal.

Ulama mazhab Hambali<sup>64</sup> pula membolehkan semua kos langsung mahupun tidak langsung di masukkan kedalam modal selama kos tersebut dibayar kepada pihak ketiga dan menambah nilai barangan yang dijual.

### **3.6.6 *Murabahah* Berasaskan Konsep *Li al-amir bi al-Syira*'**

*Murabahah* adalah satu kontrak jual beli antara dua pihak keatas satu barangan dengan menjelaskan harga barangan tersebut ditambah dengan keuntungan. Ertinya barangan yang menjadi objek jual beli haruslah ada pada masa kontrak keatasnya dibuat, sama ada barangan tersebut milik kepada penjual ataupun ia hanya wakil dari individu lain dalam menjual barangan berkenaan. Namun adakalanya barangan yang minta oleh pembeli tidak wujud

---

<sup>62</sup> Muhammad al-Khatib al-Syarbini (t.t), *Mughni al-Muhtaj*, j. 2. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi h. 78.

<sup>63</sup> Al-Kasani (t.t), *op.cit.*, h. 223.

<sup>64</sup> Al-Bahuti, *Kasysyaf al-Qina' 'an Matn al-Iqna'*, Vol 3, h. 234.



dalam majlis akad, maka ia boleh membuat pesanan dengan menjelaskan ciri, kadar, dan segala aspek yang berkaitan dengan barangan kemudian meminta penjual membelinya. Dalam ekonomi semasa *murabahah* seperti ini disebut dengan istilah *bay' al-murabahah li al-'amir bi al-syira'* yang bermaksud perjanjian jual beli antara dua pihak (biasanya institusi kewangan) dengan pelanggan. Dimana pembeli meminta agar penjual membeli barangan yang dikehendaki dengan menyatakan ciri-cirinya. Penjual (bank) akan membeli barangan tersebut sebelum menjualnya semula kepada pelanggan berkenaan pada harga yang dipersetujui yang mencakupi harga asal ditambah dengan keuntungan. Bayaran akan dibuat oleh pelanggan dalam satu tempoh yang disepakati sama ada secara sekaligus atau ansuran.<sup>65</sup>

Ada yang menilai bahawa jual beli seperti ini sama dengan *bay' al-fuduli*<sup>66</sup> yang dilarang dalam Islam. Mereka berhujjah kerana penjual tidak memiliki barangan yang akan dijualnya pada masa akad pembelian dan menjual barangan yang tidak dimiliki adalah dilarang dalam Islam. Walau bagaimanapun bila diamati secara lebih mendalam terdapat perbezaan antara kedua konsep tersebut, iaitu dari aspek pesanan, dimana pihak pertama mengajukan permohonan untuk membeli barangan tertentu dengan spesifikasi tertentu dengan asas janji untuk membeli barangan berkenaan secara *murabahah*.<sup>67</sup> Ertinya kontrak jual beli tidak berlaku melainkan setelah barangan yang diinginkan oleh pemohon diperolehi. Sekiranya terdapat kerosakan atau barangan yang telah dibeli tidak sesuai dengan spesifikasi yang telah dinyatakan, pemohon boleh menolak membeli barangan tersebut. Dengan demikian maka jual beli berasaskan *murabahah li al-amir bi al-shira'* bukanlah jual beli barangan yang

---

<sup>65</sup> Ab Mumin Ab Ghani (1999), *op.cit.*, h. 414.

<sup>66</sup> *Bay' Fuduli* adalah kontrak atau akad terhadap sesuatu yang dilakukan oleh orang yang tidak memiliki hak untuk melakukannya seperti membeli atau menjual barangan untuk orang lain, atau menyewa dan disewakan untuk orang lain tanpa kebenaran dari pada pemiliknya. Ulama Hanafiyah dan Malikiyah berpendapat *bay' fuduli* adalah sah, ia bergantung kepada kebenaran orang yang pihak yang berkepentingan, bila ia menyetujui maka jual beli boleh diteruskan tapi bila dia menolak maka jual beli adalah batal. Bagi Ulama Syafi'iyah dan Hanabilah pula berpendapat bahawa *bay' fuduly* adalah batal secara asasnya, oleh itu ia tidak sah dan ia tiada bergantung dengan kebenaran pihak yang berakad; Wahabah al-Zuhaili (2002), *op.cit.*, h. 3342.

<sup>67</sup> Abd al-Sami' al-Misri (1988), *op.cit.*, h. 77; Wahbah al-Zuhaili (2002), *op.cit.*, h. 3776.

tidak dimiliki. Jual beli berasaskan pesanan akan menyebabkan kedua belah pihak yang berkontrak terikat dalam satu janji beli, dimana pihak pemesan berkewajiban untuk membeli barangan yang telah dipesan, ini bertujuan untuk memelihara kemaslahatan kedua belah pihak.<sup>68</sup>

### 3.6.7 Konsep *Murabahah* Dalam Perbankan Islam

Pada dasarnya perbankan bukanlah satu institusi yang bergerak dalam bidang jual beli, karena bank tidak memiliki barangan sebagaimana halnya bidang-bidang perniagaan. Namun perbankan dapat menjadi agen dalam pembelian barangan yang dikendaki oleh pelanggan khususnya barangan-barangan dalam jumlah besar. Dalam hal ini instrumen *murabahah* merupakan konsep yang sesuai, terutama untuk pembiayaan jangka pendek.<sup>69</sup> Penggunaan konsep ini dikira lebih tepat selain mudah di aplikasikan dalam pembagai bentuk pembiayaan, ia juga memenuhi pelbagai kriteria yang ditetapkan syara'.<sup>70</sup>

Dalam bank Islam konsep *murabahah* menggunakan kaedah *murabahah li al-amr bi al-shira'*, yang bermaksud membeli barangan bagi pihak yang membuat pesanan. Mekanisme konsep ini dapat digambarkan dimana pelanggan yang berkepentingan terlebih dahulu membuat satu permohonan untuk memperolehi barang dalam bentuk kredit dari pada bank,<sup>71</sup>

---

<sup>68</sup> *Ibid.*, h. 3778.

<sup>69</sup> Mei Pheng *et al.* (2007), "Islamic Financial Markets", *Islamic Banking and Finance Law*. Selangor: Pearson Longman, h. 155.

<sup>70</sup> Mei Pheng menjelaskan beberapa aspek penting yang mengharuskan konsep *murabahah* digunapakai sebagai mekanisme jual beli dalam bank Islam diantaranya: 1. Penjual (bank) hanya sebagai wakil yang ditunjuk oleh pelanggan sebelum membeli barangan. 2. Jika pelanggan telah membuat kontrak pembelian, maka wakil haruslah memastikan barangan tidak mengandungi kecacatan, jika terdapat kecacatan pelanggan mempunyai dua pilihan, menolak atau membeli. 3. Jika barangan telah dibeli sesuai dengan kondisi, maka penjual tidak bertanggung jawab terhadap sebarang kerusakan yang berlaku sesudahnya. 4. Penjual bertanggung jawab sehinggalah pembelian selesai. 5. Bank Islam berkewajiban menanggung semua kos serta perbelanjaan lainnya yang meliputi harga barang. *Ibid.*

<sup>71</sup> Muhammad Ayub (2007), *Understanding Islamic Finance*. England: John Wiley, Ltd, h. 213.


kemudian bank akan membeli barangan tersebut berdasarkan spesifikasi yang telah dijelaskan semasa akad dibuat.

Pengamalan jual beli berasaskan kosep *murabahah* sebenarnya merupakan alternatif kepada pinjaman, kerana bank Islam tidak dapat mengamalkannya kerana akan melibatkan bank Islam dengan amalan riba. Sebagai pengganti perbankan Islam memperkenalkan konsep pembiayaan pembelian barangan berasaskan konsep *murabahah*. Secara umum peringkat pembiayaan *murabahah* dapat digambarkan sebagai berikut:

1. Pelanggan membuat permohonan pembiayaan dari pada bank untuk membeli barangan tertentu dan menjelaskan ciri-ciri barangan berkenaan.
2. Bank akan mengkaji permohonan tersebut dan mendapatkan maklumat berkaitan dengan harga barangan sebelum memaklumpkannya kepada pelanggan, bila pelanggan bersetuju dengan harga yang meliputi harga asal dan keuntungan bank dari pada proses penjualan tersebut, maka bank akan membeli barangan berkenaan.
3. Pelanggan akan membuat pembayaran sesuai dengan kemampuan dan keadaan kewangan. Apabila pelanggan membayar sekaligus maka ia dapat melakukannya secara langsung, namun bila pelanggan memilih pembayaran secara ansuran maka bank akan meminta kesepakatan dari pihak pelanggan untuk menentukan tempoh bayaran serta kadar bayaran bulanan.

Rajah 1 menggambarkan satu proses pembiayaan *murabahah* yang berlaku dalam bank Islam di Indonesia.

Rajah 1. Proses Pembiayaan murabahah.



Sumber: Adiwarman Karim

Keterangan:

- 1a. Supplier menjual secara tunai
- 1b. Bank membeli secara tunai
- 2a. Bank menjual secara tunai
- 2b. Pelanggan membeli secara asuran

### 3.6.8 Produk-Produk Pembiayaan Berasaskan *Murabahah* Dalam Bank Islam

Sebagai satu instrumen yang berasaskan kepada prinsip jual beli, *murabahah* digunakan untuk pelbagai produk pembiayaan. Secara umum pembiayaan-pembiayaan berasaskan *murabahah* dapat dibahagikan kepada dua iaitu pembiayaan produktif dan pembiayaan penggunaan. Pembiayaan produktif bermaksud pembiayaan-pembiayaan untuk keperluan usaha dan meningkatkan pengeluaran sama ada dari aspek kualiti mahupun kuantiti. Sedangkan pembiayaan penggunaan pula bermaksud pembiayaan-pembiayaan yang digunakan untuk memenuhi keperluan penggunaan yang akan habis apabila digunakan.

Dalam bidang pembiayaan pengeluaran perbankan syari'ah menawarkan kemudahan pembiayaan untuk membeli barangan industri seperti persediaan barangan sama ada dalam bentuk barangan asas, barangan dalam proses mahupun untuk pembelian barangan jadi. Selain itu bank syaria'h juga menawarkan pembiayaan pembelian peralatan usaha, seperti mesin, alat ganti, dan pelbagai peralatan lainnya<sup>72</sup>.

<sup>72</sup> Adi Warman Karim (2004), op.cit., h. 224.

Untuk pembiayaan keperluan penggunaan pula bank syariah memberikan pelbagai pembiayaan yang bersifat penggunaan seperti pembelian kereta, motorsikal, rumah dan lain sebagainya.

### **3.6.9 Surat Kredit**

Surat kredit adalah surat yang dikeluarkan oleh pihak bank untuk kegunaan pembelian suatu barangan terutama dalam jumlah besar. Biasanya surat ini diperlukan untuk perdagangan antara kota, pulau ataupun antara negara.<sup>73</sup> Pelanggan bank Islam lebih dahulu memaklum kepada pihak bank tentang jenis dan sifat-sifat barang yang hendak di import atau dibeli serta syarat-syarat pengeluaran surat kredit. Pelanggan merundingkan dengan bank supaya bank bersetuju membeli barangan tersebut dan kemudian menjualkan barangan itu kepadanya berlandaskan hukum jual beli dengan tambah keuntungan. Bank seterusnya mengeluarkan surat kredit berkenaan. Apabila menerima dokumen-dokumen atau maklumat melalui telex mengenai perundingan surat kredit berkenaan, bank menjelaskan bayaran dengan menggunakan wangnya sendiri. Bank kemudian menjual barangan tersebut kepada pelanggan berlandaskan hukum jualan dengan tambahan untung. Bank mengenakan komisen keatas pelanggan berlandaskan hukum upahan dan perbelanjaan mengurus yang berkaitan dengan kemudahan dan khidmat surat kredit.<sup>74</sup>

### **3.6.10 Kaedah Pembayaran Dalam Jual Beli *Murabahah***

Pembayaran *murabahah* dapat dilakukan secara tunai ataupun secara ansuran.<sup>75</sup> Ia merujuk pada kesepakatan dan keadaan kewangan pelanggan. Bagi pelanggan yang

---

<sup>73</sup> Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *op.cit.*, h. 166; Joni Tamkin Borhan (2001), *op.cit.*, h. 160.

<sup>74</sup> Joni Tamkin Borhan (2001), *op.cit.*, h. 161.

<sup>75</sup> Adiwarmar Karim (2004), *op.cit.*, h. 105.

mempunyai kewangan yang cukup, ia dapat menjelaskan bayaran secara tunai. Namun bila pelanggan memerlukan kaedah pembayaran bertanggung, maka bank akan mengambil kesepakatan mengenai tempoh dan jumlah bayaran.

Secara asas penangguhan bayaran adalah dilarang oleh Islam sekiranya pembayaran boleh dibuat sekaligus, kerana menangguhkan pembayaran hutang dianggap sebagai tindakan yang zalim.<sup>76</sup> Walau bagaimanapun amalan yang secara umum digunakan pakai dalam bank Islam adalah kaedah pembayaran bertanggung dalam bentuk ansuran bulanan dan lainnya.<sup>77</sup> Kaedah ini dinilai lebih mudah dan efisien untuk menarik minat pelanggan berurusan dengan bank Islam disamping memberikan keringanan kepada pelanggan. Walau bagaimanapun bank akan menambah keuntungan menerusi harga tambahan sesuai dengan tempoh yang diambil oleh pelanggan dalam menjelaskan bayaran.

Namun bank Islam juga akan memberikan insentif dalam bentuk pengurangan harga apabila pelanggan menyegerakan pembayaran ansuran tiap-tiap bulan sesuai dengan waktu yang telah ditentukan, selain itu bank juga menawarkan potongan harga bagi pelanggan yang dapat melunasi hutang *murabahah* sebelum tempoh matang.

### **3.6.11 Jaminan Dalam *Murabahah***

Secara umum jaminan bukanlah syarat kesahihan kontrak *murabahah*. Demikian juga halnya dalam *murabahah li al-amir bi al-syira'*. Walau bagaimanapun jaminan adakalanya diperlukan untuk memberikan keyakinan kepada pihak bank. Jaminan ini dimaksudkan untuk menjaga agar pihak yang berpesan tidak bermain-main dengan pesanannya sehingga dapat

---

<sup>76</sup> Penangguhan bayaran dapat dikatakan sebagai zalim berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w. "Yang melalaikan bayaran utang (padahal ia mampu); Al-Imam Abu Zakariyya Yahya Bin Syarf al-Nawawi (t.t), *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, j. 9,10. Maktabah al-'Ilm, h. 205.

<sup>77</sup> 'Abd al-Sami' al-Misri (1988), *op.cit.*, h. 77.

mengakibatkan kerugian kepada penjual.<sup>78</sup> Kerana walaupun *murabahah* dikategorikan sebagai kontrak jual beli dengan pulangan yang pasti, namun ia juga mengandungi pelbagai risiko diantaranya:

1. Kelalaian pelanggan yang disengaja tidak membayar ansuran
2. Perubahan harga perbandingan, ini berlaku bila satu barang dipasaran naik setelah bank membelikannya untuk pelanggan.
3. Penolakan pelanggan untuk membeli barangan yang telah dibeli oleh bank yang disebabkan oleh kerusakan yang berlaku keatas barang.
4. Perpindahan hak milik pada barangan; ini kerana *murabahah* bersifat jual beli dengan hutang, maka ketika kontrak ditandatangani, barang berkenaan akan menjadi milik pelanggan. Pelanggan boleh sahaja melakukan apa-apa perkara keatas barangan tersebut termasuk menjualnya.<sup>79</sup>

Oleh yang demikian bank memerlukan satu pengikat janji agar pelanggan tidak mengingkari janji beli yang boleh mengakibatkan kerugian di pihak bank. Jaminan ini boleh sahaja dalam bentuk surat berharga, rumah, kenderaan dan lain sebagainya.

### **3.6.12 Penentuan Keuntungan Pembiayaan Murabahah**

Pulangan Pembiayaan adalah pulangan yang akan diperolehi oleh bank dari pada pembiayaan atau jumlah keuntungan yang diambil oleh bank dalam satu transaksi sama ada dalam bentuk pembiayaan yang bersifat pelaburan mahupun dalam kontrak-kontrak pertukaran. Dalam penentuan tingkat keuntungan pada kontrak yang bersifat pelaburan beberapa aspek yang turut diambil kira seperti tingkat keuntungan purata pada industri sejenis, pertumbuhan ekonomi dan lainnya. Berbeza dengan kontrak-kontrak kontrak jual beli

---

<sup>78</sup> Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *op.cit.*, h. 105.

<sup>79</sup> *Ibid.*, h. 106.

mempunyai kaedah penentuan keuntungan yang lebih mudah dan sederhana, ini kerana keuntungan dari pada kontrak tersebut sudah dapat ditentukan sejak awal lagi. Penentuan jumlah keuntungan daripada instrumen-instrumen berkenaan dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti tingkat keuntungan untuk setiap kali transaksi, besarnya transaksi dalam satu period serta tingkat harga pasaran.<sup>80</sup>

Selain itu penentuan tingkat keuntungan juga dipengaruhi oleh kaedah bayaran balik satu pembiayaan, apabila pembayaran balik dilakukan secara tunai (*naqdan*), maka kadar keuntungan dikira berasaskan peratusan, misalnya dalam satu pembiayaan bank syari'ah mengambil keuntungan sebanyak 10 peratus, maka untuk penjualan satu unit mesin pengeluaran dengan harga RM 10.000,00.- bank dapat menjualnya RM 11,000.00.-. Artinya bank akan mendapatkan keuntungan sebanyak RM 1.000,00.- dari satu penjualan.

Namun apabila pembayaran balik dibuat secara ansuran dalam tempoh tertentu, maka bank akan mengambil kira pelbagai kemungkinan, diantaranya bank akan menambah jumlah keuntungan untuk menghindari berlakunya kerugian, kerana dengan pembayaran dengan tempoh yang lebih lama akan menyebabkan bank kehilangan peluang untuk melakukan transaksi yang sama dalam tempoh tersebut.

Penentuan keuntungan ini dapat digambarkan apabila satu syarikat pengeluaran barangan berasaskan kayu mengajukan permohonan pembelian satu unit alat pemotong dengan harga RM 10.000,00.- dengan kaedah pembayaran secara ansuran selama 6 bulan. Jika bank menjual barangan tersebut dengan margin 10% maka bank akan kehilangan peluang untuk menjual barangan sama selama tempoh pembayaran balik. Untuk mengganti peluang yang hilang tersebut maka bank dapat menjualnya dengan harga RM 16.000,00.- dengan

---

<sup>80</sup> *Ibid.*, h. 354.



margin keuntungan sebanyak 60% yang bererti sama dengan 10 % di kali dengan enam kali transaksi.<sup>81</sup>

### 3.7 Kesimpulan

Dari penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa perbankan Islam merupakan satu institusi alternatif yang boleh memainkan peranan besar dalam menggerakkan sektor produktif terutama melalui kaedah pembiayaan-pembiayaan yang berasaskan *murabahah*. Pembiayaan ini memiliki kelebihan dalam kesesuaiannya dengan ekonomi semasa bagi mendapatkan pembiayaan-pembiayaan untuk keperluan usaha.

Kaedah jual beli *murabahah* boleh memberikan kemudahan kepada para-para pengguna terutama sekali usahawan yang berkehendak kepada barangan, peralatan, inventori, persediaan barangan asas. Bank sebagai sebuah institusi kewangan yang memiliki cukup modal akan bertindak membekalkan barangan-barangan yang diperlukan dengan membelinya terlebih dahulu, kemudiannya menjualnya kepada pelanggan dengan harga yang dipersetujui dengan cara pembayaran mengikut kemampuan pelanggan. Ini cukup memudahkan para pelanggan yang adakalanya tidak memiliki modal yang cukup untuk membeli barangan keperluan pada masa tertentu.

---

<sup>81</sup> Adiwarman Karim (2004), *op.cit.*, h. 354.

## BAB IV

### IKS DAN INSTRUMEN PEMBIAYAAN MURABAHAH DALAM BANK ISLAM DI RIAU

#### 4.1 Pengenalan

Penubuhan cawangan bank-bank Islam di pelbagai negeri merupakan satu strategi untuk mengembangkan perbankan Islam di seluruh Indonesia, menerusi kaedah ini diharapkan sosialisasi sistem kewangan Islam kepada masyarakat luas lebih berkesan selain mempermudah akses para pelanggan terhadap bank Islam terutama di wilayah-wilayah majoriti masyarakat beragama Islam.

Di Riau, penubuhan bank Islam selain didorong oleh perkara-perkara tersebut ia juga disebabkan oleh faktor lain seperti agama dan perkembangan ekonomi masyarakat Riau yang cukup tinggi. Perbankan Islam sebagai institusi kewangan yang selari dengan nilai-nilai syara' dilihat dapat memainkan peranan lebih besar kepada masyarakat sesuai dengan keperluan ekonomi semasa.

*Murabahah* merupakan salah satu bentuk instrumen pembiayaan perdagangan yang diamalkan secara umum oleh bank-bank Islam pada masa ini termasuk dalam bank-bank Islam di Riau khasnya kota Pekanbaru. Produk-produk berasaskan *murabahah* digunakan untuk memenuhi keperluan pelanggan terhadap pelbagai pembiayaan seperti pembiayaan modal, pembiayaan pembelian barangan asas industri, pembiayaan pembelian rumah, peralatan, alat ganti bagi keperluan industri. Disamping itu perbankan Islam menerusi instrumen *murabahah* juga memberikan peruntukan yang cukup besar bagi para pelanggan yang menghendaki pembiayaan penggunaan.

Bab ini akan membincangkan mengenai pelaksanaan instrument *murabahah* dalam bank-bank Islam cawangan Pekanbaru khususnya dalam aspek pembiayaan-pembiayaan dalam sektor industri kecil dan sederhana.

## 4.2 Struktur Perekonomian Riau

Riau merupakan daerah outonomi<sup>1</sup> yang memiliki sumber dan potensi ekonomi yang sangat besar, selain hasil alam dalam bentuk barangan perlombongan seperti minyak bumi, logam dan timah, Riau juga memiliki aset berupa tanah pertanian dan hutan yang cukup luas serta pelbagai macam kemudahan awam. Berdasarkan data dari Kanwil<sup>2</sup> Badan Pertahanan Nasional Propinsi Riau, Riau memiliki area seluas 8,915,015.09 hektar dengan jumlah penduduk berdasarkan SUSENAS<sup>3</sup> tahun 2006 seramai 4,764,205 orang. Adapun Kabupaten<sup>4</sup> atau kota yang memiliki penduduk yang paling padat adalah Kota Pekanbaru dengan jumlah penduduk seramai 754,448 orang.

Sebahagian besar masyarakat Riau masih bekerja dalam bidang pertanian dan perkebunan, kerana Riau memiliki tanah pertanian dan perkebunan yang cukup luas. Sektor ini melibatkan ramai pekerja mengatasi sektor ekonomi lainnya. Pada tahun 2006 misalnya terdapat sebanyak 52.93 peratus pekerja yang bekerja dalam bidang pertanian dan perkebunan. Manakala bakinya bekerja disektor industri seperti perdagangan, rumah makan,

---

<sup>1</sup> Otonomi daerah bermaksud satu pendekatan pembangunan yang memberikan sebahagian hak untuk mengambil keputusan yang sebelumnya dilakukan oleh pemertintah pusat. Menerusi sistem ini sebahagian besar keputusan dan polisi yang berada di daerah dapat diputuskan tanpa campur tangan dari pemerintah pusat. Definisi Atau Pengertian Sentralisasi dan Desentralisasi-Ilmu Ekonomi Manajemen; <http://organisasi.org/definisi-pengertian-sentralisasi-dan-desentralisasi-ilmu-ekonomi-manajemen>. dirujuk pada 21 May 2009.

<sup>2</sup> Kanwil adalah singkatan dari pada Kantor Wilayah. Dalam bahasa Melayu disebut juga dengan jabatan pertahanan nasional negeri.

<sup>3</sup> Susenas adalah singkatan dari pada Sensus Nasional, dalam bahasa melayu disebut juga dengan banci.

<sup>4</sup> Kabupaten sama dengan bahagian negeri.

dan perhotelan serta perkhidmatan yang masing-masing menyerap sebanyak 13.98 peratus dan 10.40 peratus dari pada keseluruhan tenaga kerja.<sup>5</sup>

Penerapan otonomi dilihat dapat merangsang pertumbuhan ekonomi daerah yang selama ini terhambat karena sistem sentralisasi<sup>6</sup>. Menerusi kaedah ini daerah boleh memanfaatkan secara maksimum hasil bumi sendiri untuk membangun dalam pelbagai aspek. Dalam konteks pembangunan industri pula otonomi dapat mengurangkan konsentrasi industri di beberapa tempat di Indonesia yang adakalanya menimbulkan kesan yang kurang baik seperti penggunaan sumber daya yang kurang berkesan dan menurunnya kesejahteraan masyarakat.<sup>7</sup>

Kebelakangan Riau telah berjaya meningkatkan tahap ekonominya, diantaranya dengan pertumbuhan purata ekonomi mencapai paras 4.6 peratus pada tiap-tiap tahun.<sup>8</sup> Tahun 1998 pertumbuhan ekonomi masih negatif kepada -1.81 peratus tanpa minyak dan gas, namun pada tahun 2002 pertumbuhan ekonomi Riau mampu mencapai paras 5.59 peratus. Sedangkan perkiraan dengan mencampurkan sektor ekonomi utama iaitu minyak dan gas pada tahun yang sama adalah -3.86 peratus dan 4.40 peratus<sup>9</sup>.

Secara umum pendapatan terbesar ekonomi Riau disumbangkan oleh sektor perlombongan seperti minyak bumi, timah, logam, gas asli dan lainnya. Sektor ini telah mengatasi peranan sektor pertanian yang satu masa dulu menjadi tulang belakang perekonomian daerah seperti yang dapat dilihat dalam jadual 4.1.

---

<sup>5</sup> Laman web Badan Pusat Statistik Pekanbaru; <http://riau.bps.go.id/publikasi-online/riau-dalam-angka/bab-I-keadaan-geografis.htm/>. dirujuk 16 July 2008.

<sup>6</sup> Sentralisasi bermaksud memusatkan seluruh tanggung jawab kepada sebahagian kecil pengurus atau yang berada pada bahagian atas suatu organisasi, [http://organisasi.org/\\_pengertian\\_sentralisasi\\_dan\\_desentralisasi\\_ilmu\\_ekonomi\\_manajemen](http://organisasi.org/_pengertian_sentralisasi_dan_desentralisasi_ilmu_ekonomi_manajemen). Dirujuk pada 21 May 2009.

<sup>7</sup> Nuriman Hasibuan, *op.cit*, hal. 43.

<sup>8</sup> <http://riau.bps.go.id>, *op.cit*. di rujuk pada 16 July 2008.

<sup>9</sup> <http://riau.bps.go.id>. dirujuk pada 1 July 2008.

Jadual 4.1 di bawah menunjukkan peranan sektor-sektor ekonomi di Riau dengan sektor perlombongan masih menjadi penyumbang terbesar dalam KDNK Riau. Pada tahun 2001 pendapatan daerah dari sektor berkenaan sebanyak Rp 45,789,086.04 juta dari jumlah seluruh pendapatan daerah. Kemudian jumlah tersebut meningkat menjadi Rp 47,475,704.94 juta pada tahun 2004. Sehingga tahun 2006 sumbangan sektor pertambangan terus meningkat kepada Rp 70,427,525.42 juta. Pada masa yang sama sektor pertanian juga mengalami peningkatan sebesar Rp 12,172,348.53 juta pada tahun 2001 dan sehingga tahun 2006 sektor ini telah berjaya meningkatkan peranan terhadap jumlah KDNK sebesar Rp 36,294,175.88 juta seperti yang terdapat dalam jadual 4.1.

Dari pada jadual tersebut juga dapat dilihat peningkatan dalam sektor industri, walaupun jumlah purata pertumbuhannya masih berada dibawah purata pertumbuhan sektor pertanian, namun jumlah pendapatan daerah dari sektor berkenaan terus meningkat. Tahun 2001 sektor industri telah menyumbang kepada KDNK Riau sebanyak Rp 11,155,645.69, juta, kemudian bertambah menjadi Rp 14,789,443.25 juta pada tahun 2002. Peningkatan tertinggi dapat dilihat bermula pada tahun 2004 dengan Rp 23,793,107.99 juta dan naik menjadi Rp 27,881,009,28 juta pada tahun 2005. Sehingga tahun 2006 sektor industri telah menyumbangkan dalam KDNK sebanyak Rp 32,313,284.03 juta. Selain sektor utama tersebut sektor lain seperti elektrik, gas, air bersih, pembinaan, perdagangan, hotel, restoran, pengangkutan dan komunikasi juga mengalami pertumbuhan yang memberangsangkan.

Jadual 4.1: Keluaran Dalam Negeri Menurut Bidang Usaha Termasuk Minyak dan Gas 2001-2006

Lapangan Usaha	2001	2002	2003	2004	2005	2006
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
1. Pertanian, peternakan, kehutanan, dan perikanan	12,172,384.71	14,858,888.71	19,431,336.85	23,656,421.85	30,171,587.33	36,294,175.88
2. Pertambangan dan penggalan	45,789,086.04	43,866,874.61	43,585,096.83	47,475,704.94	57,927,709.65	70,427,525.42
3. Industri pengolahan	11,155,645.69	14,789,443.25	18,671,313.02	23,793,107.99	27,881,009.28	32,313,284.03
4. Elektrik, gas dan air	142,784.97	175,331.18	235,816.77	264,640.00	303,326.53	339,751.00
5. Bangunan	1,750,804.11	2,295,873.00	2,771,513.80	3,150,746.99	3,467,556.82	4,258,801.15
6. Perdagangan, hotel dan restoran	4,248,543.41	4,795,136.02	5,782,993.53	7,403,066.08	9,124,858.24	11,179,723.48
7. Pengangkutan dan komunikasi	1,367,402.53	1,633,554.26	1,913,878.27	2,296,934.94	2,694,577.78	3,216,185.09
8. Kewangan, persewaan dan jasa perusahaan	659,503.94	1,010,157.52	1,364,962.03	1,982,730.36	2,569,166.68	3,134,172.22
9. Jasa-jasa	2,692,960.54	3,143,623.37	3,518,367.64	4,223,020.84	4,879,203.84	5,904,570.60
<b>Jumlah</b>	<b>79,979,079.76</b>	<b>86,568,881.93</b>	<b>97,275,277.80</b>	<b>114,246,373.66</b>	<b>139,018,996.15</b>	<b>167,068,188.88</b>

Sumber: Badan Pusat Statistik (BPS) Kota Pekanbaru

### 4.3 Industri Kecil dan Sederhana di Kota Pekanbaru

Perkembangan ekonomi kota Pekanbaru telah menarik ramai usahawan menjalankan aktiviti perniagaan di kota ini, pengangkutan yang mudah serta kedudukan kota Pekanbaru dilaluan Sumatra menjadikannya lebih strategik untuk mengembangkan pelbagai jenis perniagaan. Keadaan ini telah mengakibatkan lambakan industri-industri skala kecil di seluruh kota Pekanbaru, bahkan perkembangan tersebut di luar kawalan kerana kebanyakan dari pada usaha-usaha berkenaan tidak terdaftar di Dinas Perindustrian dan Perdagangan. Sehingga ada kesan industri-industri kecil berkenaan berkembang secara sendiri.

Lambakan industri-industri berskala kecil di Kota Pekanbaru disebabkan oleh pelbagai faktor, diantaranya kelonggaran yang diberikan oleh pihak kerajaan negeri dalam hal penubuhan industri-industri skala kecil. Wakil ketua Komisi<sup>10</sup> II DPRD<sup>11</sup> Kota Pekanbaru H. Haris Jumadi mengakui kewujudan usah-usaha skala kecil secara tidak terkawal, sehingga pada masa ini bilangan industri kecil di Kota Pekanbaru tidak dapat diketahui secara pasti, kerana Dinas Perindustrian dan Perdagangan kota Pekanbaru tidak mempunyai data lengkap industri-industri berkenaan.<sup>12</sup>

Bila diamati secara umum, industri kecil dan sederhana di Kota Pekanbaru menerokai hampir semua bidang sektor industri sama ada industri-industri asas tani seperti industri pemprosesan makanan hasil pertanian, perikanan, perkebunan, mahupun industri-industri berasaskan kimia dan logam. Dinas Perindustri dan Perdagangan telah membahagikan industri kecil tersebut menurut jenisnya kepada Industri Kimia Agro Hasil Hutan (IKAHH) dan Industri Logam Mesin Elektronik dan Aneka (ILMEA). Pembahagian ini bertujuan untuk memudahkan pendataan menurut bidang usaha industri, walaupun sehingga kini data-data secara menyeluruh masih sukar untuk didapati<sup>13</sup>.

Industri Kimia Agro Hasil Hutan (IKAHH) merupakan industri yang mengeluarkan pelbagai barangan rumah tangga, dan penggunaan yang bersumber dari pada pengolahan hasil hutan seperti kerusi rotan, meja, bag tangan, tikar dan pelbagai peralatan berasaskan kayu. Industri jenis ini mengalami perkembangan yang cukup pesat, disebabkan barangan asas industri berkenaan lebih mudah diperolehi, kerana Riau masih merupakan negeri dengan pengeluaran hasil hutan yang cukup besar. Data Dinas Perindustrian dan Perdagangan Kota

---

<sup>10</sup> Komisi sama dengan Suruhan Jaya dalam bahasa Melayu

<sup>11</sup> DPRD Singkatan dari Dewan Perwakilan Rakyat Daerah.

<sup>12</sup> Dilaporkan surat kabar Riaupos, [www.riapos.com](http://www.riapos.com), dirujuk pada 7 April 2008.

<sup>13</sup> Temu bual dengan Cik Erda Yanti, Pegawai bahagian industri Kantor Dinas Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru pada 23 Juni 2008 di pejabat Dinas Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru.

Pekanbaru menjelaskan bahawa jumlah Industri Kimia Agro Hasil Hutan terus mengalami peningkatan dari tahun ketahun. Tahun 2004 misalnya terdapat sebanyak 1,282 unit syarikat Industri Kimia Agro Hasil Hutang diseluruh kota Pekanbaru, kemudian meningkat menjadi 1317 unit pada tahun 2005. Jumlah tersebut terus bertambah sehingga mencapai 1,383 unit pada tahun 2006 dan 1456 unit pada tahun 2007<sup>14</sup>.

Industri Loga Mesin Elektronik dan Aneka pula merupakan industri-industri yang bergerak dalam bidang pengeluaran barangan-barangan penggunaan berasaskan logam seperti industri pengeluaran peralatan pertanian, alat-alat dapur berasaskan alumunium, perabut rumah tangga dari alumunium, mesin pengolahan, pelbagai macam peralatan dari zing dan lain sebagainya<sup>15</sup>.

Industri-industri Logam Mesin Elektronik dan Aneka juga mengalami pertumbuhan yang cukup memberangsangkan bahkan pada masa ini industri ILMEA merupakan sektor industri kecil utama yang paling banyak memberikan sumbangan sama ada dalam aspek nilai tambah mahupun peluang pekerjaan. Tahun 2004, Industri Logam Mesin Elektronik dan Aneka tercatat sebanyak 1.901 unit, jumlah ini kemudian meningkat menjadi 1.926 unit pada tahun 2005. Tahun 2006 merekodkan perkembangan tertinggi ILMEA iaitu bertambah sebanyak 68 unit menjadikan jumlah industri kecil di sektor berkenaan sebanyak 1.994 unit, dan sehingga tahun 2007 jumlah industri ini mencapai 2.055 unit. Ertinya secara keseluruhan jumlah industri kecil dan sederhana di Kota pekanbaru sehingga tahun 2007 sebanyak 3511 unit sebagai yang dapat dilihat dari jadual dibawah.

---

<sup>14</sup> Laporan Tahunan Dinas Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru 2001-2007.

<sup>15</sup> Dinas Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru.



Jadual 4.2: Perkembangan Unit Usaha Kecil tahun 2004-2007

No	Jenis Industri Kecil	Tahun			
		2004	2005	2006	2007
1	Industri Kimia Agro Hasil Hutan (IKAHH)	1,282	1,317	1,383	1,456
2	Industri Logam Mesin Elektronik dan Aneka (ILMEA)	1,901	1,926	1,994	2,055
	Jumlah	3,183	3,243	3,377	3,511

Sumber: Dinas Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru. 2007.

Data diatas sudah cukup untuk membuktikan pentingnya sektor IKS karena bilangannya yang cukup banyak, jumlah tersebut belum lagi termasuk syarikat-syarikat IKS yang tidak terdaftar di Dinas Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru yang jumlahnya dikatakan jauh lebih besar. Maka adalah wajar apabila ia menjadi tumpuan para pencari kerja yang bertambah setiap tahun. Dari seluruh jumlah pekerja sebahagian besar dari padanya berada dalam sektor industri kecil dan sederhana. Ini karena sektor IKS memberikan peluang yang lebih luas disamping prasyarat yang lebih mudah berbanding industri besar. Jadual 4.3 di bawah memperlihatkan jumlah pekerja yang bekerja disektor industri kecil dan sederhana berdasarkan jenis industri terus mengalami peningkatan. Dari kedua jenis industri tersebut Industri Logam Mesin Elektronik dan Aneka (ILMEA) merupakan industri yang paling banyak menyerap tenaga kerja dengan jumlah pekerja sebanyak 14,174 pada tahun 2004 dan 14,204 pada tahun 2004, kemudian jumlah ini meningkat pada tahun 2006 kepada 14,547 dan 14,865 sebagaimana yang terdapat dalam jadual 4.3 dibawah.

Jadual 4.3: Penyerapan Tenaga Kerja Dalam Sektor Industri tahun 2004-2007

No	Jenis Industri Kecil	Tahun			
		2004	2005	2006	2007
1	Industri Kimia Agro Hasil Hutan (IKAHH)	12,070	12,280	12, 619	12, 955
2	Industri Logam Mesin Elektronik dan Aneka (ILMEA)	14,174	14,204	14,547	14, 865
	Jumlah	26,244	26,484	27,166	27,820

Sumber: Dinas Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru. 2007.

Dari segi nilai tambah pula sektor ini sememangnya memberikan nilai tambah yang cukup besar kepada pendapatan daerah, bahkan pada masa ini peranan yang diberikan oleh sektor industri kecil mengatasi industri besar dan sederhana. Jumlah nilai investasi industri kecil terus mengalami peningkatan sejak tahun 2004, terutama sektor Industri Logam Mesin Elektronik dan Aneka sebagaimana yang terdapat dalam jadual 4.4.

Jadual 4.4: Nilai investasi Industri Kecil dalam Rupiah tahun 2004-2007

No	Jenis Industri	Tahun			
		2004	2005	2006	2007
1	IKAHH	130.388.647.000	132.488.000.000.	138.602.500.000	142.744.500.000
2	ILMEA	166.700.152.000	168.200.000.000.	172.422.500.000	175.791.500.000
	Jumlah	297.088.799.000	300.688.000.000	311.025.000.000	318.536.000.000

Sumber: Dinas Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru. 2007.

Dari jadual 4.4 diatas dapat dilihat bahawa nilai pelaburan Industri Logam Mesin Elektronik dan Aneka terus meningkat dari pada Rp 166,700,152,000 pada tahun 2004 menjadi Rp 168,200,000,000, pada tahun 2005. Sehingga tahun 2007 nilai investasi sektor ILMEA mencecah Rp 175,791,500.

#### 4.4 Profil Industri-industri Kecil dan Sederhana di Kota Pekanbaru

Seperti yang telah dijelaskan bahwa industri kecil dan sederhana di kota Pekanbaru dapat dikategorikan kepada dua kategori yaitu industri berdasarkan hasil pertanian dan hutan yang sebut juga dengan istilah agroindustri dan industri yang berdasarkan logam. Industri kecil dan sederhana dalam jenis agroindustri tumbuh bersamaan dengan pesatnya perkembangan perekonomian kota Pekanbaru. Agroindustri merupakan usaha untuk memanfaatkan barangan-barangan primer hasil pertanian dan hutan sebagai bahan baku asas untuk diproses menjadi barangan baru<sup>16</sup>. Ruang lingkup aktiviti agroindustri tidak hanya sekadar pemrosesan sederhana pada peringkat petani, tetapi juga termasuk seluruh aktiviti seperti pemrosesan hasil pertanian setelah musim menuai sampai pada peringkat pemrosesan lanjutan seperti pembuang kulit, pembersihan, penggilingan, pembekuan dan lain sebagainya.<sup>17</sup>

Menurut Dinas Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru (2006) jenis agroindustri yang paling banyak berkembang dikota Pekanbaru adalah industri makanan dan minuman, seperti pemrosesan kacang soya, industri tahu, tempe, kerupuk dan kueh, roti tawar, tepung sagu dan lainnya. Selain industri pemrosesan berasaskan pertanian industri-industri pemrosesan hasil laut dan air tawar seperti pengeringan ikan, ikan masin, udang kering, kerupuk ikan, pengawetan ikan, sotong dan lainnya juga berkembang dengan pesat.

Walau bagaimanapun industri dalam jenis agroindustri telah diatasi oleh industri-industri logam. Industri logam merupakan industri yang mengeluarkan barangan berdasarkan logam dan bahan-bahan dari logam, seperti alat-alat pertanian, alat-alat dapur berasaskan

---

<sup>16</sup> Anggia Murni (2000), Perkembangan Agro Industri Skala Kecil di Propinsi Riau (Kertas Projek, Fakulti Pertanian, Jabatan Sosial Ekonomi Pertanian, Universitas Riau), Pekanbaru, h. 8.

<sup>17</sup> *Ibid.*

alumunium, logam siap pasang, perabot rumah tangga berasaskan alumunium, pembuatan paku dan lain sebagainya. Selain itu industri kecil dan sederhana dalam sektor jasa yang tergolong kedalam industri logam seperti industri reparasi alat pesawat eletrik, reparasi kenderaan bermotor, basikal, jam tangan, barangan perhiasan dari emas, juga mengalami perkembangan yang cukup pesat<sup>18</sup>.

#### **4.5 Masalah Pelesenan IKS di Kota Pekanbaru**

Pelesenan merupakan masalah yang berlaku secara umum pada syarikat-yarikat industri kecil dan sederhana, kebanyakan industri kecil tidak memiliki izin usaha dan tidak terdaftar di Dinas Perdagangan dan Perindustrian Kota Pekanbaru. Keadaan ini menyukarkan lagi pihak kerajaan membuat pendataan yang lengkap untuk mengentahui jumlah sebenar industri kecil dan sederhana. Selain itu kegagalan sejumlah besar syarikat industri kecil membuat pendafaran juga menyukarkan kerajaan untuk membuat program-program bantuan modal bagi usahawan sektor berkenaan.<sup>19</sup>

Bagi sesetengah usahawan IKS, keengganan membuat pendaftaran berpunca dari pada prosedur yang panjang sehingga memerlukan tempoh pengurusan yang cukup lama. Selain itu pengurusan pendaftaran yang memerlukan kos yang cukup tinggi dilihat juga sebagai salah satu punca keengganan usahawan membuat pendaftaran bagi mendapatkan izin usaha yang sah<sup>20</sup>.

---

<sup>18</sup> Jabatan Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru.

<sup>19</sup> Temu bual dengan Cik Erda Yanti, Pegawai bahagian industri Kantor Dinas Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru pada 23 Juni 2008 di Kantor Dinas Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru.

<sup>20</sup> Temu bual dengan Cik Erda Yanti, Pegawai bahagian industri Jabatan Dinas Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru pada 23 Juni 2008 di Jabatan Dinas Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru.

Kerajaan telah menawarkan satu mekanisme baru agar pengurusan pendaftaran usaha tidak memerlukan waktu yang lama serta kos yang tinggi, bahkan pada masa ini kerajaan tidak lagi mengenakan cukai kepada syarikat industri kecil dan sederhana sebagaimana yang berlaku sebelumnya. Pihak industri kecil hanya perlu membayarkan wang pengurusan semasa pendaftaran dibuat<sup>21</sup>. Walau bagaimanapun menurut pihak Dinas Perindustri dan Perdagangan Kota Pekanbaru kemudahan yang diberikan belum dapat menimbulkan kesedaran kepada para usahawan industri kecil dan sederhana mendapat izin usaha, masih ramai usahawan enggan membuat pendaftaran walaupun kerajaan telah membebaskan mereka dari pada biaya-biaya pendaftaran.<sup>22</sup>

Keadaan ini sebenarnya tidak memberikan keuntungan kepada usahawan, kerana para usahawan yang tidak memiliki izin usaha bukan sahaja sukar untuk mendapatkan bantuan modal dari pada pihak kerajaan, malahan mereka juga akan menghadapi masalah dalam membuat pinjaman bank bagi mendapatkan pembiayaan modal, kerana pihak bank meletak lesan yang masih berlaku sebagai salah satu syarat bagi mendapatkan pinjaman<sup>23</sup>.

#### **4.6 Permasalahan Umum Industri Kecil dan Sederhana di Kota Pekanbaru**

Maraknya penubuhan usaha-usaha skala kecil dikota Pekanbaru sebenarnya merupakan tanda perubahan pola peningkatan ekonomi masyarakat yang positif. Ertinya masyarakat sudah mula memiliki kesedaran dan berminat untuk menerokai bidang industri yang sememangnya memiliki pasaran yang cukup luas. Dengan pelbagai kelebihan yang

---

<sup>21</sup> Temu bual dengan Cik Erda Yanti, Pegawai bahagian industri Kantor Dinas Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru pada 23 Juni 2008 di Kantor Dinas Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru.

<sup>22</sup> Temu bual dengan Cik Erda Yanti, Pegawai bahagian industri Kantor Dinas Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru pada 23 Juni 2008 di Kantor Dinas Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru.

<sup>23</sup> Laman web Bank Muamalat Indonesia. [www.bankmuamalat.com](http://www.bankmuamalat.com) . dirujuk pada 2 Mac 2008.

dimiliki kota Pekanbaru seperti kemudahan pengangkutan sama ada darat mahupun laut menyebabkan industri-industri jenis ini lebih mudah berkembang di kota ini.

Industri kecil dan sederhana seperti telah dijelaskan merupakan usaha pengeluaran yang dapat ditubuhkan dengan modal kecil serta diurus secara sederhana. Keadaan ini mendedahkan usahawan-usahawan IKS kepada pelbagai permasalahan sama ada masalah dalaman mahupun luaran. Secara umum permasalahan yang dihadapi oleh usahawan IKS di kota Pekanbaru dapat dirincikan sebagai berikut:

#### 4.6.1 Sumber Modal Insan

Diantara permasalahan industri kecil dan sederhana di kota Pekanbaru adalah dari segi kepakaran, sama ada kepakaran dalam pengeluaran barangan berkualiti mahupun pengurusan syarikat. Industri kecil dan sederhana lebih bersifat statik dengan pengeluaran barangan-barangan yang hampir sama tanpa membuat inovasi untuk menambah kualiti barangan bagi membolehkannya bersaing dipasaran yang lebih luas. Selain itu pengurusan yang kurang teratur juga tidak memberikan kesan positif kepada syarikat seperti kelemahan dalam pengurusan kewangan, sistem penjualan, dan pengaturan dalam bidang yang bersesuaian<sup>24</sup>.

Keadaan seperti ini sebenarnya sudah dijangkakan, kerana kebanyakan dari pada usahawan tidak mendapatkan pendidikan keusahawanan secara formal, ataupun pelatihan yang mendedahkan kepada mereka aspek-aspek kepakaran dalam usaha. Umumnya usahawan menggunakan pengalaman yang mereka perolehi dari pada berniaga secara kecil-kecilan sebelum menubuhkan syarikat<sup>25</sup>.

---

<sup>24</sup> Jabatan Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru.

<sup>25</sup> Anggia Murni (2002), *op. cit.*, h. 18.

#### 4.6.2 Pasaran

Dalam konteks sebuah industri pasaran untuk menjual hasil keluaran merupakan perkara yang sangat penting, justeru bagi industri kecil pasaran amat terbatas kepada pasaran tempatan dan lokal dengan pola penjualan secara langsung kepada pelanggan yang datang ke kilang mahupun menerusi pesanan dengan sasaran pembeli adalah pembeli lokal. Walaupun terdapat sebahagian syarikat yang berusaha untuk menjual keluarannya ketempat-tempat lain namun hanya dalam jumlah yang kecil. Bagi syarikat yang bergantung kepada pasaran tempatanpun harus bersaing merebut peluang pasar dengan pebagai produk luaran yang membanjiri pasaran tempatan<sup>26</sup>.

#### 4.6.3 Teknologi

Penggunaan teknologi juga menjadi masalah industri kecil dan sederhana, kebanyakan syarikat menggunakan peralatan-peralatan tradisional dan manual atau juga dengan peralatan yang dirakit sendiri bagi memudahkan proses pengeluaran. Justeru penggunaan peralatan tradisional ini selain tidak menghasilkan barangan berkualiti ia juga tidak dapat mengeluarkan barangan dalam kuantiti besar. Peralatan moden sebenarnya wujud apabila para usahawan mahu memiliki, namun harga yang cukup tinggi menyebabkan para usahawan terpaksa mempertimbangkan lagi penggunaan teknologi dan peralatan berkenaan. Apatah lagi dengan modal yang kecil dan pendapatan yang terhad mengharuskan usahawan IKS memperhatikan asas keutamaan. Ramai yang lebih memilih menggunakan modal yang ada untuk keperluan lain seperti pembelian bahan baku berbanding membeli peralatan dan mesin pengeluaran yang harganya lebih mahal<sup>27</sup>.

---

<sup>26</sup> *Ibid.*

<sup>27</sup> *Ibid.*

#### 4.6.4 Modal

Modal adalah aset yang digunakan untuk memulai atau melanjutkan usaha sehingga aktiviti usaha dapat berjalan dengan baik, sama ada dalam bentuk wang mahupun dalam bentuk asset. Ia merupakan faktor paling penting dalam sebuah industri, kerana kelangsungan aktiviti usaha amat bergantung kepada modal yang dimiliki. Bagi sebuah usaha yang didiasaskan secara individual perkara modal selalu menjadi hambatan dalam mengembangkan usaha.

Industri-indusri kecil dan sederhana yang mendominasi sektor industri di kota Pekanbaru juga menghadapi permasalahan yang sama, bahkan menurut Dinas Perindustrian dan Perdagangan permasalahan modal menjadi masalah utama yang dihadapi oleh usahawan di Kota Pekanbaru pada masa ini. Kerajaan negeri telah berusaha memberikan bantuan modal bagi usahawan-usahawan industri kecil untuk mengeluarkan mereka dari pada permasalahan tersebut menerusi pelbagai macam program pembiayaan seperti pembiayaan dana syari'ah yang dilakukan bersama dengan Bank Perkreditan Rakyat. Walau bagaimanapun bantuan modal yang diberikan oleh kerajaan tersebut masih sangat kecil dibandingkan dengan jumlah usahawan yang memerlukan bantuan kewangan<sup>28</sup>.

Menurut Dinas Perindustrian Kota Pekanbaru terdapat tiga sumber modal yang biasa digunakan oleh industri kecil dan sederhana iaitu:<sup>29</sup>

---

<sup>28</sup> Jabatan Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru.

<sup>29</sup> Temu bual dengan Cik Erda Yanti, Pegawai bahagian industri Kantor Dinas Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru pada 23 Juni 2008 di Kantor Dinas Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru.



1. Modal individu yang diambil dari pada wang simpanan usahawan bagi memulai mahupun meneruskan usaha. Dari modal ini juga para usahawan memenuhi segala keperluan usaha agar opsional tidak terganggu.
2. Bantuan dari pada kerajaan dalam bentuk pinjaman jangka panjang tempoh bayaran balik yang lebih lama. Kebiasaannya bantuan-bantuan ini sebagai realisasi dari pada program berjangka yang dilakukan oleh kerajaan pusat mahupun negeri.
3. Pinjaman lunak dari pada bank. Iatu pinjaman jangka panjang mahupun jangka pendek dengan kadar faedah yang sama atau lebih rendah.

#### **4.5 Bank Islam dan Pelaksanaan Instrumen Murabahah di Kota Pekanbaru**

##### **4.5.1 Penubuhan Bank Islam di Kota Pekanbaru**

Secara nasional perbankan Islam di tubuhkan pada tahun 1991, kemudian berkembang dengan rancak sejak penggubalan undang-undang perbankan pada tahun 1998, kerana dengan penggubalan undang-undang itu sistem perbankan Islam sudah diakui sebagai sebuah sistem dalam kewangan Indonesia. Dinamika perkembangan perbankan Islam dapat dilihat dari pada sistem berkenaan yang kian meluas dalam institusi kewangan. Sistem perbankan Islam tidak hanya digunapakai oleh institusi kewangan yang diasas berdasarkan hukum Islam tetapi juga diamalkan bank-bank konvensional menerusi cawangan-cawangan syari'ah.

Perbankan Islam telah mengambil beberapa langkah sebagai strategi pengembangan bank Islam di Indonesia. Diantaranya menerusi penubuhan cawangan-cawangan bank Islam dipelabagai daerah. Penubuhan ini bertujuan agar masyarakat di daerah khasnya umat Islam mempunyai akses yang lebih mudah untuk mendapatkan perkhidmatan bank Islam. Selain itu

dengan penubuhan cawangan ini juga diharapkan dapat mewujudkan pasaran wang antar bank yang amat penting dalam mekanisme operasi perbankan Islam.<sup>30</sup>

Di Provinsi Riau khasnya kota Pekanbaru bank Islam ditubuhkan pada tahun 2000. Sehingga tahun 2006 sudah terdapat lima bank Islam yang terdiri dari pada dua bank umum syari'ah iaitu Bank Muamalat Indonesia dan Bank Syari'ah Mandiri, dan tiga bank yang memiliki layanan syari'ah iaitu Bank Riau Syari'ah, Bank BRI Syari'ah, Bank BNI Syari'ah<sup>31</sup>.

Penubuhan cawangan-cawangan bank Islam di Riau (Pekanbaru) didorong oleh pelbagai faktor seperti faktor agama, kerana Riau merupakan negeri yang majoriti penduduk beragama Islam<sup>32</sup>. Selain itu permintaan masyarakat Riau sendiri untuk menubuhkan cawangan bank Islam di Riau bagi memudahkan masyarakat menggunakan khidmat bank Islam juga turut menjadikan Riau sebagai pilihan. Dari segi ekonomi pula Riau merupakan sebuah negeri dengan perkembangan ekonomi yang sangat memberangsangkan<sup>33</sup>.

#### **4.7.1.(a) Bank Muamalat Indonesia (BMI)**

##### **i. Penubuhan Bank Muamalat Indonesia (BMI)**

Bank Muamalat Indonesia merupakan bank Islam pertama membuka cawangan di Provinsi Riau iaitu pada tanggal 4 May 2000 dengan pusat cawangan di kota Pekanbaru yang berada di jalan Jendral Sudirman No. 50-53, Pekanbaru. Penubuhan tersebut dirasmikan langsung oleh Gabenor Riau H. Saleh Jasid S.H pada tanggal 4 May tahun 2000, serta

---

<sup>30</sup> Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *op.cit.*, h. 229.

<sup>31</sup> Zul Azhar (2006), Bank Syari'ah Kian Meriah, *Warta Promosi Riau*. Vol 11/ Th. 1/ November 2006, h.19.

<sup>32</sup> *Ibid*, h.20.

<sup>33</sup> *Ibid*, h.21.

disaksikan oleh Timbalan Gabenor Bank Indonesia (BI) dan sejumlah pemuka masyarakat Riau<sup>34</sup>.

## **ii. Matlamat Penubuhan Bank Muamalat Indonesia Cawangan Riau (Pekanbaru)**

Sebagai cawangan kepada Bank Muamalat Indonesia pusat, maka matlamat penubuhan Bank Muamalat cawangan Pekanbaru sama dengan Bank Muamalat Indonesia Pusat iaitu:<sup>35</sup>

### a. Visi

1. Menjadi bank syari'ah utama di Indonesia
2. Dominan di pasaran nilai agama
3. Dikagumi dipasaran rasional

### b. Misi

1. Menjadi contoh tauladan institusi kewangan syari'ah dunia dengan penekanan pada semangat kewirausahawanan.
2. Keunggulan pengurusan
3. Dan orientasi investasi yang inovatif untuk memaksimumkan nilai bagi stakeholder.

## **iii. Produk-Produk BMI**

Bank Muamalat Indonesia cawangan Pekanbaru berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan untuk meningkatkan daya saing ditengah perkembangan sektor perbankan di Kota Pekanbaru, dengan memberikan perkhidmatan dan produk-produk yang kompetitif. Sebagai cawangan dari pada Bank Muamalat Indonesia pusat, produk-produk yang ditawarkan oleh Bank Muamalat Indonesia cawangan Pekanbaru merupakan produk-produk

---

<sup>34</sup> Laporan Kewangan Bank Muamalat Indonesia Cawangan Pekanbaru Tahun 2004.

<sup>35</sup> Laporan Kewangan Bank Muamalat Indonesia Tahun 2007; <http://www.muamalatbank.com>. Dirujuk pada 20 July 2008.

yang telah ditetapkan oleh Bank Muamalat Indonesia. Produk-produk tersebut secara umum dapat dibahagikan seperti berikut:

## **1. Produk Simpanan/Deposit<sup>36</sup>**

### **a. Tabungan Umat**

Tabungan Umat merupakan salah satu bentuk skim pelaburan berasaskan kepada prinsip syari'ah yang kebiasaannya dalam bentuk mata wang rupiah. Kelebihan yang dimiliki oleh produk ini pelanggan boleh menambah mahupun mengambil wang tabungan dengan cara yang sangat mudah

### **b. Tabungan Umat Junior**

Tabungan ini merupakan tabungan khusus pelajar, ia diperuntukan bagi pelajar yang cemerlang. Mereka dapat membuka tabungan khusus di Bank Muamalat untuk menjaga kepentingan pelajaran serta dapat digunakan apabila mereka hendaklah melanjutkan pembelajaran keperingkat yang lebih tinggi.

### **c. Tabungan Haji**

Tabungan Haji Arafah merupakan jenis tabungan yang tawarkan kepada pelanggan yang ingin menunaikan ibadah haji secara terancang dan bersesuaian dengan kemampuan kewangan serta masa yang diinginkan. Tabungan ini dikelola secara mudarabah, bank kemudian akan menandatangani secara langsung hasil dari pada pembiayaan ke tabungan pelanggan. Bagi produk ini pelanggan hanya diperlukan membuat deposit sebesar Rp 500,000.00.

---

<sup>36</sup> Bank Muamalat Indonesia. <http://www.muamalatbank.com>. Dirujuk pada 20 July 2008.

d. Wadi'ah

Wadi'ah simpanan murni yang boleh diambil pada bila-bila masa. Dalam Bank Muamalat ia dikenal juga dengan istilah *trustee depository*. Mengikut kaedah ini pelanggan boleh menyimpan wang kepada bank dan bank akan bertanggung jawab terhadap keselamatan wang bekernaan. Pihak bank tidak berkewajiban untuk memberikan sebarang lebihan dari pada jumlah simpanan, namun akan memberikan bonus kepada pelanggan sebagai bentuk penghargaan telah menggunakan khidmat Bank Muamalat.

e. Deposit Mudarabah

Merupakan produk pelaburan yang menawarkan kepada pelanggan kemudahan pelaburan sama ada dalam mata wang rupiah mahupun dalam mata wang asing khususnya Dolar Amerika Syarikat (USD). Tempoh simpanan ini berbagai-bagai mengikut pilihan pelanggan. Perbankan menawarkan untuk tempoh simpanan 1 bulan, 2 bulan, sehingga sampai 12 bulan. Dalam deposit mudarabah bank muamalat tetap berpegang kepada prinsip usaha halal, ia hanya dilaburkan kedalam projek-projek yang boleh secara syara'. Apabila tempoh deposit telah tamat maka pelanggan boleh sahaja memperpanjang semula sesuai dengan jangka masa yang telah ditentukan.

f. Deposit Pulinfes/Pelaburan

Produk ini secara asas sama dengan pruduk pelaburan, ia merupakan alternatif bagi pelanggan yang ingin melaburan wang secara halal sama ada dalam bentuk mata wang rupiah mahupun dolar. Deposit Fulinfes memerlukan tempoh minimum pelaburan 6 bulan. Perbezaan deposit ini dengan yang lainnya ia dilengkapi dengan insuran hayat.

g. Dana Pencen Institusi Kewangan

Pada asasnya Dana Pencen Lembaga Kewangan ini merupakan institusi yang melaksanakan program pencen, iaitu satu program yang menjanjikan sejumlah wang dengan kaedah pembayaran berperingkat yang dikaitkan dengan peringkat umur tertentu. Ia diperuntukkan bagi perorangan mahupun untuk syarikat yang memerlukan jaminan untuk para pekerja semasa aktif mahupun setelah pencen.

## 2. Produk Pembiayaan<sup>37</sup>

a. Piutang Murabahah

Murabahah adalah produk pembiayaan dengan sistem jual beli. Mekanisme pembiayaan piutang murabahah dapat digambarkan dimana bank akan membeli barangan halal apa sahaja yang dikehendaki oleh pelanggan, kemudian menjualnya semula kepada pelanggan dengan kaedah pembayaran secara ansuran mengikut kemampuan kewangan pelanggan berkenaan.

Bank Muamalat mengamalkan konsep ini bagi tujuan memenuhi keperluan modal kerja dan pelaburan pelanggan, ia dapat digunakan untuk membeli barangan-barangan modal seperti mesin, peralatan, inventori dan pembelian barangan-barangan asas industri. Selain itu jual beli murabahah juga digunakan untuk pembelian keperluan-keperluan pelanggan yang bersifat penggunaan seperti pembelian kereta, motor, rumah dan lainnya.

---

<sup>37</sup> Bank Muamalat Indonesia. <http://www.muamalatbank.com>. Dirujuk pada 20 July 2008.

b. Piutang Istisna'

Piutang Istisna' adalah satu perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan oleh Bank Muamalat untuk pengadaan atau pembelian abjek atau barangan pelaburan yang akan dilaksanakan berdasarkan pesanan pelanggan.

c. Pembiayaan Mudarabah

Pembiayaan mudarabah merupakan pembiayaan dalam bentuk pemberian modal atau dana oleh Bank Muamalat kepada pelanggan dan pelanggan bertanggung jawab untuk menguruskan modal berkenaan dalam usaha yang telah disepakati dengan pihak bank, dengan ketentuan keuntungan yang diperolehi dari pada usaha yang diuruskan akan dibahagi antara pelanggan dan bank menurut nisbah yang telah disepakati. Apabila berlaku kerugian yang tidak disebabkan oleh kecuaiannya pelanggan maka ia akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak bank, namun bila kerugian tersebut berpunca dari pada kecuaiannya dan ketidakcekapan pelanggan dalam pengurusan usaha, maka kerugian tersebut menjadi tanggung jawab pelanggan. Pembiayaan ini diperuntukkan bagi jenis-jenis usaha seperti perniagaan, industri/*manufacturing*, projek atas dasar kontrak, modal kerja, pelaburan dan lainnya.

d. Pembiayaan Musyarakah

Pembiayaan ini adalah kerjasama antara pihak Bank Muamalat dengan pelanggan dalam satu projek, dimana masing-masing pihak akan memberikan sumbangan bagi kejayaan projek berkenaan berdasarkan kesepakatan. Besarnya peranan masing-masing ditentukan oleh jumlah modal yang dilaburkan dalam projek tersebut.

e. Rahn (Gadai Syari'ah)

Produk Gadai Syari'ah adalah perjanjian penyerahan barangan atau harta sebagai barangan jaminan berdasarkan hukum gadai yang berlaku, sama ada dalam bentuk barangan kemas seperti emas, perhiasan mahupun dalam bentuk surat berharga atau kenderaan kenderaan dan lainnya. Produk ini merupakan kerjasama antara Bank Muamalat Indonesia dengan Perum Pegadaian Unit Layanan Gadai Syari'ah (ULGS). Bank akan memberikan dana yang dipohon oleh pelanggan yang ditaksir berdasarkan harga barangan yang telah digadaikan, dalam hal ini jumlah pinjaman dapat mencapai sehingga 90% dari pada nilai barangan gadaian berkenaan.

#### **4.7.1.(b) Bank Syari'ah Mandiri (BSM)**

##### **i. Penubuhan Bank Syaria'h Mandiri di Kota Pekanbaru**

Seperti yang telah dijelaskan pada bab sebelumnya bahawa Bank Syari'ah Mandiri (BSM) merupakan bank pemerintah yang pertama melakukan konversi menjadi bank syari'ah. Bank Syari'ah Mandiri ditubuhkan satu tahun setelah pengubalan undang-undang perbankan tahun 1998 itu pada. Walau bagaimanapun Bank Syari'ah Mandiri berkembang dengan cepat karena didorong oleh pelbagai faktor terutama sekali modal.

Tahun 2001 Bank Syari'ah Mandiri telah membuka satu cawangan di Provinsi Riau dan memilih Pekanbaru Baru sebagai pusat cawangan. Penubuhan ini menambahkan lagi peranan perbankan Islam dalam sistem kewangan di Pekanbaru. Seperti juga bank Muamalat yang lebih dahulu ditubuhkan, penubuhan Bank Syari'ah Mandiri di Riau khasnya Pekanbaru juga didorong oleh faktor-faktor yang sama iaitu fator agamadan faktor ekonomi. Bank Syari'ah Mandiri cawangan Pekanbaru mula beroperasi pada bulan September 2001 yang



telah dirasmikan oleh Gabenor Riau, Bapak H. Saleh Jasid S.H dan sejumlah pemuka masyarakat Riau<sup>38</sup>.

## **ii. Visi dan Misi Penubuhan Bank Syari'ah Mandiri<sup>39</sup>**

### **a. Visi**

Sebagai sebuah bank yang mengamalkan prinsip Islam, Bank Syari'ah Mandiri mensasarkan menjadi bank Islam yang dipercayai yang akan menjadi rakan usaha bagi pelanggan-pelanggan yang memerlukan khidmat bank.

### **b. Misi**

1. Mewujudkan pertumbuhan dan keuntungan yang berkesinambungan
2. Mengutamakan simpanan dari para pelanggan dan penyaluran pembiayaan dengan keutamaan sektor ekonomi industri kecil dan sederhana
3. Mengambil dan mengembangkan lagi pegawai profesional dalam lingkungan kerja yang sihat
4. Mengembangkan nilai-nilai syari'ah universal
5. Melaksanakan operasi bank mengikut standat perbankan yang sihat.

## **iii. Produk-produk BSM<sup>40</sup>**

### **1. Tabungan BSM**

Tabungan Bank Syari'ah Mandiri (BSM) adalah simpanan dimana pengeluaran wang tabungan mestilah mengikut syarat-syarat tertentu yang telah disepakati semasa pembukaan

---

<sup>38</sup> Zul Azhar, *op.cit.*, h.19.

<sup>39</sup> Laman wab Bank Syari'ah Mandiri, <http://www.syariahmandiri.co.id>, di rujuk pada 19 July 2008

<sup>40</sup> Laman wab Bank Syari'ah Mandiri, <http://www.syariahmandiri.co.id>, di rujuk pada 19 July 2008

akad simpanan. Tabungan ini menggunakan akad mudarabah mutlaqah. Bank kemudian akan membahagikan keuntungan dari pada pelaburan yang bersumber dari wang simpanan pelanggan menurut nisbah yang telah disepakati. Dalam hal ini bank memiliki kekuasaan dan tanggung jawab sepenuhnya untuk menguruskan modal atau menentukan sektor mana yang akan dibiayai. Tabungan BSM dapat digunakan oleh individu mahupun institusi.

a. Tabungan Simpanan BSM

Tabungan Simpanan BSM adalah simpanan dalam bentuk mata wang rupiah berasaskan kepada prinsip wadi'ah, simpanan ini dapat diambil pada bila-bila masa diperlukan, walau bagaimanapun ia tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh bank dan dipersetujui oleh pelanggan. Tabungan Simpanan BSM menggunakan akad *wadi'ah ya al-damanah*, dimana pelanggan menyimpan barangan atau wang kepada pihak bank dan bank boleh menggunakan wang berkenaan. Apabila pelanggan hendak mengambil semula wang simpanan tersebut maka pihak bank akan mengembalikannya secara utuh. Menurut akad ini bank tidak menjanjikan apa-apa habuan kepada pelanggan, walau bagaimanapun bank akan memberikan bonus yang tidak disebutkan pada masa akad.

b. Tabungan BSM Dolar

Produk ini juga sama seperti produk simpanan lainnya. Walau bagaimanapun ia menggunakan mata wang dolar (USD). Dalam produk ini pelanggan diberikan kebebasan menandatangani atau mengambil wang pada bila-bila masa diperlukan sesuai dengan peraturan yang berlaku. Akad yang digunakan dalam produk ini sama dengan akad Tabungan Simpanan BSM iaitu *wadi'ah ya al-damanah*.

c. Tabungan Mabruur

Tabungan Haji Mabruur adalah tabungan untuk ibadah haji. Secara asasnya tabungan ini merupakan tabungan pelaburan yang diletakkan dibawah skim mudarabah mutlaqah. Pelanggan dapat menggunakan wang simpanan ini untuk melaksanakan ibadah haji sesuai dengan waktu yang diinginkan. Selamat tempoh simpanan bank akan melaburkan wang berkenaan kedalam projek-projek halal dan kemudian mendepositkan secara langsung bahagian pelanggan dari pada keuntungan pelaburan. Apabila pelanggan ingin mengambil semua tabungan haji, maka bank akan mengelurkannya sekali dengan keuntungan selama pelaburan dibuat.

d. Tabungan Korban Bank Syari'ah Mandiri (BSM)

Tabungan Kurban BSM pula merupakan tabungan pelaburan yang bertujuan membantu pelanggan untuk merancang ibadah kurban dan aqiqah. Tabungan kurban juga menggunakan akad mudarabah mutlaqah.

e. Tabungan Pelaburan Pendidikan

Tabungan ini diperuntukkan bagi yang menginginkan jaminan pembiayaan bagi persekolahan anak, bank syari'ah memberikan satu layanan produk dimana pelanggan boleh membuka akaun simpanan dibawah akad mudarabah mutlaqah, oleh yang demikian pelanggan dapat mengambilnya bila-bila masa diperlukan. Selain kemudahan dalam proses dan pengambilan produk ini juga mempunyai sistem perlindungan insuran yang bertujuan memberikan jaminan terhadap wang simpanan apabila berlaku apa-apa perkara yang menimpa bank.

## 2. Produk Pembiayaan<sup>41</sup>

### a. Pembiayaan Resi Gudang

Pembiayaan Resesi Gudang<sup>42</sup> ia merupakan satu istilah bagi menggambarkan satu pembiayaan kontrak dari pada satu komoditi/keluaran yang diperdagangkan secara meluas dengan jaminan utama barangan/keluaran yang dibiayaan dan berada dalam satu stor atau tempat yang terkawal secara bebas. Pembiayaan ini boleh digunakan oleh individu mahupun syarikat. Akad yang digunakan pula bermacam-macam mengikut kesesuai keperluan pembiayaan. Akad-akad yang digunakan dalam pembiayaan ini adalah:

1. Akad murabahah
2. Akad mudarabah
3. Akad musyarakah

### c. Pembiayaan Pendidikan Bank Syari'ah Mandiri (BSM)

Bank Syari'ah Mandiri juga memberikan pembiayaan-pembiayaan untuk keperluan pembelajaran seperti pembayaran wang semester, pembayaran yuran masuk dan lainnya. Pembiayaan ini umumnya merupakan pembiayaan jangka pendek dan jangka menengah. Akad yang digunakan dalam pembiayaan edukasi BSM adala akad ijarah.

### d. Pembiayaan Murabahah

Seperti yang telah dikemukakan bahawa akad murabahah adalah akad pembiayaan berasaskan jual beli antara pihak bank dan pelanggan. Mekanisme pembiayaan ini dapat digambarkan bank akan membeli barangan yang dikehendaki oleh pelanggan dan

---

<sup>41</sup> Laman wab Bank Syari'ah Mandiri, <http://www.syariahmandiri.co.id>, di rujuk pada 19 July 2008

<sup>42</sup> Gudang bermaksud tempat penyimpanan barangan-barangan sama ada yang masih dipakai ataupun yang tidak lagi digunakan, dalam bahasa Malaysia disebut store

menjualnya semula kepada pelanggan sebesar harga asal ditambah dengan keuntungan atau margin yang disepakati.

Pembiayaan ini diperuntukkan bagi pelanggan yang memerlukan pembelian barangan-barangan penggunaan seperti kenderaan, rumah mahupun barangan-barangan produktif seperti mesin, alat-alat ganti mesin kilang dan lainnya. Pembiayaan memiliki kelebihan antara lain:

1. Period ditentukan oleh pelanggan
2. Pembiayaan dapat dilakukan dengan mata wang rupiah mahupun dolar (USD)
3. Tempoh pembiayaan murabahah adalah lima tahun untuk kenderaan, dan sepuluh tahun untuk pembiayaan rumah.
4. Pembiayaan ini juga memberikan perkhidmatan bagi pelanggan yang menginginkan pembelian kenderaan baru mahupun terpakai.
4. Pembiayaan Gadaian
5. Pembiayaan Mudarabah
6. Pembiayaan Ijarah

#### **4.7.2 Pembiayaan Murabahah Dalam Bank Islam di Kota Pekanbaru**

##### **4.7.2.(a) Produk-produk Bank Islam Pekanbaru di Bawah Skim Murabahah**

Secara umum konsep *murabahah* dalam perbankan Islam digunakan dalam pembiayaan modal kerja dan pelaburan seperti pembelian mesin dan peralatan, barangan asas, alat-alat ganti<sup>43</sup> Selain itu menerusi pembiayaan berasaskan *bay' al-murabahah* pelanggan dapat menggunakannya untuk pembelian barangan-barangan investasi.<sup>44</sup> Kemudahan ini juga boleh

---

<sup>43</sup> Latifah M. Algaoud, Mervyn K. Lewis (2001), *op.cit.*, hal. 83.

<sup>44</sup> Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *op.cit.*, hal. 106

diberikan terutamanya bagi membiayai kehendak modal pusingan pelanggan untuk memperolehi dan memegang stok dan inventori, alatganti, bahan-bahan mentah dan barangan setengah siap.<sup>45</sup>

Langkah-langkah dalam pembiayaan ini adalah bank membeli bahan mentah (*raw-material*), barangan, dan peralatan yang diinginkan oleh pelanggan kemudian menjualnya semula kepada seorang pelanggan dengan harga tertentu ditambah dengan keuntungan yang telah disepakati.<sup>46</sup>

Bank Syari'ah Mandiri menawarkan pelbagai jenis produk pembiayaan berasaskan *murabahah* diantaranya:

a. Pembiayaan rumah

Pembiayaan rumah bagi pelanggan yang ingin memiliki rumah, Bank Syari'ah Mandiri akan membeli rumah yang dikehendaki pelanggan dan kemudian menjualnya semula dengan harga asal ditambah keuntungan bank. Pelanggan boleh membuat pembayaran balik secara ansuran mengikut kemampuan kewangan. Dalam pembiayaan rumah Bank Syari'ah Mandiri memberikan beberapa ketentuan seperti kadar pembiayaan maksimum adalah 70 peratus dari pada harga belian dan tempoh pembayaran balik tidak lebih dari pada 10 tahun.

b. Pembiayaan kenderaan, dan pelbagai peralatan

Pembiayaan ini bagi membeli kenderaan yang diinginkan oleh pelanggan sama ada kenderaan untuk usaha mahupun untuk kegunaan pribadi, bank akan memberikan

---

<sup>45</sup> Joni Tamkin Borhan (2001), *op.cit.*, hal 159.

<sup>46</sup> Latifah M. Algaoud, Mervyn K. Lewis (2001), *op.cit.*, hal. 83; Joni Tamkin Borhan (2001), *op.cit.*, hal 159.

pinjaman maksimum untuk pembiayaan kenderaan sebanyak 80 peratus dari pada harga beli. Berkenaan dengan tempoh pembayaran balik pula bank membuat klasifikasi sesuai dengan kenderaan yang dibeli. Tempoh bayaran balik untuk pembelian kenderaan baru adalah 5 tahun. Jika kenderaan yang dibeli adalah kenderaan terpakai maka disyaratkan maksimum usia kenderaan pada saat jatuh tempoh tidak melebihi 10 tahun.

#### **4.7.2.(b) Syarat-Syarat Pembiayaan Murabahah<sup>47</sup>**

Persyaratan yang ditetapkan pihak bank dalam mendapatkan pembiayaan *murabahah* sama dengan persyaratan dalam pinjaman biasa. Walau bagaimanapun untuk menghindarkan riba bank tidak dapat memberikan pinjaman dalam bentuk wang tetapi bank boleh membeli barangan yang dikehendaki oleh pelanggan sebelum menjualnya semula kepada pelanggan berkenaan. Dalam hal syarat pembiayaan *murabahah* Bank Muamalat Indonesia (BMI) cawangan Pekanbaru dan Bank Syari'ah Mandiri (BSM) cawangan Pekanbaru menetapkan syarat-syarat yang hampir sama. Secara umum syarat-syarat tersebut dapat disimpulkan sebagai berikut:

1. Identiti diri dan pasangan
2. Kad keluarga dan surat nikah
3. Slip gaji dua bulan terakhir
4. Photo stat buku akaun bank tiga bulan terakhir
5. Lesen penubuhan syarikat
6. Identiti pengurus
7. Surat izin syarikat
8. Laporan kewangan dua tahun terakhir

---

<sup>47</sup> Laman wab Bank Syari'ah Mandiri, <http://www.syariahmandiri.co.id>, di rujuk pada 19 July 2008

9. Pencapaian/prestasi dua tahun terakhir
10. Rancangan usaha untuk 12 bulan yang akan datang
11. Data objek pembiayaan.

#### **4.7.2.(c) Prosedur pembiayaan murabahah**

Bagi memperolehi pembiayaan dibawah skim murabahah bagi pengembangan industri perbankan Islam meletakkan beberapa prosedur dan syarat yang harus dipenuhi oleh pelanggan:

- a. Pelanggan membuat permohonan pembiayaan *murabahah* kepada pihak bank dengan mengisi borang khusus yang telah disediakan oleh bank. Dalam borang tersebut telah disediakan butiran mengenai jenis pembiayaan dan keperluan pembiayaan serta jenis barangan yang diinginkan oleh pelanggan yang akan dibeli dengan menggunakan skim *murabahah*. Selain itu pihak pelanggan dihendaki menjelaskan adakah pembelian ini dilakukan secara individu atau oleh syarikat.
- b. Bank akan menyemak permohonan pelanggan, khususnya butiran-butiran yang berkaitan dengan kondisi pelanggan seperti sifat pelanggan, kondisi ekonomi pelanggan, neraca dan laporan kewangan serta sumber pembayaran balik hutang apabila jual beli *murabahah* dipersetujui.
- c. Bank meminta pelanggan untuk membayar deposit pembelian sebagai tanda bahawa pelanggan bersungguh akan membeli semula barangan yang telah dibeli oleh pihak bank.
- d. Untuk menghindari berlakunya ketidak jujuran pelanggan dalam hal pembayaran balik hutang murabahah, bank menghendaki pelanggan mengemukakan jaminan. Jaminan ini boleh dalam bentuk barangan berharga seperti geran tanah, emas dan lainnya.



- e. Permohonan pelanggan akan dibincangkan dalam mesyuarat jawatan kuasa bank sebelum diluluskan
- f. Apabila jawatan kuasa telah meluluskan permohonan tersebut, maka bank akan mengeluarkan dana untuk membeli barangan yang diperlukan pelanggan.
- g. Setelah pembelian barangan bank akan memaklumkan pelanggan mengenai pembelian barangan sesuai dengan spesifikasi yang telah ditentukan pada masa permohonan di buat. Bank meminta pelanggan untuk menunaikan tanggung jawabnya untuk membeli barangan berkenaan setelah menyatakan harga belian dan keuntungan yang diambil oleh bank.
- h. Pelanggan dapat menentukan kaedah bayaran sesuai dengan kemampuan ekonominya. Apabila ia membayar sekaligus (lump sum) harga barangan tersebut berikut keuntungannya, maka pelanggan boleh membuat bayaran dan menerima barangan yang dikehendaki. Namun apabila pelanggan menginginkan bayaran secara ansuran, maka pelanggan boleh memilih tempoh yang dikehendaki yang dipersetujui oleh pihak bank.<sup>48</sup>

#### **4.7.3.(d) Simulasi Pembiayaan Murabahah Dalam Bank Islam**

Prosedur pembiayaan murabahah yang dilakukan oleh bank tersebut secara sederhana dapat dijelaskan menerusi contoh berikut. PT. TERUS MAJU syarikat yang bergerak dibidang percetakan memerlukan Mesin Cetak dengan harga Rp 100,000,000.00, PT TERUS MAJU mempunyai pelanggan pembekal mesin iaitu PT TRAKANTA. PT TERUS MAJU mengajukan permohonan pembiayaan *murabahah* kepada Bank Muamalat Indonesia. Setelah Account Manager Bank Muamalat mengkaji neraca dan laporan kewangan serta sumber

---

<sup>48</sup> Temu bual dengan Adi Wandra, pegawai bahagian personalia Bank Muamalat Indonesia Cawangan Pekanbaru, di pejabat Cawangan Bank Muamalat Syari'ah pada 19 June 2008. Temu bual dengan Sunarti, wakil direksi Bank Syari'ah Mandiri Cawangan Pekanbaru, di pejabat Cawangan Bank Syari'ah Mandiri Pekanbaru pada 18 June 2008.

pembayaran balik dari PT TERUS MAJU, maka bank menyetujui permohonan pembiayaan *murabahah* tersebut dengan rincian sebagai berikut:<sup>49</sup>

- Harga beli barangan dari supplier Rp. 100,000,000.00.-
- Margin Bank Muamalat sebesar Rp. 22,000,000.00.-
- Harga jual kepada PT TERUS MAJU (Harga jual= Harga beli + Margin) sebesar Rp. 122,149,950.00.-
- Biaya pengurusan Rp. 1,000,000.00.-
- Supplier yang di tunjuk PT. TRAKATA
- Tempoh pembayaran balik selama 24 bulan
- Ansuran/ bulan Rp. 5,089,580.00.-

#### **4.7.2.(e) Portfolio Pembiayaan Murabahah Dalam Bank Islam di Kota Pekanbaru**

Semenjak penubuhannya pada tahun 2001 perbankan syari'ah di kota Pekanbaru terus berusaha meningkatkan peranan dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat menerusi pelbagai produk penghimpunan dana mahupun pembiayaan modal. Kejayaan bank syari'ah dalam menarik para pendeposit baru dan meningkatkan jumlah pembiayaan menerusi pelbagai produk membuktikan kalau bank ini mempunyai prospek yang cerah di kota Pekanbaru.

Bank Indonesia (BI) Pekanbaru dalam kajian Ekonomi Regional Provinsi Riau Triwulan III 2006 di dapati lima perbankan syari'ah yang terdiri dari dua bank syaria'h dan tiga unit usaha syaria'h. Dengan jumlah aset pada triwulan III 2006 mencapai Rp 637,68 miliar, atau tumbuh sebesar 0.93 peratus. Posisi penghimpunan dana pula meningkat sebesar 4.97 peratus dari pada Rp 328,01 miliar menjadi Rp 344,32 miliar. Sedangkan posisi

---

<sup>49</sup> Laman wab Bank Syari'ah Mandiri, <http://www.syariahmandiri.co.id>, di rujuk pada 19 July 2008

pembiayaan mengalami peningkatan sebesar 2.52 peratus dari pada Rp 448,79 miliar menjadi Rp 460,09 miliar.

Jadual 4.5: Indikator Kineja Utama Bank Syariah\*) di Provinsi Riau (Miliar Rp)

No	Keterangan	Period				
		Tw III '05	Tw IV '05	Tw I '06	Tw II '06	Tw III '06
1	Jumlah	5	5	5	5	5
2	Aset	378,01	464,71	453,69	631,83	637,68
3	DPK	235,27	283,63	298,56	328,01	344,32
4	Pembiayaan	352,72	382,66	401,81	448,79	460,09
5	FDR	149.92%	134.92%	134.58%	136.82%	136.62%

\*)Bank syari'ah dan unit usaha syariah

Sumber: Bank Indonesia Indonesia Pekanbaru

Dengan pembiayaan berbanding deposit pada tiga bulan pertama 2006 mencapai 133.62 peratus ia lebih besar dari pada kadar deposit yang ada pada bank konvensional mahupun Bank Perkreditan Rakyat (BPR). Peningkatan pembiayaan perbankan syari'ah di kota Pekanbaru di dorong oleh banyaknya permintaan pelanggan terhadap pembiayaan-pembiayaan modal dan penggunaan terutama sekali menerusi instrumen *murabahah*, bahkan pembiayaan ini merupakan instrument utama dalam penyaluran modal oleh bank-bank syari'ah dikota Pekanbaru<sup>50</sup>.

Bank Muamalat Indonesia Cawangan Pekanbaru misalnya sehingga tahun 2004 telah memberikan pembiayaan sebanyak Rp 64,424,715,267.00.- atau disekitar 36 peratus dari pada jumlah keseluruhan pembiayaan Bank Muamalat menerusi instrumen *murabahah*. Walaupun peningkatan peratusan pembiayaan *murabahah* lebih rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya yang mencapai 53.73 peratus pada tahun 2001 dan 57.34 peratus pada tahun 2002 serta 43.80 peratus pada tahun, namun secara keseluruhan pembiayaan *murabahah*

<sup>50</sup> Temu bual dengan Cik Sunarti, timbalan direksi Bank Syari'ah Mandiri Cawangan Pekanbaru, pada tanggal 19 June 2008, di Pejabat Bank Syari'ah Mandiri Cawangan Pekanbaru.

masih mendominasi pembiayaan Bank Muamalat Indonesia Cawangan Pekanbaru sebagaimana yang dapat dilihat pada jadual 4.6 dibawah.

Jadual 4.6: Jumlah Pembiayaan Murabahah Di Bank Muamalat Indonesia Cawangan Pekanbaru 2001-2004.

Jenis Pembiayaan	2001	%	2002	%	2003	%	2004	%
Mudarabah	276,358,350	27,50	453,245,883	28,73	11,525,545,193	12,51	49.256.674.834	27.64
Musarakah	20.443.540	2.03	15.770.727	1.00	19.545.837	0.02	43.200.143	0.02
Murabahah	539.966.449	53.73	904.667.120	57.34	40.367.545.837	43.80	64.424.715.267	36.15
Istishna'	167.769.019	16.69	202.462.372	12.83	-	-	-	-
Salam	426.559	0.04	1.590.503	0.10	17.638.521	0.02	19.983.321	0.01
Al-Qard	-	-	-	-	-	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>1.004.963.917</b>	<b>100</b>	<b>1.577.746.605</b>	<b>100</b>	<b>92.154.147.531</b>	<b>100</b>	<b>178.194.706.017</b>	<b>100</b>

Sumber : Laporan tahunan 2004 Bank Muamalat Indonesia Cawangan Pekanbaru.

Hal yang sama juga berlaku pada Bank Syari'ah Mandiri Cawangan Pekanbaru, bahkan pembiayaan menerusi instrumen murabahah dalam bank ini mengambil lebih sebahagian besar pembiayaan. Diawal tahun penubuhannya Bank syari'ah Mandiri telah berjaya memberikan sebanyak Rp 547,488,431 atau 92.07 peratus dari pada jumlah keseluruhan pembiayaan menerusi instrument *murabahah*, jumlah ini terus meningkat menjadi Rp 779,529,041.00.- atau 68.01 peratus pada tahun 2002 dan Rp 932,471,378.00.- atau 62.55 peratus dari total pembiayaan. Sehingga tahun 2004 pembiayaan Bank Syari'ah Mandiri menerusi produk-produk berasaskan instrumen *murabahah* mencapai Rp 1,250,653,431.00.- atau 62.86 peratus. (lihat jadual4.7)

Jadual 4.7: Jumlah pembiayaan pelbagai jenis produk oleh Bank Syari'ah Mandiri Cawangan Pekanbaru tahun 2001-2004

Jenis pembiayaan	2001	%	2002	%	2003	%	2004	%
Murabahah	547,488,431	92,0	779,529,041	68,01	932,471,378	62,55	1,250,653,431	62,86
Musarakah	30,941,760	7	39,702,897	3,46	45,364,843	3,03	60,374,712	3,03
Mudarabah	2,433,000	5,20	165,000,000	14,39	343,750,000	22,88	453,750,000	22,81
Ijarah	-	0,41	4,794,459	0,42	10,837,243	0,72	30,745,345	1,55
Hiwalah	13,425,496	-	128,781,524	11,24	135,372,873	9,01	150,432,879	7,56
Rahn	-	2,26	26,507,587	2,31	29,432,741	1,94	32,745,837	1,56
Q . Hassan	334,765	0,06	1,919,082	0,17	5,432,832	0,36	10,783,472	0,54
<b>Jumlah</b>	<b>594,623,452</b>	<b>100</b>	<b>1,146,234,505</b>	<b>100</b>	<b>1,502,666,910</b>	<b>100</b>	<b>1,989,485,726</b>	<b>100</b>

Sumber: Laporan Tahunan 2004 Bank Syari'ah Mandiri Cawangan Pekanbaru

Pembiayaan *murabahah* merupakan instrumen yang digunakan secara umum oleh bank Islam di Kota Pekanbaru termasuk bank konvensional yang memiliki tetitkap syari'ah mengamalkan instrumen ini, bahkan ia dianggap sebagai instrumen utama penyaluran dana oleh bank-bank Islam di Kota Pekanbaru. Ada beberapa perkara yang menyebabkan peningkatan pembiayaan *murabahah* dalam pembiayaan perbankan Islam:

1. Pembiayaan *murabahah* lebih mudah diterapkan baik secara amalan mahupun perhitungan dalam pembukuan bank Islam, serta aturan pembayaran yang lebih simpel.
2. Keperluan pelanggan terhadap modal segera terutama para usahawan sama ada besar mahupun kecil yang memerlukan pembelian perbagai peralatan usaha, termasuk juga permintaan untuk keperluan penggunaan.
3. Pembiayaan *murabahah* tidak memiliki resiko yang tinggi, kerana ia hanya dalam bentuk jual beli, bank dapat menetapkan secara langsung jumlah dan tempoh pembayaran balik hutang pelanggan. Selain itu pihak bank juga memegang jaminan pelanggan yang dapat digunakan untuk membayar semua hutang berkenaan apabila pelanggan ingkar atau tidak dapat menunaikan tanggung jawab terhadap bank.
4. *murabahah* lebih sesuai di gunakan untuk pelbagai keperluan seperti keperluan peralatan, jentera angkutan, alat-alat ganti, tapak, mahupun rumah dan lainnya.<sup>51</sup>

#### **4.8 Kesimpulan**

Dari penjelasan diatas dapat disimpulkan bahawa kewujudan bank Islam sebagai alternatif kepada bank konvensional dalam kontek perbankan nasional memainkan peranan penting dalam usaha pembangunan ekonomi. Sebagai sebuah institusi yang mengamalkan

---

<sup>51</sup> Temu bual dengan Cik Sunarti, Timbalan Pengarah Bank Syari'ah Mandiri Cawangan Pekanbaru, pada tanggal 19 Jun 2008, di Pejabat Bank Syari'ah Mandiri Cawangan Pekanbaru, Riau, Indonesia.

prinsip syari'ah bank Islam mempunyai kaedah dan pendekatan tersendiri bagi memberikan perkhidmatan yang lebih luas kepada masyarakat.

Wujudnya instrumen pembiayaan *murabahah* dapat diterapkan sebagai satu kaedah dalam pelbagai keperluan pembiayaan yang tidak terbatas hanya kepada pembiayaan bagi keperluan penggunaan tapi juga pembiayaan untuk memenuhi keperluan modal usaha bagi usahawan industri.

Universiti Malaya

**BAB V**  
**ANALISIS PERANAN BANK ISLAM**  
**DALAM PENGEMBANGAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA**  
**DI KOTA PEKANBARU, RIAU**

**5.1 Pendahuluan**

Dalam bab analisis ini akan diuraikan mengenai peranan perbankan Islam dalam pengembangan industri kecil dan sederhana di Kota Pekanbaru khususnya dalam aspek penyedia sumber modal dan pembiayaan bagi membantu usahawan IKS mengembangkan usaha menerusi produk-produk berasaskan *murabahah*. Kajian ini melibatkan tinjauan terhadap beberapa produk pembiayaan yang ditawarkan bank Islam menerusi konsep *murabahah* iaitu produk pembiayaan peralatan, premis perniagaan dan kenderaan.

Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah temubual berstruktur. Protokol temubual terlebih dahulu disediakan yang memuat pelbagai soalan yang berhubung kait dengan isu yang dibincang dalam kajian. Data yang telah diperolehi dari temubual tersebut dianalisis dengan menentukan pola dan tema yang berulang dan dikelompokkan kepada kategori tertentu seperti yang dijelaskan dalam bab 1. Bagi kategori yang meletakkan petikan jawapan responden terhadap soalan temu bual akan diberi tanda A, B, C dan seterusnya mengikut jenis industri dengan ketentuan A untuk industri roti, B kedai runcit, C besi dan logam, D perabut, E keropok, F tofu dan tempe, G restoran, H bahan bangunan, J kerepek dan K jamu. Untuk memudahkan pengolahan dalam menentukan peratusan pada tiap-tiap kategori penyelidik menggunakan program SPSS.

Penyelidik telah menemubual seramai 60 orang usahawan di Kota Pekanbaru yang dikenal pasti telah mendapatkan pembiayaan dari pada bank Islam. Masa temubual secara

purata adalah 15 menit. Manakala soalan diajukan bersifat umum kemudian lebih difokuskan kepada jenis pembiayaan yang telah didapatkan responden. Hasil dari pada temu bual tersebut mendapati responden telah mendapatkan pelbagai pembiayaan iaitu peralatan, kenderaan dan premis. Sebahagian diantaranya ada yang mendapatkan dua jenis pembiayaan. Berikut akan dijelaskan dapatan kajian secara terperinci mengikut kategori.

## **5.2 Analisis Peranan Perbankan Islam Dalam Pengembangan Industri Kecil dan Sederhana di Kota Pekanbaru**

### **5.2.1 Profil Responden**

Profil usahawan yang diperolehi dari temubual telah dianalisis untuk mendapatkan maklumat mengenai: (a) taburan usahawan mengikut jantina, (b) taburan usahawan mengikut umur, (c) jenis industri yang diterokai usahawan, (d) pendapatan bulanan, (e) agama usahawan, (f) pekerjaan sampingan. Berikut adalah profil responden yang telah ditemu bual dalam penyelidikan ini.

#### **a. Jantina**

Sebahagian besar responden adalah terdiri dari pada kaum lelaki iaitu seramai 52 orang atau 86.6%, manakala perempuan pula hanya 8 orang atau 13.3%, ini disebabkan peluang yang dimiliki oleh kaum lelaki lebih besar berbanding perempuan, kerana lelaki tidak terhad oleh bidang-bidang tertentu bahkan tidak terhad oleh usia. Manakala usia responden pula ialah terdiri dari pada 35 sehingga 59 tahun sebagaimana yang dapat dilihat dalam jadual dibawah.



**Jadual 5.1: Jentina responden**

Kategori	Bilangan	Peratus
Lelaki	52	86.6
Perempuan	8	13.3
Jumlah	60	100.0

Sumber: Temubual, 18 Jun-3 Julai 2008.

**b. Umur**

**Jadual 5.2: Umur responden**

Kategori	Bilangan	Peratus
35-40	5	8.3
40-44	15	25
45-50	21	35
50-55	17	28.3
56-59	2	3.3
Jumlah	60	100.0

Sumber: Temubual, 18 Jun-3 Julai 2008.

Dari jadual diatas dapat dilihat bahawa sebahagian besar iaitu seramai 21 orang atau 28% dari pada usahawan berusia dari pada 45 sehingga 50 tahun, manakala 17 orang atau 28.3% pula berusia 50 sampai 55 tahun dan 15 orang atau 25% pula dari padanya berusia 40 sehingga 44 tahun. Hanya 5 orang atau 8.3% dari pada responden yang berusia 35 sampai 40 tahun, sedangkan bakinya iaitu 2 orang atau 3.3% berusia 56-59 tahun.

**c. Jenis usaha**

Responden telah menerokai perbagai bidang industri, sama ada bidang industri yang berasaskan pertanian, perikanan dan industri yang menghasilkan barangan berasaskan tembaga. Jenis industri yang diterokai responden secara terperinci ialah industri besi dan

logam seramai 7 orang atau 11.6%, industri perabut seramai 6 orang atau 10%, industri bahan binaan 4 orang atau 6.6% dan restoran 5 orang atau 8.3%. Selain industri-industri berkenaan responden juga terdiri dari usahawan kedai runcit iaitu seramai 8 orang atau 13.3%, roti dan kue 11 orang 18.3%, krepak 4 orang atau 6.6% dan keropok 6 orang atau 10%. Manakala bakinya iaitu 3 orang atau 5% merupakan usahawan jamu dan 6 orang atau 10% pengusaha tahu dan tempe.

**Jadual 5.3: Jenis usaha responden**

Kategori	Bilangan	Peratus
Besi dan logam	7	11.6
Perabut	6	10
Bahan bangunan	4	6.6
Restoran	5	8.3
Kedai runcit	8	13.3
Roti da kue	11	18.3
Krepek	4	6.6
Kerupuk	6	10
Jamu	3	5
Tahu dan tempe	6	10
Jumlah	60	100.0

Sumber: Temubual, 18 Jun-3 Julai 2008.

#### **d. Pendapatan bulanan**

Pendapatan bulanan responden adalah berbagai-bagai dan tidak tetap, ia bergantung kepada keadaan dan masa. Jadual di bawah menjelaskan purata pendapatan yang dinyatakan responden dimana kebanyakan iaitu 36.6% responden berpendapatan 8 sehingga 10 juta, manakala 25% berpendapatan 11 sehingga 13 juta dan 13% berpendapatan 15 sehingga 20

juta. Hanya 16% responden yang menyatakan mempunyai pendapatan yang agak tinggi iaitu sebanyak 20 sehingga 30 juta tiap-tiap bulan.

**Jadual 5.4: Pendapatan bulanan dalam Rp juta**

Kategori	Bilangan	Peratusan
8 – 10	22	36.6
11 – 13	15	25
15 – 20	13	21.6
20 – 30	10	16.6
Jumlah	60	100.0

Sumber: Temubual, 18 Jun-3 Julai 2008.

#### **e. Agama**

Seluruh responden menyatakan beragama Islam. Ini dapat dimaklumi kerana sampel penyelidikan adalah para usahawan yang menjadi pelanggan bank Islam. Walaupun bank Islam tidak menghadkan pelanggan kepada yang beragama Islam, tetapi sistem yang lebih banyak mendorong pelanggan-pelanggan yang beragama Islam.

#### **f. Pekerjaan sampingan**

Tidak semua usahawan memiliki perkerjaan samping, umumnya usahawan hanya menumpukan pada bidang-bidang usaha yang sedang dijalankan. Walau bagaimanapun terhadap juga responden selain menerokai bidang industri juga memiliki pekerjaan lain seperti pejabat awam seramai 6 orang atau 10% di berkerja dipelbagai bidang pejabat kerajaan. Selain itu terdapat juga 5 orang atau 8.3% usahawan yang berkerja sebagai guru sekolah dan 1 orang atau 1.6% adalah pegawai polis.

## 5.2.2 Peranan Perbankan Islam Dalam Pembiayaan Peralatan

Perbankan Islam memainkan peranan yang cukup signifikan dalam pembiayaan peralatan bagi sektor industri kecil dan sederhana di kawasan kajian, walaupun secara keseluruhan jumlah pembiayaan yang telah dilulus masih kecil, namun dalam konteks sebuah institusi kewangan yang baru ditubuhkan lapan tahun lalu jumlah itu sudah cukup mengembirakan. Dari hasil temu bual yang dilakukan terhadap 60 orang usahawan industri kecil dan sederhana yang dikenal pasti sebagai pelanggan bank Islam didapati seramai 17 orang atau 28.3% telah menerima pembiayaan membeli peralatan dari pada bank Islam, manakala bakinya iaitu seramai 43 orang atau 71.6% menyatakan belum atau tidak menerima pembiayaan dari bank Islam.

### a. Instrumen Pembiayaan.

Secara umum pembiayaan peralatan tersebut diberikan oleh bank Islam kepada pengguna menerusi instrumen *murabahah*. Dari pada 17 orang penerima pembiayaan, seramai 15 orang atau 88.2% dari padanya menerusi instrument *murabahah*, manakala bakinya iaitu 2 orang atau 11.7% diberikan bank Islam menerusi instrument *ijarah* seperti yang dapat dilihat dalam jadual dibawah.

**Jadual 5.5: Jumlah pembiayaan bank Islam mengikut instrumen**

Instrumen	Bilangan responden	Peratusan
Murabahah	15	88.2
Ijarah	2	11.7
Istisna'	0	0
Jumlah	17	100.0

Sumber: Temubual, 18 Jun-3 Julai 2008.

Penggunaan instrumen *murabahah* lebih tinggi berbanding instrument lain karena instrumen bekeanan lebih pleksibel, ia dapat digunakan dengan mudah dalam apa jua pembiayaan, sama ada untuk pembiayaan dalam kadar besar mahupun kecil. Ini dijelaskan oleh Cik Sunarti wakil pengarah Bank Syari'ah Mandiri.

instrumen *murabahah* lebih mudah digunakan, karena bentuknya jual beli, jadi kita boleh menggunakannya dalam apa sahaja, misalkan membeli rumah, kereta, motor dan lainnya. (Bank Syari'ah Mandiri. 19/6/2008)

#### **b. Jenis Peralatan**


Jenis peralatan yang telah diperolehi usahawan menerusi pembiayaan *murabahah* adalah berbagai-bagai mengikut sektor usaha yang dijalankan. Diantaranya seramai 5 orang atau 29.4% menggunakan pembiayaan *murabahah* untuk membeli peralatan pembakar roti, manakala 4 orang atau 23.5% pula menggunakannya untuk membeli mesin penggiling seperti penggiling daging untuk bakso dan penggiling untuk adonan kue. Selain itu 3 orang atau 17.6% menggunakan pembiayaan ini membeli peti penyejuk kedai runcit untuk menyimpan barangan-barangan beku dan 2 orang responden atau 11.7% menggunakannya untuk membeli mesin bubut pembuat paku, mur, peralatan penggunaan berasaskan besi. Sedangkan bakinya iaitu 1 orang atau 5.8% menggunakannya untuk membeli mesin pemotong kayu. Selain menggunakan produk-produk berasaskan *murabahah* terdapat juga responden yang menggunakan produk-produk berasaskan *ijarah* untuk membeli pelbagai peralatan usaha iaitu seramai 2 orang atau 11.7%.

**Jadual 5.6: Jenis peralatan yang biyai Bank Islam dibawah instrument murabahah**

Kategori	Bilangan responden	peratusan
Pembakar roti	5	29.4
Mesin penggiling	4	23.5
Peti penyejuk	3	17.6
Mesin pembuat baut dan paku	2	11.7
Mesin pemotong dan pengolah kayu	1	5.8
Peralatan dengan pembiayaan Ijarah	2	11.7
Jumlah	17	100.0

Sumber : Temubual, 18 Jun-3 Julai 2008.

**Carta 5.1: Jenis peralatan yang dibiayai dibawah instrument murabahah**



Dari jadual dan carta 5.1 diatas dapat lihat tingkat pembelian peralatan usaha mengikut jenis serta produk-produk yang digunakan. Pada umumnya usahawan memilih menggunakan produk-produk berasaskan *murabahah* untuk membeli pelbagai keperluan peralatan. Hal ini disebabkan perbankan memperuntuk pelbagai produk dibawah skim *murabahah* yang didapat disesuaikan dengan keperluan pelanggan.

### c. Nilai Peralatan

Nilai-nilai barangan yang telah diterima oleh responden adalah pelbagai, ia mengikut jenis serta besar dan kecilnya barangan. Walau bagaimanapun sebahagian dari responden tidak menyatakan harga sebenarnya sebaliknya menyebutkan harga taksiran. Secara umum barangan-barangan tersebut tidak melebihi Rp 20 juta. Jadual 5.3 menjelaskan seramai 4 orang atau 23.5% responden mendapat pembiayaan untuk membeli mesin penggiling bernilai 8 juta rupiah untuk setiap unit, 2 orang atau 11.7% mendapat pembiayaan untuk mesin pembuat paku dan barangan berasaskan besi dengan nilai 15 juta rupiah per unit, manakala 3 orang atau 17.6% responden menggunakan pembiayaan *murabahah* untuk membeli peti penyejuk makanan beku dengan purata harga per unit 2 juta rupiah. Jenis peralatan tertinggi banyak dimiliki responden menerusi instrumen *murabahah* adalah alat pembakar roti yang terlibat seramai 5 orang atau 29.4% responden dengan purata harga per unit 6 juta rupiah. Hanya 1 orang atau 5.8% yang menggunakan instrumen berkenaan untuk keperluan mesin pemotong dan pengolahan kayu dengan harga 7 juta rupiah.

**Jadual 5.7: Nilai peralatan (purata/unit)**

Kategori	Nilai	Bilangan (responden)	Peratus
Mesin penggiling/ unit	8 juta	4	23.5
Mesin pembuat baut dan paku/unit	15 juta	2	11.7
Peti penyejuk (purata/unit)	2 juta	3	17.6
Alat pembakar roti/unit	6 juta	5	29.4
Mesin pemotong dan pengolah kayu/unit	7 juta	1	5.8
Lain peralatan dengan instrumen Ijarah	0	2	11.7
Jumlah		17	100.0

Sumber : Temubual, 18 Jun-3 Julai 2008.

#### d. Jumlah Unit Peralatan

Adapun jumlah unit peralatan yang dibeli oleh usahawan juga pelbagai, sesetengah peralatan dengan harga sederhana dibeli dalam jumlah beberapa unit, manakala yang lain hanya dalam jumlah yang lebih sedikit berikutan harga yang lebih mahal. Secara keseluruhan unit peralatan yang telah diperolehi responden menerusi pembiayaan *murabahah* adalah sebanyak 25 unit, kerana ada diantara responden yang mendapat kelulusan lebih dari pada satu unit untuk jenis peralatan tertentu. Peralatan-peralatan tersebut iaitu mesin penggiling sebanyak 4 unit, mesin pengeluaran pembuatan barangan berasaskan besi sebanyak 3 unit, peti penyejuk makanan beku 10 unit, manakala pembakar roti dan mesin pemotong masing-masing 5 dan 3 unit. Jadual berikut akan menggambarkan jumlah unit yang telah dibeli oleh responden menerusi instrument pembiayaan bank Islam.

**Jadual 5.8: Bilangan Unit peralatan**

Kategori	Bilangan	Jumlah unit
Mesin penggiling	4	16
Mesin bubut	3	5
Peti penyejuk	10	40
Pembakar roti	5	20
Mesin pemotong	3	12
	25	100.0

Sumber : Temubual, 18 Jun-3 Julai 2008.

Terdapat responden yang memerlukan unit peralatan lebih banyak tapi kerana masalah kewangan keperluan tersebut di tangguhkan. Perbank Islam sentiasa meningkatkan layanan bagi memberikan kemudahan pembiayaan, bahkan bank Islam tidak menghadkan kelulusan permohonan kepada satu kali sahaja. Sebaliknya bank akan memberikan kemudahan pada setiap kali permohonan dibuat yang disertai dengan persyaratan-persyaratan yang ditetapkan.



#### e. Kekeperapa Usahawan Dalam Mendapatkan Pembiayaan

Dari temu bual yang dilakukan dengan para usahawan yang telah mendapatkan pembiayaan untuk membeli peralatan didapati sesetengah responden menerima pembiayaan lebih dari pada 1 kali. Jadual 5.9 dibawah menunjukkan bahawa sebahagian besar seramai 12 orang atau 70.5% usahawan menerima bantuan pembiayaan untuk peralatan usaha sebanyak satu kali. Walau bagaimanapun seramai 3 orang atau 17.6% dari pada usahawan merimana bantuan pembiayaan dari pada bank syari'ah lebih dari pada satu kali.

**Jadual 5.9: Kekeperapan pembiayaan peralatan.**

Kategori	Bilangan responden	Peratusan
1 kali	12	70.5
2 kali	3	17.6
3 kali	0	0
Pembiayaan ijarah	2	11.7
Jumlah	17	100.0

Sumber: Temubual, 18 Jun-3 Julai 2008

#### g. Pandangan Usahawan Terhadap Pembiayaan Murabahah

Untuk mengetahui pandangan dan persepsi responden berkenaan pembiayaan murabahah terutama dalam membiayai peralatan, penyelidik telah mengajukan soalan terbuka kepada responden yang telah mendapatkan pembiayaan dan responden yang belum mendapatkannya. Ini bagi mendapatkan pandangan yang lebih menyeluruh terhadap bank Islam terutama sekali soalan berkaitan *murabahah*. Secara umum responden menilai kewujudan pembiayaan seperti bank Islam adalah satu keperluan, terutama untuk memperbanyak institusi-institusi pinjaman modal bagi membantu lebih ramai usahawan IKS.

Bagus, bank syariah boleh memberikan pinjaman, kalau boleh, kedepan kita harap pinjaman seperti ini banyak diluluskan. (Usahawan A, 23/06/2008)

Bagus, tapi kalau syaratnya lebih mudah sikit saya rasa banyak peminjam lain yang mau. (Usahawan D, 23/06/2008)

Saya nggak berapa tau, karena belum pernah nyoba, tapi saya dengar dari kawan bagus jugalah, karena kita langsung dapat barang. (Usahawan A, 23/6/2008)

## **5.2.2 Peranan Perbankan Islam Dalam Pembiayaan Kenderaan**

### **a. Kaedah Pemasaran Produk**

Hasil dari temua bual yang telah dilakukan dengan 60 orang usahawan mendapati bahawa seluruhnya menggunakan kaedah penjualan dengan menerima tempahan sebelum mengantarkan barangan tersebut kepada pembeli.

Ya kita terima order, kalau barang sudah siapa baru kita hantar, ada juga pembeli yang ngambil sendiri, kalau mereka yang ambil kita nggak hitung. (Usahawan D, 26/06/2008)

Selain menerima tempahan sebahagian barangan-barangan hasil usaha dijual dengan cara membekalkan barangan-barangan berkenaan ke kedai-kedai runcit atau ke kedai lain yang juga dimiliki oleh usahawan. Selain itu penjualan juga dilakukan secara langsung, pembeli dapat memilih barangan yang diminati kemudian pihak usahawan akan mengantar barangan berkenaan sekiranya dalam jumlah besar.

Ya kadang-kadang di antar ke kedai, kadang dijual disini ada beberapa kedai nanti mereka dapat persenanlah. (Usahawan A, 26/06/2008)

### **b. Penggunaan Kenderaan**

Penggunaan kenderaan di kalangan usahawan dalam memasarkan produk perkara yang biasa. Dari data temu didapati bahawa seluruh usahawan menyatakan menggunakan kenderaan sama ada dalam jenis van mahupun lori untuk mengangkut barangan-barangan hasil keluarkan untuk dijual. Tempat penjualan boleh jadi pasar terbuka mahupun kedai-kedai yang menerima pembekalan barangan. Selain untuk menjual barangan hasil produksi kenderaan tersebut juga digunakan sebagai alat angkut barangan-barangan asas industri seperti kayu, pasir, kacang dan bahan-bahan asas dari besi. Jadual 5.10 menunjukkan bahawa semua responden menggunakan kenderaan sama ada untuk mengangkut barangan mahupun untuk menjual hasil keluaran.

**Jadual 5.10: Penggunaan kenderaan**

Kategori	Jumlah responden (orang)	Jumlah responden (peratus)
Ya	60	100.0
Tidak	0	0
Jumlah	0	100.0

Sumber: Temubual, 18 Jun-3 Julai 2008.

### **c. Jenis Kenderaan**

Jenis kenderaan pengangkut yang banyak digunakan oleh para usahawan adalah lori, lori sedang, karena keadaannya yang terbuka membolehkan memuat barangan lebih mudah.

Selain itu kadar barangan yang dapat muat lebih banyak. Selain lori terdapat juga sebahagian dari pada usahawan menggunakan van terutama sekali bagi pengusaha makanan seperti kurupuk, kerepek dan barangan-barangan makanan lainnya. Jika barangnya sedikit dan ringan maka penghantara adakalanya dilakukan dengan menggunakan motorsikal atau beca motorsikal.

Jadual 5.11 menunjukkan tingkat penggunaan kenderaan menurut jenisnya dikalangan para usahawan. Lori dengan pelbagai jenisnya adalah kenderaan yang paling banyak digunakan usahawan untuk mengangkut barangan iaitu seramai 39 orang atau 65%. Sedangkan penggunaan van seramai 17 orang atau 28.3% orang. Manakala seramai 4 orang atau 6.6% lagi menggunakan pelbagai alat angkut lain.


**Jadual 5.11: Jenis kenderaan**

Kategori	Jumlah responden (orang)	Jumlah responden (peratus)
Lori	39	65
Van	17	28.3
Lain-lain	4	6.6
Jumlah	60	100.0

Sumber: Tembubual, 18 Jun-3 Julai 2008.

Tingkat penggunaan kenderaan mengikut jenis ini juga dapat dilihat dalam Carta 5.2 dibawah.

**Carta 5.2 Penggunaa kenderaan mengikut jenis**



#### **d. Status Kenderaan**

Kenderaan-kenderaan yang digunakan sebagai alat angkut dikalangan responden sebahagian besar iaitu seramai 53 orang atau 88.3% adalah miliki sendiri. Manakala seramai 5 orang atau 8.3% menyatakan kenderaan yang digunakan tersebut adalah disewa dari pada agen ataupun kawan. Sedangkan seramai 2 orang atau 3.3% menggunakan kenderaan pinjaman dari pada saudara mara atau kawan. Penyewaan kenderaan dikalangan responden tidak berlaku secara berterusan, tapi ia hanya dilakukan apabila diperlukan untuk penghantaran barangan yang dipesan dalam jumlah besar, adapun dalam keadaan barangan sedikit kebanyakan para usahawan sudah memiliki kenderaan sendiri.

**Jadual 5.12: Status kenderaan**

Kategori	Jumlah responden	Bilangan
Sendiri	53	88.3
Sewa	5	8.3
Pinjam	2	3.3
Jumlah	60	100.0

Sumber: Temubual, 18 Jun-3 Julai 2008

#### e. Kaedah pemilikan kenderaan

Bagi usahawan yang menggunakan kenderaan sendiri menyatakan bahawa kenderaan tersebut dibeli dengan pelbagai cara. Sebahagian besar iaitu seramai 45 orang atau 75% responden membeli kenderaan tersebut dengan membuat pinjaman bank, manakala 6 orang atau 10% menyatakan dibeli secara tunai. Adapun bakinya 2 orang atau 3.3% membeli kenderaan dengan kaedah tukar tambah.

**Jadual. 5.13: Kaedah pemilikan kenderaan.**

Kategori	Bilangan	Peratus
Pinjaman bank	45	75
Belian tunai	6	10
Tukar tambah	2	3.3
Sewa dan pinjam	7	11.6
Jumlah	60	100.0

Sumber: Temubual, 18 Jun-3 Julai 2008

#### f. Institusi pembiayaan kenderaan.

Institusi-institusi kewangan yang menjadi sumber pinjaman kepada para usahawan mencakupi institusi kewangan konvensional, selain itu responden juga membuat pinjaman pada Bank Perkreditan selain bank Islam. Ini kerana semua bank menawarkan pinjaman pembiayaan kenderaan. Seramai 33 orang atau 55% dari pada responden menyatakan pernah mendapatkan pembiayaan untuk membeli kenderaan dari bank syari'ah, manakala 5 orang atau 8.3% dari padanya menggunakan pembiayaan kenderaan dari Bank Perkereditan Rakyat. Selain kedua institusi berkenaan para usahawan juga mendapatkan pembiayaan kenderaan dari bank-bank lain seperti Bank Rakyat Indonesia seramai 3 orang atau 5%, Bank Riau seramai 3

orang atau 5% dan 1 orang atau 1.6% dari pada responden mendapat pembiayaan pembelian kenderaan dari pada BNI.

**Jadual 5.14: Institusi pembiayaan kenderaan**

Kategori	Jumlah responden	Peratus
BNI	1	1.6
BPR	5	8.3
BRI	3	5
Bank Riau	3	5
Bank Islam	33	55
Tidak membuat pinjaman bank	15	25
Jumlah	60	100.0

Sumber: Temubual, 18 Jun-3 Julai 2008

Responden yang telah mendapatkan pembiayaan dari bank Islam menjelaskan bahawa selain dari pada bank Islam mereka juga menggunakan bank-bank lain seperti yang tersebut diatas. Bahkan umumnya mereka pernah mendapatkan pembiayaan dari pada bank-bank berkenaan, kerana industri-industri yang mereka terokai sudah ditubuhkan sebelum wujudnya bank Islam.

#### **h. Instrumen pembiayaan kenderaan Bank Islam**

Pembiayaan kenderaan bank Islam diletakkan dibawah instrument *murabahah*, seluruh penerima pembiayaan kenderaan iaitu 33 orang atau 55% dari responden menyatakan bahawa kenderaan-kenderaan tersebut dibeli secara ansuran dari pada bank Islam. Dimana harga yang diterima responden adalah harga asal kenderaan kemudian ditambah dengan keuntungan bank. Petikan temubual berikut menjelaskan perkara tersebut.

Katanya, jual dengan harga di tambah untung, orang bank menyebutkan harga mobil [kreta] nya dan semua-semuanya.(Usahawan C, 28/05/2008)

#### **h. Nilai kenderaan**

Nilai-nilai kenderaan tersebut berbagai-bagai, bergantung kepada jenis kenderaan. Data pada jadual 5.15 dibawah menjelaskan peranan bank Islam dalam pembiayaan kenderaan bagi usahawan IKS mengikut jenis kenderaan. Lori adalah kenderaan yang paling banyak diperolehi responden dengan rincian lori jenis Isuzu atau lori berat dengan muatan kg 2500 sebanyak 8 unit dengan harga yang berbagai, 4 unit atau 12.1% seharga Rp 120 juta, 2 unit atau 6.0% dengan harga Rp 117 juta. Manakala 1 unit atau 3.0% dengan harga Rp115 juta dan 1 unit atau 3.0% unit seharga Rp 110 juta. Lori Mitsubishi adalah jenis lori yang paling banyak diperolehi oleh responden iaitu sebanyak 12 unit dengan harga masing-masing 7 unit atau 21.2% bernilai Rp 135 juta, 2 unit atau 6.0% Rp 133 juta, 2 unit atau 6.0% unit Rp 128 juta dan 1 unit atau 3.0% sehaga Rp 125 juta. Selain lori berkapasiti besar, lori sederhana yang jualan langsung juga termasuk diantara kenderaan pengangkut yang telah diperolehi oleh responden menerusi pembiayaan *murabahah* iaitu lori jenis L 300 sebanyak 7 unit dengan harga per-unit adalah 5 unit atau 15.1% bernilai Rp 75 juta, manakala 2 unit atau 6.0% dari pada jenis tersebut bernilai Rp 67 juta. Sementara lori jenis Espas pula diperolehi sebanyak 3 unit dengan harga masing-masing 2 unit atau 6.0% Rp 60 juta dan 1 unit atau 3.0% unit Rp 62 juta. Kenderaan pengangkut jenis van juga diperolehi dari pada pembiayaan *murabahah* sebanyak 3 unit dengan harga masing-masing 3 unit atau 9.0% unit Rp 55 juta. Selain kenderaan lori dan van terdapat juga pelanggan yang menggunakan pembiayaan *murabahah* untuk membeli motorsikal.



**Jadual 5.15: Nilai kenderaan**

Kategori	Bilangan	Peratusan
<b>Lori Jeni Isuzu</b>		
120 juta	4 unit	12.1
117 juta	2 unit	6.0
115 juta	1 unit	3.0
110 juta	1 unit	3.0
<b>Lori Jenis Mitsubishi</b>		
135 juta	7 unit	21.2
133 juta	2 unit	6.0
128 juta	2 unit	6.0
125 juta	1 unit	3.0
<b>Lori Jenis L 300 7 unit</b>		
75 juta	5 unit	15.1
67 juta	2 unit	6.0
<b>Lori Jenis Espas 3 unit</b>		
60 juta	2 unit	6.0
62 juta	1	3.0
<b>Van 3 unit</b>		
55 juta	3 unit	9.0
Jumlah	33	100.0

Sumber: Temubual, 18 Jun-3 Julai 2008.

#### i. Bilangan kenderaan

Berkaitan dengan bilangan unit yang telah dimiliki oleh responden dari pada pembiayaan *murabahah* bank Islam semuanya menyatakan bahawa mereka hanya memiliki satu unit dari pada kenderaan tersebut, alasannya mereka merasa belum perlu membuat permohonan kedua kerana kenderaan yang sedia ada memadai untuk pengangkutan barangan barangan jadi industri.

Gak, cuma satu tu aja, rasanya belum perlu lagi, ni aja sudah cukup, nanti kalau perlu kita coba ajukan lagi. (Usahawan G, 28/06/2008).

Satu, itu pun dah cukup, ntar kalo perlu baru kita beli lagi, sekarang belum lagi. Yang inipun belum lunas. (Usahawan B, 28/06/2008).

#### **j. Tempoh pembiayaan kenderaan**

Pembiayaan kenderaan memiliki tempoh tertentu yang ditetapkan oleh pihak bank Islam yang tertakluk kepada nilai kenderaan serta deposit yang diberikan semasa pembelian dibuat. Petikan temu bual dengan responden seperti dibawah ini.

3 tahun, masih ada satu tahun setengah lagi, tengok dp [deposit], kalo besar ya sebentar.(Usahawan A, 2/07/2008)

Hal ini dibenarkan oleh pihak bank Islam yang menghadkan pembiayaan kenderaan tidak melebihi dari pada lima tahun. Ini kerana pihak perbankan mengambil kira ketidak stabilan nilai mata wang terutama apabila berlaku kegawatan ekonomi, oleh yang demikian institusi kewangan tidak dapat memberikan tempoh pembiayaan yang lebih lama. Pihak bank menentukan kadar bayaran bulanan dengan mengambil kira tempoh pembayaran tersebut. Jumlah bayaran bergantung kepada harga kenderaan serta tempoh bayaran yang dipilih oleh usahawan.

**Jadual 5.16: Tempoh pembiayaan kenderaan**

Kategori	Bilangan	Peratusan
2-2.5 tahun	7	21.2
3- 4 tahun	10	30.3
5 tahun	16	48.4
Jumlah	33	100.0

Sumber: Temubual, 18 Jun-3 Julai 2008.

Jadual 5.16 diatas menggambarkan pelbagai tempoh yang dipilih oleh usahawan untuk mengembalikan hutang *murabahah* dalam pembiayaan kenderaan.

Untuk mengetahui pandangan serta persepsi responden mengenai peranan perbankan Islam dalam pembiayaan kenderaan penyelidik telah mengemukakan soalan terbuka yang berkaitan dengan perkara tersebut. Secara amnya mereka merasa cukup berpuas hati dengan kaedah yang digunakan oleh bank Islam. Ramai responden menyatakan lebih aman dengan produk instrumen *murabahah* kerana mereka mengetahui harga sebenar kenderaan yang mereka beli.

Bagus, saya rasa lebih selesa, walaupun harganya sama, tapi kalau kita tau harga asal mobil tu kita rasa lebih aman.(Usahawan A, 28/06/2008)

Walaupun sesetengah mereka memberikan saran agar pihak bank lebih mempercepat proses serta mengurangkan persyaratan sehingga lebih mudah namun merasa peranan pembiayaan ini sudah cukup besar.

Bagus juga, sama dengan bank lain, tapi kadang-kadang urusannya agak lama juga.(Usahawan D, 28/06/2008)

Syaratnya banyak juga sih, gaji atau pendapatan bulanan, kita berdagang ni kan gak tetap, kadang banyak kadang sedikit.(Usahawan H, 3/07/2009)

Selain itu terdapat juga cadangan agar tempoh pembiayaan *murabahah* yang diberikan bank Islam ditambah ke tempoh yang lebih panjang seperti tujuh atau sembilan tahun. Tempoh yang digunakan sekarang walaupun digunapakai oleh kebanyakan bank tapi ia dinilai berat oleh usahawan.

Kalau boleh lebih lama saya bagus, karena kita lebih senang, banyar nggak mahal, termasuk juga dp [deposit]. (Usahawan D, 2/07/2008)

### 5.2.3 Peranan Perbankan Islam Dalam Pembiayaan Rumah Atau Premis Perniagaan

#### a. Status premis perniagaan

Premis perniagaan merupakan aspek yang amat penting bagi sebuah usaha, karena premis yang permanen serta kedudukan dikawasan strategik akan memberi nilai tambah dalam perkembangan industri. Sebahagian besar responden temu bual dalam penyelidikan ini ditemu bual di premis-premis perniagaan mereka. Diantara premis tersebut ada yang dimiliki sendiri oleh usahawan dan ada juga yang menyewa. Status premis perniagaan berkenaan secara terperinci dapat dilihat dalam jadual dan carta 5.3 di bawah.


**Jadual. 5.17: Status premis perniagaan**

Kategori	Bilangan	Peratusan
Milik sendiri	47	78.3
Sewa	10	16.6
Premis kerajaan	3	5
Jumlah	60	100.0

Sumber: Temubual, 18 Jun-3 Julai 2008.

Carta 5.3 menjelaskan status premis perniagaan atau usaha para usahawan dimana sebahagian besar iaitu seramai 47 orang atau 78.3% premis-premis berkenaan adalah milik sendiri, manakala seramai 10 orang atau 16.6% responden menyatakan bahwa premis-premis perniagaan yang mereka gunakan disewa. Hanya 3 orang atau 5% dari pada premis-premis tersebut merupakan premis yang dibangun kerajaan yang disewakan dengan kadar yang lebih rendah.

**Carta 5.3 Status Premis Perniagaan**



Premis-premis perniagaan tersebut disewa dari pada individu yang miliki premis berkenaan atau pemaju dengan kadar berpariasi. Sewa perbulan bergantung kepada kawasan dan besar atau kecilnya premis. Bila premis tersebut berada dikawasan tengah bandar, harga sewa biasanya lebih mahal berbanding premis-premis yang berada dikawasan pinggiran bandar. Berikut petikan temubual dari salah seorang usahawan yang menyewa premis perniagaan.

Penyelidik : Dari siapa bapak sewa?PT atau perorangan?

Responden : Perorangan

Berapa sewanya/bulan?

Responden : kita kontrak 1 tahun, 25 juta, ni karena diluar, kalau di Sukajadi[pusat Bandar] lebih mahal. (Usahawan B, 25/06/2008)

#### **b. Institusi pembiayaan premis perniagaan**

Bagi usahawan yang telah memiliki sendiri premis-premis perniagaan menyatakan bahawa premis tersebut dimiliki dengan pelbagai kaedah seperti dibeli secara kredit kepada bank namun ada juga yang membangunnya sendiri secara beransur-ansur karena tapak usaha

berada diatas tanah sendiri. Adapun bank yang memberikan kredit kepada usahawan responden seperti yang dapat dilihat dari jadual berikut.

**Jadual 5.18: Institusi pembiayaan premis perniagaan**

Kategori	Bilangan	Peratus
Bank Islam	31	51.6
BRI	7	11.6
BPR	5	8.3
Bank Riau	2	3.3
Lain-lain	2	3.3
Tidak mendapat pembiayaan	13	21.6
Jumlah	60	100.0

Sumber: Temubual, 18 Jun-3 Julai 2008.

Jadual di atas menjelaskan bahawa seramai 31 orang atau 51.6% usahawan menyatakan telah mendapatkan pembiayaan untuk membeli premis perniagaan dari bank Islam, manakala bakinya menyatakan belum pernah mendapat atau membuat permohonan untuk membeli premis perniagaan kepada bank Islam. Premis mereka dibeli secara angsuran kepada beberapa bank-bank lain iaitu seramai 7 orang atau 11.6 dari pada Bank Rakyat Indonesia, 5 orang atau 8.3% dari Bank Perkreditan Rakyat manakala seramai 2 orang atau 3.3% dari responden mendapat pembiayaan premis dari Bank Riau. Selain itu terdapat juga bank lain yang membiayai pembelian premis responde iaitu BNI seramai 1 orang atau 1.6% dan Bank Mandiri seramai 1 orang atau 1.6%.

### **c. Instrumen pembiayaan premis perniagaan**

Usahawan-usahawan yang telah mendapat pembiayaan membeli premis perniagaan menyatakan mereka menggunakan dua produk yang diperuntukkan oleh bank Islam khas bagi


pembiayaan rumah iaitu *murabahah* dan *ijarah*. Kadar penggunaan kedua instrumen berkenaan ialah seramai 27 orang atau 87% menggunakan instrumen *murabahah*, manakala bakinya 3 orang atau 9.6% mendapatkan pembiayaan menerusi instrumen *ijarah*. Alasan lebih ramai penggunaan instrumen *murabahah* menurut para responden mereka lebih mudah kerana mereka mengetahui harga premis secara keseluruhan seawal pembelian dibuat. Petikan temu bual berikut menggambarkan mengapa kebanyakan responden memilih instrumen pembiayaan *murabahah*.

Saya rasa lebih baik begitu, kita tahu harga, jadi kita bisa ngukur [kewangan],kalo *ijarah* takut harga sewa naik. (Usahawan B, 22/6/2008).

Lebih mudah, kita tau harga, *ijarah* tu sama juga sih, tapi sewakan bisa berubah. (Usahawan D, 22/06/2008).

Carta 5.4 berikut dapat menjelaskan kadar pembiayaan *murabahah* dengan *ijarah* dalam pembiayaan perumahan.

**Carta.5.4: Kadar pembiayaa murabahah**



#### d. Nilai premis

Mengenai harga premis didapati berpariasi, selain disebabkan faktor ukuran, lokasi dan kawasan juga turut mempengaruhi harga-harga premis tersebut. Petikan temu bual berikut dapat menjelaskan perkara tersebut.

Saya beli Rp 180 juta, harga macam-macam, ada yang lebih mahal, kalau besar mahal, kadang-kadang tengok lokasinya juga.(Usahawan D, 2/07/2008).

Selian ukuran dan lokasi, harga premis-premis tersebut juga ditentukan oleh bilangan tingkat bangunan.

Kalau bertingkat 2 lebih mahal, sampai Rp 350 an juta bahkan ada juga lebih mahal. (Usahawan B, 2/07/2008)

**Jadual. 5.19: Nilai premis-premis perniagaan dalam juta Rupiah**

Kategori	Bilangan	Peratusan
Rp 145	17	54.8
Rp 150	6	19.3
Rp 175	5	16.1
Rp 180	3	9.6
Jumlah	31	100.0

Sumber: Temubual, 18 Jun-3 Julai 2008.

Sebahagian besar premis-premis yang dimiliki oleh usahawan adalah premis satu tingkat kerana harganya lebih murah, selain faktor harga terdapat juga responden menyatakan tidak berminat tinggal dibahagian atas premis sebagaimana kebanyakan premis perniagaan kerana tidak selesa.



**Jadual 5.20: Jenis premis mengikut tingkat**

Kategori	Bilangan	Peratusan
1 tingkat	25	80.6
2 tingkat	6	19.3
Jumlah	31	100.0

Sumber: Temubual, 18 Jun-3 Julai 2008.

**e. Bilangan unit premis perniagaan**

Sebahagian dari pada responden menyatakan bahawa mereka miliki premis lain selain dari pada premis yang sedia ada. Premis-premis tersebut ada yang disewakan dan ada juga yang digunakan untuk memasarkan barangan-barangan keluaran industri sendiri. Dari pada 31 orang usahawan seramai 8 orang atau 25.8% dari padanya menyatakan memiliki premis lain yang dibiayai oleh bank Islam, manakala 25 orang atau 80.6% lagi menyatakan hanya memiliki satu unit premis iaitu premis yang sedang digunakan.

**Jadual. 5.21: Bilangan unit premis yang dimiliki responden**

Kategori	Bilangan	Peratusan
1 unit	25	80.6
2 unit	8	25.8
Jumlah	31	100.0

Sumber: Temubual, 18 Jun-3 Julai 2008.

**f. Kadar ansuran hutang pembiayaan premis**

Para usahawan membayar hutang premis berkenaan secara ansuran kepada bank. Kadar bayaran bulanan mengikut harga premis, tempoh pembayaran dan deposit Secara terperinci kadar-kadar bayaran bulanan yang dibayar oleh para usahawan kepihak bank Islam dapat dilihat dalam jadual berikut.

**Jadual. 5.22: Kadar bayaran bulanan premis dalam juta Rupiah**

Kategori	Bilangan	Peratusan
1.000.000 – 1.300.000	15	48.3
1.300.000 – 1.500.000	7	22.5
1.500.000 – 1.700.000	6	19.3
1.700.000 – 2.000.000	3	9.6
Jumlah	31	100.0

Sumber: Temubual, 18 Jun-3 Julai 2008.

Dari jadual diatas dapat dilihat seramai 15 orang atau 48.3% dari pada usahawan membayar hutang *murabahah* kepada bank Islam dengan kadar dari Rp 1.000.000 sehingga 1.300.000. Sedangkan 7 orang atau 22.5% pula membayar secara ansuran dengan kadar Rp 1.300.000-1.500.000. Manakala 6 orang atau 19.3% membayar sebanyak Rp 1.500.000-1.700.000 dan bakinya 3 orang atau 9.6% sebanyak Rp 1.700.000-2.000.000.

Kebanyakan usahawan lebih memilih kadar bayaran yang rendah setiap bulan walaupun tempohnya lebih lama, alasan yang mereka berikan adalah pendapatan yang tidak stabil, terutama apabila keadaan ekonomi tidak baik dimana permintaan terhadap barangan jadi menurun. Keadaan itu akan menyukarkan para usahawan untuk membayar hutang.

Kita orang berdagang ni begitu, kadang naik kadang turun, kalau lagi naik banyak, tapi kalau turun susah, kita nggak berani punya hutang besar, ntar gak kebayar. (Usahawan A ,2/07/2008)

#### **j. Tempoh pembiayaan premis**

Tempoh pembayaran dibuat oleh pelanggan berdasarkan pencapaian dan keadaan kewangan, bagi yang mempunyai kewangan yang kukuh mereka memilih menyelesaikan hutang berkenaan dalam tempoh yang lebih singkat. Namun bila kewangannya tidak menentu mereka

lebih menyukai tempoh yang lama. Jadual dibawah memperlihatkan tempoh bayaran hutang *murabahah* para responden kepada Bank Islam.

**Jadual. 5.23: Tempoh pembayaran premis**

Kategori	Bilangan	Peratusan
9 Tahun	18	58
8 tahun	6	19.3
7 tahun	4	12.9
6 tahun	3	9.6
Jumlah	31	100.0

Sumber: Temubual, 18 Jun-3 Julai 2008.

Mengenai pembiayaan rumah atau premis perniagaan ini pengkaji juga telah memintah pandangan dari pada responden, umumnya mereka berpuas hati dengan sistem dan kaedah yang digunakan oleh bank Islam. Walau bagaimanapun terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan berkenaan tempoh pembiayaan. Perbankan disarankan lebih meperpanjang tempoh bayaran balik hutang *murabahah*, walaupun kadar bayaran sekarang tidaklah terlalu tinggi bila dibandingkan dengan kadar bayaran pada bank-bank lain, tapi jika tempoh lebih panjang ia akan memberikan banyak peluang kepada para usahawan.

### **5.3.Kesimpulan**

Institusi kewangan memainkan peranan penting dalam mendorong pembangunan dan pengembangan sektor industri secara berterusan dalam pelbagai aspek, sama ada modal, teknologi, pengangkutan mahupun dalam penyediaan infrastruktur penyokong. Dalam hal ini bank Islam sebagai bahagian dari pada institusi kewangan yang bertanggung jawab menyalurkan wang hasil dari pada pelbagai jenis simpanan pelanggan telah memperlihatkan peranan yang signifikan. Dari huraian diatas dapat ditarik satu kesimpulan bahawa perbankan

Islam telah memainkan peranan yang cukup besar dalam pengembangan sektor industri kecil dan sederhana khususnya dalam aspek pembiayaan modal yang mencakupi pembiayaan peralatan, pembiayaan kenderaan dan pembiayaan premis perniagaan. Secara terperinci peranan perbankan Islam dalam pembiayaan modal usahawan industri kecil sebagai berikut.

a. Peralatan

Perbankan Islam telah memberikan peranan dalam pembiayaan 15 orang dari pada 60 usahawan IKS atau sebesar 28.3 peratus untuk membeli perlbagai peralatan seperti mesin penggiling, mesin pembuat barangan dari besi, peti sejuk dan sebagainya.

b. Kenderaan

Dalam hal pembiayaan kenderaan telah memberikan sebanyak 33 dari pada 60 orang usahawan pelanggan bank Islam, atau disekitar 55 peratus pembiayaan untuk membeli kenderaan pelbagai jenis yang terdiri dari pada lori serta van yang digunakan oleh para usahawan untuk mengangkut barangan-barangan mentah mahupun barangan jadi.

c. Perumahan atau premis perniagaan.

Seramai 31 orang dari pada 60 orang usahawan atau 52 peratus pelanggan bank Islam telah mendapatkan pembiayaan untuk membeli premis perniagaan untuk kegunaan usaha dan penjualan barangan-barangan yang telah dihasilkan. Jadual 5.24 dibawah memperlihatkan kadar dan jumlah pembiayaan *murabahah* yang diberikan oleh bank Islam dalam pembiayaan peralatan, kenderaan dan perumahan.

**Jadual 5.24 Jenis-jenis dan kadar peratusan pembiayaan murabahah Bank Islam**

Jenis Pembiayaan Murabahah	Ya	Tidak	Jumlah
Pembiayaan pembelian peralatan	17 (28.3%)	43 (71.6%)	60 (100%)
Pembiayaan pembelian kenderaan	33 (55%)	27 (45%)	60 (100%)
Pembiayaan premis perniagaan	31 (51.6%)	29 (48.3%)	60 (100%)

Universiti Malaysia

## **BAB VI**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **6.1 Pengenalan**

Data emperikal dari pada kajian ini menunjukkan bahawa perbankan Islam mempunyai peranan cukup besar dalam pengembangan industri kecil sederhana di Kota Pekanbaru terutama menerusi instrumen pembiayaan berasaskan *murababah*. Instrumen *murababah* merupakan satu mekanisme pembiayaan Islam untuk keperluan modal kerja seperti pembiayaan peralatan, pembiayaan kenderaan dan pembiayaan perumahan atau premis perniagaan.

Pada bab ini akan dirumuskan dapatan kajian yang telah dibentangkan dalam bab 5. Perbincangan menyediakan asas dan hala tuju dalam menyusun cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam bahagian kedua bab ini.

#### **6.2 Rumusan Dapatan Kajian**

##### **6.2.1 Konsep Industri Kecil dan Sederhana**

Industri kecil dan sederhana merupakan unit usaha yang dapat dilihat dari pelbagai aspek seperti permodalan yang dimiliki, jumlah pekerja, serta pendapatan pertahun. Diantara definisi mengikut aspek yang telah disebutkan menyatakan bahawa industri kecil dan sederhana adalah usaha yang memiliki jumlah tenaga kerja tidak melebihi 10 orang. Di Indonesia industri kecil merupakan sebutan kepada usaha yang memiliki 4 sehingga 19 orang pekerja. Permasalahan yang banyak dihadapi oleh industri kecil dan sederhana adalah masalah

modal yang mencakupi modal tunai, modal peralatan atau teknologi, pengangkutan, premis perniagaan, kepakaran serta pasaran.

### **6.2.2 Konsep Murabahah**

*Murabahah* merupakan salah satu diantara konsep jual beli dalam Islam. Diantara ciri khas konsep ini adalah penjelasan mengenai harga barangan serta keuntungan yang diperolehi, aspek ini membezakan *murabahah* dengan jual beli lazim. Dalam fiqh *murabahah* disebut juga dengan istilah jual beli amanah, karena penjual berkewajiban menyebutkan segala perkara yang berkaitan dengan barangan tanpa mengandungi apa-apa unsur penipuan.

*Murabahah* boleh berlaku atas dua sebab iaitu atas kerelaan penjual untuk menyatakan harga barangan serta jumlah keuntungan atau boleh juga berlaku atas permintaan salah satu pihak yang ingin memiliki barangan tertentu dengan melantik pihak kedua sebagai wakil dari padanya untuk membeli barangan berkenaan dengan satu janji beli dengan harga yang melibatkan kos dan keuntungan. ia dikenal juga dengan *bay' al-murabahah li al-amir bi al-syira'*.

### **6.2.3 Aplikasinya Dalam Bank Islam**

Bank Islam adalah institusi kewangan yang menjalankan aktivitinya berdasarkan kepada hukum Islam. Ia merupakan manifestasi dari pelaksanaan hukum Islam dalam bidang ekonomi. Perbankan Islam menggunakan sistem-sistem ekonomi Islam yang dirumus menjadi kaedah-kaedah modern. Diantara konsep yang digunakan secara meluas dalam perbankan Islam jual beli dengan konsep *murabahah*, ia merupakan jual beli dengan harga asal ditambah

dengan keuntungan, secara umum konsep ini merupakan alternatif kepada kaedah pinjaman yang terdapat dalam bank konvensional. Bank Islam tidak dapat memberikan pinjaman dalam bentuk wang karena akan melibatkan institusi berkenaan dengan amalan riba.

#### **6.2.4 Peranan Bank Islam Dalam Pengembangan Industri Kecil dan Sederhana.**

##### **6.2.4.a Peranan Perbankan Islam Dalam Pembiayaan Peralatan**

Perbankan Islam telah memberikan pembiayaan yang cukup besar untuk keperluan pembelian peralatan bagi responden kajian. Sebanyak (25%) dari responden 60 (100%) orang responden telah menikmati kesan dari pada pembiayaan tersebut iaitu merupakan kemudahan untuk mendapatkan barangan modal seperti peralatan yang mencakupi peralatan pembakar roti (33.3%), dari keseluruhan pembiayaan peralatan, mesin penggiling (26.6%), peti penyejuk (20%), mesin bubut pembuat paku dan barangan berasaskan besi (13.3%) dan mesin pemotong kayu sebanyak (6.6%).

##### **6.2.4.b Peranan Perbankan Islam Dalam Pembiayaan Kenderaan**

Secara umum perbankan Islam telah memainkan peranan yang sangat penting dalam pembiayaan kenderaan bagi keperluan pengangkutan oleh para usahawan industri kecil dan sederhana di kota Pekanbaru, Riau. Pembiayaan tersebut mencakupi pembiayaan pembelian lori dengan pelbagai jenis serta kenderaan pengangkutan lainnya. Kajian terhadap pembiayaan bank Islam menerusi instrumen *murabahah* dapat dirumuskan seramai 33 (55%) orang dari pada responden kajian telah menerima pembiayaan untuk membeli kenderaan dari bank syari'ah menerusi instrumen *murabahah* dalam pelbagai jenis seperti lori dari jenis Isuzu dengan berat dengan muatan lebih kurang 2500 kg, lori jadi jenis Mitsubishi iaitu lori dalam



berat muatan yang sama, lori jenis L 300 dan juga van. Setiap responden telah memiliki satu unit dari jenis lori tersebut melalui pembiayaan murabahah.

#### **6.2.4.c Peranan Perbankan Islam Dalam Pembiayaan Premis Perniagaan**

Dalam aspek pembiayaan premis perniagaan bank Islam telah memberikan sebanyak 31 pembiayaan yang mencakupi pembiayaan bagi membeli premis-premis perniagaan bagi usahawan industri kecil dan sederhana di kota Pekanbaru. Diantara responden ada yang telah memiliki dua premis dari pada pembiayaan *murabahah*. Premis-premis tersebut ada yang satu tingkat dan ada pula diantara usahawan memiliki peremis yang dua tingkat. Hutang *murabahah* dibayar secara angsuran kepada bank Islam dengan kadar angsuran yang terjangkau oleh pendapatan para responden.

### **6.3 Cadangan**

Cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam kajian ini adalah berdasarkan rumusan kajian yang telah dikemukakan termasuk cadangan dari pada pihak bank. Kebanyakan cadangan yang diutarakan bukanlah perkara baru tapi telahpun di dengar dari pada pelbagai pihak termasuklah usahawan industri kecil dan sederhana sendiri.

Dapatan menunjukkan bahawa bank Islam telah memainkan peranan yang cukup signifikan dalam pembiayaan peralatan, namun jumlah pembiayaan tersebut masih terlalu kecil, sebahagian besar responden masih menggunakan khidmat perbankan konvensional walaupun pada masa yang sama mereka sudah menjadi pelanggan kepada bank Islam. Untuk meningkatkan peranan bank dalam pembiayaan peralatan ini telah dikemukakan pelbagai cadangan terutama oleh responden usahawan.

1. Bank Islam mempertingkatkan promosi.

Cadangan ini adalah untuk memperkenalkan konsep perbankan Islam kepada masyarakat lebih luas terutama sekali kalangan usahawan. Selama ini kewujudan pembiayaan dalam bentuk murabahah belum lagi dikenal secara meluas, apatahlagi wujud persaingan dari pada institusi kewangan konvensional yang juga menawarkan pelbagai kelebihan.

2. Mempermudah persyaratan

Persyaratan yang terlalu banyak termasuk diantara masalah yang membuat para usahawan menimbang semula permohonan pembiayaan bank Islam, kerana terdapat diantara persyaratan tersebut sukar untuk diperolehi seperti surat pendapatan bulanan dan surat izin usaha. Sebagaimana dijelaskan pada bab 4 bahawa sebgaiian besar usahawan tidak memiliki izin usaha.

3. Tempoh pembiayaan yang lebih panjang.

Masalah yang banyak dihadapi oleh pelanggan bank di Indonesia adalah tempoh pembiayaan yang terlalu singkat yang menyebabkan jumlah bayaran bulanan tinggi. Bila institusi kewangan dapat memberikan tempoh yang lebih lama ia akan memberikan kesan kepada sektor-sektor industri.

4. Mempercepat proses mendapatkan pembiayaan

Proses yang singkat bukan sahaja penting tapi juga termasuk diantara faktor yang dapat menarik minat pelanggan. Untuk kelulusan satu pembiayaan bank Islam perlu mempersingkat proses kelulusan kerana hal ini akan menarik lebih ramai para usahawan yang sebahagiannya memerlukan pembiayaan dalam kadar yang segera.

## 5. Memperlbagakan produk

Keperluan usaha lebih luas dari pada kemudahan yang disediakan oleh institusi kewangan termasuk bank syari'ah. Setakat ini bank Islam tidak mempunyai peruntukkan untuk pembiayaan pembelian stok barangan, barangan jadi dan lain sebagainya dibawah instrumen *murabahah*. Diharapkan dimasa hadapan bank Islam dapat lebih memperluas skop pembiayaan sehingga mencapai pelbagai aspek.

## 6.4 Kesimpulan

Kewujudan perbankan Islam sebagai bahagian dari pada institusi kewangan yang bertujuan menggerakkan sektor-sektor produktif patut dimanfaatkan dalam usaha memperluas jaringan pembiayaan sektor industri kecil dan sederhana dalam rangka membangun sektor berkenaan ketahap yang lebih maju terutama dikawasan kajian. Ini diperlukan karena pembiayaan perbankan Islam mempunyai pontensi dan peluang memainkan peranan lebih besar dalam pembangunan sektor berkenaan.

Dapatan kajian yang telah dihuraikan menggambarkan peranan yang diberikan perbankan Islam dalam pengembangan industri kecil dan sederhana di Kota Pekanbaru, Riau sama dari aspek pembiayaan pembelian barangan dan peralatan pengeluaran, pembelian kenderaan untuk keperluan pengangkutan mahupun untuk pembiayaan premis-permis perniagaan. Walaupun secara umum kadar ini masih kecil namun kewujudkan perbankan Islam dapat menjadi salah satu sumber pembiayaan modal yang pada masa ini amat diperlukan.

Walau bagaimanapun usaha sosialiasi yang melibatkan pelbagai pihak perlu diperluas untuk lebih memperkenalkan sistem perbankan Islam kepada masyarakat luas terutama para

usahawan IKS, kerana sehingga masa ini masih ramai para usahawan yang tidak mengetahui cara kerja serta kemudahan-kemudahan yang ditawarkan oleh perbankan Islam.

Universiti Malaya

## BIBLIOGRAFI

### A. RUJUKAN BAHASA ARAB

- Al-Ghazali 'Abd al-Hamid(1989), *Al-Insan Asasu al-Manhaj al-Islami Fi al-Tanmiyah al-Iqtisadiyah*. Mansurah: Dar al-Wafa'.
- 'Abd al-Sami' al-Misri (1988), *Al-Masraf al-Islami 'Ilmiyyan wa 'Amaliyyan*. Al-Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Dusuqi (t.t), *Hasyiya al-Dusuqi 'Ala al-Syarh al-Kabir*, j.3. Misr: 'Isa al-Babi al-Halabi wa Syurakaih.
- Al-Kasani (t.t), *Bada'i' al-Sana'i' Fi Tartib al-Syara'i'*, j.7. Al-Kaherah: Matba'ah al-Imam.
- Al-Khadiri Muhsin Ahmad (t.t), *Al-Bunuk al-Islamiyyah*. Kaherah: Aitarak li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Al-Imam Abi Zakariyya Yahya Bin Syarf al-Nawawi (t.t), *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*, j. 9,10. Maktabah al-'Ilm.
- Al-Syaukani (t.t) *Nail al-Autar*, j.5. al-Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.
- Baballili Mahmud Muhammad (1989), *Al- Masarif al-Islami Darurah Hatmiyyah*. Beirut: Maktabah al-Islami.
- Hasanaini, Fayyed 'Abd al-Mun'im (1996), *Bay' al-Murabahah Fi al-Masarif Al-Islamiyyah*. Kaherah: al-Ma'had al-Islami Li al-Fikr al-Islami.
- Hasan Yusuf Daud (2005), *Al-Masraf al-Islami li al-Istithmar al-Zira'i: Namuzaj Muqtarih*, (cet. 1). Misr: Dar al-Nasyr li al-Jami'at.
- Ibn Qudamah (1992), *Al-Mughni*, j. 6. al-Kaharah: li a-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tauzi' wa al-I'lan.
- Ibn Qudamah (2001), *Al-Kafi fi Fiqh al-Imam Ahmad Bin Hanbal*, j. 2. Beirut Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Humam (t.t), *Syarh Fath al-Qadir*. Misr: Syirkah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladiah
- Ja'far al-Jazari (t.t), *Al-'Amaliyyat al-Bankiyyah Mubassatah wa Mufassalah*. Beirut, Lubnan: Dar al-Nafa'is.
- Muhammad Amir Shabra (1981), *Nahw Nizam Nuqudi 'Adil: Dirasah li al-Nuqud wa al-Masarif wa al-Siyasah al-Nuqdiyah fi Du'i al-Islamiyyah*, (cet. 3). Al-Wilayah al-Muttahidah al-Amrikiyyah: Al-Ma'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami.

- Mahmud Muhammad Babulli (1989), *Al-Masarif al-Islamiyyah: Darurah Hatmiyyah*. Beirut: Al-Maktabah al-Islami.
- Muhammad al-Khatib al-Syarbini (t.t), *Mughni al-Muhtaj*, j. 2. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Rafiq Yunus al-Masri, Muhammad Riyad al-Ubrus (1999), *Al-Riba wa al –Fa'idah, Dirasah Iqtisadiyyah Muqaranah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Sami Hasan Ahmad Mahmud (1991), *Tatwir al-A'mal al-Masrafiyyah Bima Yattafiqu al-Syari'ah al-Islamiyyah*, (cet. 3). Al-Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.
- Syihab al-Din Ahmad Ibn Idris al-Qurafi (1994), *Al-Dhakhirah*, j. 5. Bairut: Dar al-Garbi al-Islami.
- Wahabah Zuhaili (2002), *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, j. 5. Beirut Lubnan: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Yusuf Kamal Muhammad (1998), *Al-Masraf al-Islamiyyah: Al-Asas al-Fikri* (cet. 3). Al-Kaherah: Dar al-Nasyr li al-Jami'ah.

## **B. RUJUKAN BAHASA MELAYU**

- Ab Mumin Ab Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abd Mumin Abd Ghani (2002), “ Konsep Pengagihan Dapatan Dan Kekayaan Menurut Perspektif Islam”. *Monograf Syari'ah*: Bil 2.
- Abd Rashid Bin Haji Dail (1994), *Bank Islam*. Bandarbaru Bangi, Selangor: Pustaka Rashfa Sdn Bhd
- Adiwarman Karim(2004), *Bank Islam Analisis Fiqh dan Kewangan*, (ed 2). Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Al-Bahiy Muhammad(1985), *Masalah-masalah Pembangunan Dalam Perspektif Islam*. Jakarta: Integrita Press.
- Ataul Huq Pramanik (1998), *Pembangunan Dan Pengagihan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Anggia Murni (2000), *Perkembangan Agro Industri Skala Kecil Propinsi Riau. Pekanbaru*”, (Disertasi, Jurusan Sosial Ekonomi Pertanian (Agrobisnis) Fakultas Pertanian Universitas Riau)
- Abdul Jabbar Abdullah (2001), *Industri Kecil dan Sederhana Malaysia Dalam Ekonomi Global*”, (Disertasi Sarjana Ekonomi. Kuala Lumpur: Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya).

- Azilah Binti Md Noh (2003), "Pembiayaan Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS): Pelaksananya di Bank Pembangunan Dan Infrastruktur Malaysia Berhad. (Kertas Projek, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi Pengajian Islam Universiti Malaya)
- Apizal Binti Md Nor (2003), "Pembiayaan Perdagangan di Bank Islam Malaysia Berhad", (Kertas Projek, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)
- Efrinaldi (2001), *Studi Ekonomi Islam I Telaah Kritis Konsepsi Islam Dalam Isu-isu Penting Ekonomi Masa Kini*. Jakarta: Nuansa Madani
- Fitrianto (2006), Analisis Pelaksanaan Prinsip Al-Mudharabah Oleh Bank Syari'ah Mandiri dan Bank Muamalat Indonesia Cawangan Pekanbaru, Riau, Indonesia, (Disertasi Sarjana Syari'ah, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)
- Ganewati Wuryandari (1997), "Liberalisasi Perdagangan dan Investasi APEC 2020: Peluang dan Kendala Usaha Kecil dan Menengah," *Analisis CSIS*, Vol 26, No. 3, Mei-Juni 1997.
- Hydzulkifli Hj Hashim (2004), Pembiayaan Perdagangan Islam Dalam Sistem Perbankan: Kajian Perbandingan Antara Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Bank Islam Malaysia Berhad, (Disertasi Sarjana Syari'ah, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)
- Jomo K.S (2001), *Alternatif Ekonomi Islam Perspektif Kritis Dan Haluan Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Joni Tamkin Borhan (2001), "Isu-isu Syaria'h Dalam Sistem Perbankan Syari'ah", *Jurnal Pemikir*, Bil 26.
- \_\_\_\_\_ (2001), Sistem Perbankan Islam di Malaysia: Sejarah Perkembangan, Prinsip dan Amalannya, *Jurnal Ushuluddin*, Bil 14.
- Mervin K. Lewis, Latifah M. Algaoud (2003), *Perbankan Syari'ah* (terj. Burhan Wira Subarata). Jakarta: PT Serambi Ilmu Semesta.
- Mustafa Dakian, *Sistem Kewangan Islam Instrumen, Mekanisme, dan Pelaksananya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributors Sdn Bhd.
- Muhammad Syafi'I Antonio (2001), *Bank Syari'ah Dari Teori ke Praktek*. Jakarta: Gema Insani Press
- Martani Huseini, Sudarsono Hardjosoekarto, Heru Nurasa, Threesye Mariman (1993), "Pengembangan Usaha Berskala Kecil di Indonesia", *Analisis (CSIS)*, Tahun XXII, No.2, Mac-April 1993. 84-90.
- Muhammad(2002), *Manajemen Bank Syari'ah*. Unit Penerbit Dan Percetakan (UPP)AMPYKPN: Yogyakarta.
- Nopirin (1997), *Pengantar Ilmu Ekonomi Makro&Mikro*. Yogyakarta: BPFE Yogyakarta.

- Nurkhalis (2006), "Murabahah Sebagai Instrumen Pembiayaan Islam: Konsep dan Pelaksanaannya di Baitul Mal Wattamwil (BMT), Yogyakarta, Indonesia", (Disertasi Sarjana Syari'ah, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)
- Nooraini Mohd Nor (2000), "Konsep Pelaksanaan Skim Mudharabah dan Murabahah Dalam Sistem Perbankan Tanpa Faedah Di bank Islam Malaysia Berhad", (Kertas Projek, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi Universiti Malaya)
- Norasikin Othman (2004), "Sistem Perbankan Islam: Peranannya dan Cabaran Dalam Menghadapi Era globalisasi", (Kertas Projek Jabatan Syari'ah Dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Univesiti Malaya)
- Nuriman Hasibuan (1981), "Tingkat Kosentrasi Industri di Indonesia: Studi Singkat Tentang Struktur dan Performans Pasar", *Masyarakat Indonesia*, Vol.VIII, No. 1, Juni 1981.
- Rustian Kamaluddin (1990), "Masalah dan Upaya Pengembangan Kehidupan Perekonomian Rakyat di Sumatra Barat", *Ekonomi dan Keuangan Indonesia*, Vol. 38, No. 2, 1990.
- Sofyan (2004), "Peranan Perbankan Islam Dalam Pembangunan Sosio Ekonomi di Daerah Nangro Aceh Darussalam", (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi Universiti Malaya)
- Sukardi Rinakit (1993), "Upah Pekerja, Biaya Pendidikan dan Kualitas Penduduk Masa Depan", *Analisis CSIS*, Vol
- Suyuti Hasibuan (1993), "Pertumbuhan Penduduk, Tenaga Kerja, Kesempatan Kerja, 1961-1971", *Ekonomi dan Keuangan Indonesia*, Vol. 21, No. 2, Juni 1993.
- Soewito (1989), "Pengembangan Teknologi di Sektor Industri", *Ekonomi dan Keuangan Indonesia*, Vol. 38, No. 1, 1989.
- Suyuti Hasibuan (1985), "Pertumbuhan Ekonomi dan Kesempatan Kerja Dalam PELITA IV: Beberapa Perkiraan", *Ekonomi dan Keuangan Indonesia*, Vol. 33, No. 1, March 1985.
- Tim Pengembangan Perbankan Syari'ah Institut Bankir Indonesia (2001), *Konsep, Produk Dan Implementasi Operasional Bank Syari'ah*. Jakarta: Penerbit Djembatan.
- Thee Kian Wie (1985), "Industrialisasi dan Kesempatan Kerja di Indonesia", *Masyarakat Indonesia dan Majalah Ilmu-ilmu Sosial Indonesia*, Vol.12 (1), April 1985. Jakarta: Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia.
- Wan Mohd Nazwan Wan Mahmud (2003), "Produk Bay' Bithamani Ajil (BBA) Dalam Bank Muamalat Malaysia Berhad", (Disertasi Sarjana Syari'ah, Akademi Pengajian Islam, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi, Universiti Malaya)
- Zaharah Bt M. Zuhri (2004), "Pembiayaan Perdagangan Menurut Prepektif Islam: Kajian di Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad", (Kertas Projek, Jabatan Syari'ah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)



### C. RUJUKAN BAHASA INGGRIS

- A.Sidarto (1977), "The Development of Small Scale Fisheries in Indonesia", *Ekonomi dan Keuangan Indonesia*, Vol. 25, No. 1, March 1977.
- Abdullah Azim Ilahi(1988), *Economic Concept of Ibn Taimiyah*. UK: The Islamic Foundation.
- David Evans (1988), "Survey of Recent Development", *Bulletin of Indonesian Economic Studies*, Vol. 24, No. 3, December 1988.
- Jonathan Ebere Ezeanyagu (1980), "Small Industri Development: The Nigerian Experience", *Small Industry Journal*, Vol. 13, No.1.
- Joni Tamkin Borhan (2004), "The Agent-Manager's Conduct Of Mudharabah Contract In Islamic Comercial Law", *Jurnal Syari'ah* (Bil 1) Jil 12.
- Jaap C. Jansen, Arie Kuyvenhoven (1987), "Capital Utilisation in Indonesian Medium and Large Scale Manufacturing", *Bulletin of Indonesian Economic Studies*, Vol. 23, No. 1, April 1987.
- Muhammad Ramzan Akhtar (1997), "Partnership Financing Of Micro Enterprises", *International Journal of Social Economics*, Vol. 24, No 12. MCB University Press.
- Masudul Alam Choudhury (2002) "Microenterprise Depelovment Using Islamic Financing and Organizational Instruments Modality and Practicum", *International Journal of Social Economic*, Vol. 29 No ½. MCB UP Limited.
- Mabid Ali al-Jarhi (2005), "Islamic Finance and Development", in Muhammad Iqbal and Ausaf Ahmad (eds.). Palgrave Macmillan.
- Mei Pheng Lee, Ivan Jeron Detta (2007), *Islamic Banking and Finance Law*. Selangor: Peapson Longman.
- Muhammad Ayub (2007), *Understanding Islamic Finance*. England: John Wiley&Son, Ltd.
- Richard E. Gibson (1986), "Selection And Evaluation of Small Scale Rural Infrastructure Projects", *Buletin of Indonesia Economic Studies*, Vol. 22 (1).
- R.H. McLeod (t.t), *Concessional Credit for Small Scale Enterprise: A Comment*.
- Thee Kian Wie (1982), "Pembangunan Ekonomi Indonesia di Bawah Pemerintahan Orde Baru", *Masyarakat Indonesia, Majalah Ilmu-ilmu Sosial Indonesia*, Vol. 9 (1), Jun 1982.
- Tulus Tambunan (1990), "Small Scale Industries in Indonesia", *Ekonomi dan Keuangan Indonesia*, Vol. 38, No. 3, 1990.
- Torben M. Roepstorff (1985), "Industrial Development in Indonesia: Performance and Prospects", *Bulletin of Indonesian Economic Studies*, Vol. 21 (1), April 1985.

#### D. RUJUKAN DARI PADA LAMA WEB

Wikipedia, [http://id.wikipedia.org/wiki/Sejarah Indonesia \(1968-1998\)](http://id.wikipedia.org/wiki/Sejarah_Indonesia_(1968-1998)). Dirujuk pada 25 May 2008.

EkonomiTerbuka,  
<http://tutor.com.my/tutor/arkib2002.asp?e=STPM&s=EKO&b=MAC&m=NOTA>. Dirujuk pada 25 May 2009

Departemen Koperasi. <http://www.dekop.go.id>. Dirujuk pada 23 Mei 2007.

Laman web resmi Kementrian KUKM, <http://www.depkop.go.id>, dirujuk pada 20 April 2006.

Republika, [Http://\\_www.republika.co.id/koran detail asp?id=260703&kat id=256&kat id1=&kat id2=](Http://_www.republika.co.id/koran_detail.asp?id=260703&kat_id=256&kat_id1=&kat_id2=). Dirujuk pada 26 Januari 2007.

Industri, . [http://organisasi.org/taxonomy\\_menu/2/36](http://organisasi.org/taxonomy_menu/2/36). dirujuk pada 21 May 2009.

Aloysius Gunadi Brata (2003), “Distribusi Spasial UKM di Masa Krisis Ekonomi”, Artikel-Th. II, No. 8, [http://www.ekonomirakyat.org/edisi\\_20/artikel\\_7.htm](http://www.ekonomirakyat.org/edisi_20/artikel_7.htm). dirujuk pada 25 April 2007

Sentralisasi, [http://organisasi.org/definisi-pengertian-sentralisasi-dan -desentralisasi-ilmu-ekonomi-manajemen](http://organisasi.org/definisi-pengertian-sentralisasi-dan-desentralisasi-ilmu-ekonomi-manajemen). dirujuk pada 21 May 2009.

The World Bank, Mendukung Usaha Kecil dan Menengah”. [http://www.siteresource, worldbank.org/ intiindonesia/resource/publiacation/280016](http://www.siteresource.worldbank.org/intiindonesia/resource/publiacation/280016). di rujuk pada 16 November 2006.

Sabri Haron, “Sistem Ekonomi Islam dan Sistem Ekonomi Konvensional: Suatu Perbandingan, <http://www.parti-pas.org>. Dirujuk pada 25 juli 2006.

KH Mas Mansur, [http://id.wikipedia.org/wiki/KH\\_Mas\\_Mansur](http://id.wikipedia.org/wiki/KH_Mas_Mansur). Di rujuk pada 25 May 2009.

Liberal, [http://en.wikipedia.org/wiki/Liberal\\_movements\\_within\\_Islam](http://en.wikipedia.org/wiki/Liberal_movements_within_Islam). di rujuk pada 25 May 2009.

Perbankan Islam di Indonesia, <http://sharialearn.wikidot.com/perumarfarouk001>. dirujuk pada 21 May 2009.

Definisi Atau Pengertian Sentralisasi dan Desentralisasi-Illmu Ekonomi Manajemen; <http://organisasi.org/definisi-pengertian-sentralisasi-dan-desentralisasi-ilmu-ekonomi-manajemen>. dirujuk pada 21 May 2009.

Laman web Badan Pusat Statistik Pekanbaru; [http://riau.bps.go.id/publikasi-online/riau-dalam-angka/bab-I-keadaan geografis.htm/](http://riau.bps.go.id/publikasi-online/riau-dalam-angka/bab-I-keadaan_geografis.htm/). dirujuk 16 July 2008.

Riaupos, [www.riapos.com](http://www.riapos.com). dirujuk pada 7 April 2008.

Laman web Bank Muamalat Indonesia. [www.bankmuamalat.com](http://www.bankmuamalat.com) . dirujuk pada 2 Mac 2008.

Laman wab Bank Syari'ah Mandiri, <http://www.syariahmandiri.co.id>, di rujuk pada 19 July 2008.

#### **E. RUJUKAN DARI PADA TEMUBUAL**

Temubual dengan Cik Sunarti, Timbalan Pengarah Bank Syari'ah Mandiri Cawangan Pekanbaru, Pada 19 Jun 2008, Di Pejabat Bank Syari'ah Mandiri Cawangan Pekanbaru, Riau.

Temubual Dengan Bapak Adi Wandra, Pegawai Bahagian Personalia, Bank Muamalat Indonesia Cawangan Pekanbaru, Pada 19 Jun 2008. Di Pejabat Cawangan Bank Muamalat Indonesia Pekanbaru, Riau.

Temubual Dengan Cik Erda Yanti, Pegawai Bahagian Industri, Jabatan Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru, Pada 23 Jun 2008. Di Pejabat Jabatan Perindustrian dan Perdagangan Kota Pekanbaru.

#### **F. RUJUKAN KAMUS**

Ibn Manzur (1954), *Lisan al-'Arab*, j.4. Kaherah: al-Dar al-Misriyyah Li al-Ta'lif wa al-Tarjamah.

al-Fairuzabadi (1983), *Al-Qamus al-Muhit*, j.1. Berut: Dar al-Fikr.

Ahmad Warson Munawwir (1997), *Al-Munawwir*, Kamus Arab-Indonesia. Surabaya: Pustaka Progresif

*Kamus Dewan* (2002). Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Kamus Membaca Ingri-Melayu*. Fajar Sdn Bhd.